



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**BIL. 13**

**ISNIN**

**25 OKTOBER 2021**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b>	
USUL DI BAWAH P.M. 78(5) Penubuhan Tiga Buah Jawatankuasa Pilihan Khas	(Halaman 32)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19)) (Pindaan) 2021	(Halaman 35)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021	(Halaman 83)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
4. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
5. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
6. “ Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah)
7. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
8. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
9. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
10. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
11. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
12. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan)
13. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
14. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
15. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
16. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
17. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
18. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
19. “ Datuk John Ambrose
20. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
21. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
22. “ Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
23. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
24. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
25. “ Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan)
26. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan, Putrajaya)
27. “ Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim
28. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu
29. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
30. “ Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
31. “ Dato' Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
32. “ Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)

**AHLI HADIR (samb/-)**

33. Yang Berhormat Datuk Paul Igai
34. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
35. “ Datuk Razali bin Idris
36. “ Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
37. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
38. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
39. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
40. “ Puan Susan Chemeraí Anding
41. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
42. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
43. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
44. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
45. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
46. “ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
2. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
3. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
6. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Guan Dee bin Koh Hoi
2. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saravanan a/l Murugan., Menteri Sumber Manusia
2. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Menteri Perpaduan Negara]
3. “ Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Menteri Tenaga dan Sumber Asli]

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

4. Yang Berhormat Datuk Ali anak Biju [Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli]
5. “ Datuk Haji Hasbi bin Habibollah [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II]
6. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia]
7. “ Datuk Mohamad Alamin [Timbalan Menteri Pendidikan II]
8. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I]
9. “ Dato’ Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I]
10. “ Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
11. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I]
12. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Timbalan Menteri Kewangan II]
13. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
14. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)]
15. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Mohamad Basil Hazman bin Baharom  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juaraah  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibharim  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Isnin, 25 Oktober 2021**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, minggu ini ialah minggu yang terakhir persidangan kita bagi sesi kali ini dan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

**1. Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, bila universiti awam dan swasta dapat dibuka semula bagi memberi ruang kepada golongan siswa dan siswi melanjutkan pengajian secara langsung seperti biasa. Adakah usaha kementerian dalam memastikan semua kakitangan universiti, pensyarah dan para pelajar dapat di vaksin secara total dan mematuhi SOP yang sepatutnya?

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera semua. Tuan Yang di-Pertua dan juga semua Ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey, sebenarnya pihak Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan program kemasukan pelajar dalam tiga fasa keseluruhannya.

Pertama ialah fasa pertama dikatakan fasa libat urus. Fasa kedua, fasa pembuatan keputusan dan fasa ketiga ialah fasa pelaksanaan. Saya terangkan dahulu dengan fasa libat urus. Ini fasa pertama yang mana pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah melibatkan beberapa perbincangan dengan pihak

berkepentingan seperti pengurusan tertinggi universiti awam sendiri, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti serta kepimpinan mahasiswa.

Dalam konteks yang kedua pula, pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga telah pun berbincang dengan institusi-institusi yang bukan daripada pendidikan seperti antara contohnya, dengan pihak wakil kerajaan negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) dan juga syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan penerbangan untuk memastikan proses kemasukan pelajar dapat diurus selia dengan baik dan lancar.

Dalam konteks ini selepas habis fasa pertama iaitu sub fasa libat urus, maka pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah pun membuat satu mesyuarat melalui satu Sidang Khas MKN yang bertarikh 2 September 2021, yang mana segala input ini dibawa oleh Kementerian Pengajian Tinggi ke Sidang Khas MKN ini untuk mendapatkan kelulusan bagi membenarkan pelajar-pelajar memasuki universiti.

Akhirnya, pada 2 September 2021, pihak Sidang Khas MKN ini telah bersetuju untuk pelaksanaan fasa pembukaan kampus secara berperingkat dan ia dibenarkan. Apabila masuk fasa ketiga iaitu fasa pelaksanaan, makanya secara fizikal pelajar-pelajar dibenarkan untuk memasuki universiti masing-masing bermula pada 15 Oktober 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli Yang Berhormat sekalian, kita dapati bahawasanya di pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak kementerian kita memastikan urus tadbir ini berlaku dengan baik supaya tidak berlaku sebarang permasalahan. Maka sebuah bilik gerakan khas induk telah pun dibuka di Kementerian Pengajian Tinggi, yang mana bilik gerakan ini berkomunikasi langsung dengan bilik gerakan di setiap universiti awam yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Pertanyaan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Pertanyaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk pembaharuan atau nilai tambah yang telah diwujudkan dalam pelaksanaan setiap pusat pemberian vaksin IPT di seluruh negara khususnya PPV IPT yang terletak di kawasan luar bandar? Apa inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi menggalakkan vaksinasi dalam kalangan tenaga pengajar di IPTA, lebih-lebih lagi mereka yang tergolong dalam golongan anti vaksin? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini soalan yang bagus pada pagi ini. Untuk makluman semua, sekadar saya memberitahu di sini, bahawasanya sebelum saya menjawab secara *direct* kepada

soalan itu. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sehingga 17 Oktober 2021, seramai 959,917 orang daripada 1.15 juta orang pelajar IPT telah pun divaksinakan secara lengkap dua- dos iaitu sebanyak 84 *percent*. Oleh daripada ini, kita dapati bahawasanya kakitangan IPT pula sehingga 17 Oktober 2021, terdapat seramai 120,187 orang atau 92 *percent* telah menerima dos lengkap vaksinasi.

Bermakna dalam hal ini kita dapati bahawa dalam konteks pengurusan universiti memastikan ia selari dengan apa yang dikaji oleh kerajaan. Pertama, pihak universiti telah pun memastikan bahawasanya setiap kampus, setiap pelajar yang masuk akan diberikan *test RTK-AG Saliva* secara percuma yang mana saya hendak terangkan kepada kita di sini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM17.5 juta untuk diberikan secara percuma ke seluruh IPT. Untuk makluman semua sehingga hari ini, sehingga 22 Oktober 2021, hanya 0.1 peratus ataupun 80 orang sahaja yang dikesan positif di universiti-universiti yang ada di negara kita.

Maknanya dalam hal ini, kemasukan pelajar itu dilaraskan dengan baik dan sistem pengawalan di setiap universiti di mana pelajar-pelajar ini akan dikuarantinkan secara tersusun dan dipantau rapi oleh pihak universiti melalui pusat-pusat yang telah ditubuhkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan lain?

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu soalan tambahan

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, tambahan.

#### ■1010

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan masih lagi COVID-19, keluarga B40 dan M40 ini sebenarnya masih terkesan dengan masalah kewangan. Jadi soalan saya. Apakah kerajaan tidak mencadangkan untuk subsidi beberapa peratus setiap pembelian *laptop* siswa dan siswi daripada kumpulan B40 dan M40 untuk masuk ke universiti awam? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat kawan saya, Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Memang kerajaan mempunyai satu peranan yang besar dalam hal ini untuk memastikan pelajar-pelajar diberikan kemudahan-kemudahan seperti ini, terutamanya bagi golongan B40 ataupun golongan M40.

Dalam konteks ini sebenarnya kerajaan memastikan bahawasanya agensi-agensi yang berkaitan sebenarnya tidak diberikan pengkhususan kepada setiap pelajar yang mana mereka akan dapat- tetapi mereka boleh mohon kepada Kementerian melalui universiti masing-masing untuk dibuat penyelarasan daripada segi bantuan yang akan diberikan. Kita tidak akan meninggalkan mereka.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tambahan satu.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih. Soalan saya, kita sudah melalui tempoh COVID-19 sekian lama dan banyak kursus yang dibuat secara *online*. Adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan pengajian di universiti ini secara *online*, menjadikan siri kekal untuk kursus-kursus yang tertentu yang tidak memerlukan interaksi bersemuka dengan pensyarah? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Kita belum ada satu kajian yang menyeluruh tentang keberkesanan pengajian secara *online* ini. Makanya, setiap dasar akan dibuat, polisi akan dibuat, sama ada kursus ini dibuat secara *online* atau tidak *online*, perlu melalui satu kajian yang khusus. Saya fikir dalam hal ini mungkin dalam masa yang terdekat lepas ini apabila keadaan sudah mengizinkan, maka satu kajian yang khusus akan dibuat.

Selepas kajian itu, maka barulah kita akan membuat keputusan sama ada program pengajian ini akan dibuat secara fizikal ataupun boleh dilakukan secara *online* secara keseluruhan ataupun secara hibrid dan sebagainya, tetapi *invention* itu sudah ada. Maksudnya sudut keperluan itu mungkin sudah ada dan saya kira dalam hal ini kita juga perlu mengambil kira tentang soal perjawatan staf yang dari universiti dan sebagainya. Terima kasih atas soalan sebentar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi yang memberikan jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya menjemput Datuk Wira Koh Nai Kwong.

**2. Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kementerian mewujudkan sebuah pangkalan data bagi memantau pemilikan rumah bagi memastikan objektif kerajaan bagi memastikan rakyat memiliki rumah tercapai.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama, mempunyai rumah sama ada secara dimiliki mahupun secara sewaan.

Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat yang mengutarakan keperluan pewujudan sebuah pangkalan data untuk membantu bekalan dan permintaan perumahan di negara kita. Selaras dengan matlamat tersebut, KPKT kini sedang menjalankan kajian analisis data raya- *big data*

*analysis* atau BDA, perumahan mulai Februari 2021 bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan ketersediaan data berkaitan sektor perumahan di Malaysia.

Hasil kajian analisis data ini akan digunakan untuk membangunkan sistem BDA yang berkaitan. Kajian ini bertujuan untuk membantu ke arah mengatasi hartanah siap yang tidak terjual dan seterusnya berupaya mengetahui kedudukan pasaran perumahan hartanah dengan lebih jelas dan tepat demi pembangunan sektor hartanah yang lestari dan efisien.

Penemuan awal kajian menunjukkan bahawa data perumahan yang berkaitan dengan bekalan dan permintaan- *supply and demand*, dengan izin, berada di pelbagai agensi dan jabatan negeri. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan pusat repositori data untuk membolehkan pemegang taruh dalam industri perumahan menggunakan data yang sama ketika memberi input maklum balas berhubung bekalan dan permintaan perumahan, kemampuan untuk memiliki rumah, ketersediaan pembayaran pembiayaan, skim pembiayaan perumahan, pembangunan dasar dan unjuran keperluan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ini dijangka siap pada bulan Mei 2022. Kajian ini seterusnya akan menentukan hala tuju pembangunan sistem BDA yang merangkumi keperluan data, teknologi, proses kemahiran serta kos yang diperlukan bagi menjayakan pembangunan sistem tersebut. Selain itu, KPKT juga sedang membangunkan satu aplikasi iaitu *Housing Integrated Management System*, dengan izin, yang merupakan *single platform entry* bagi pemaju perumahan merujuk kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

Selain daripada memproses perumahan lesen, pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan yang akan menggantikan permohonan melalui aplikasi *business licensing electronic support system*, dengan izin, ini akan menjadi mekanisme pengumpulan data perumahan untuk tujuan pengurusan, pemantauan dan pelaporan pemilikan rumah. Pembangunan aplikasi HIMS ini adalah di peringkat akhir pengujian sebelum dapat digunakan. Aplikasi HIMS juga dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada suku tahun kedua 2022. HIMS ini juga akan menjadi salah sebuah komponen dalam sistem BDA. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Datuk Wira Koh Nai Kwong.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah, apakah galakan dan inisiatif yang diberikan kepada rakyat supaya berusaha untuk memiliki rumah khususnya anak muda dan pasangan yang baru berkahwin? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita banyak- beberapa program yang disusun oleh kerajaan dalam memberikan peluang untuk pemilikan rumah, terutamanya anak muda, termasuklah program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya banyak agensi yang melaksanakan program-program perumahan ini. Oleh sebab itu lebih kurang 15 buah agensi yang terlibat dalam penyediaan rumah bagi seluruh rakyat di negara kita ini, termasuklah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga lebih daripada 15 buah agensi yang lain.

Jadi secara detilnya Tuan Yang di-Pertua, pernah saya jawab dalam Dewan ini juga tentang kemudahan-kemudahan itu, termasuklah memberikan rumah IKRAM, maknanya rumah rakyat Keluarga Malaysia yang diberikan kepada mereka yang terkesan oleh COVID-19 di bawah B40 dan sebagainya, seperti pengecualian sewa selama enam bulan dan juga lain-lain apa yang kita berikan kepada mereka yang terlibat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua** Yang Berhormat Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad, ya?

**Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Daripada rekod, daripada data yang ada di pihak kementerian, jumlah peratus lebih kurang, kita tidak mahu angkalah, kita main peratus, kumpulan M40, B40 yang masih belum memiliki rumah dan negeri manakah yang menghadapi masalah yang paling akut, *acute*-lah dengan izin?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, inilah antara perkara yang sedang kita usahakan sekarang. Oleh sebab itulah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah perbadanan khusus untuk menyelaraskan isu-isu berkaitan perumahan negara dan cadangan untuk menubuhkan sebuah badan yang dikenali sebagai *National Housing Corporation* telah pun diluluskan oleh Kabinet.

Sekarang dalam tindakan bagi kita menyelaraskan dengan menubuhkan jawatankuasa pemandu dan juga *task force* yang bertanggungjawab, termasuklah kita akan menggubal- sedang menggubal rang undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini dengan tujuan untuk menyediakan maklumat. Oleh sebab sekarang ini kita tidak mempunyai maklumat yang terlalu tepat. Saya ada maklumat tetapi saya takut nanti maklumat yang saya beri tidak tepat. Akan tetapi memang

perlu, Tuan Yang di-Pertua, kerana seperti mana yang saya sebutkan awal tadi, kita ada lebih daripada 15 buah agensi yang terlibat membina rumah ini.

Jadi, kita Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tidak boleh mengakses semua sekali oleh sebab kerajaan negeri ada bertanggungjawab, perbadanan-perbadanan, Kementerian Luar Bandar dan Kementerian Wilayah Persekutuan, Lembaga Kemajuan RISDA, FELDA, KESEDAR, PERDA dan lain-lain termasuk swasta.

■1020

Jadi, inilah yang perlu kita berikan perhatian sekarang termasuklah cadangan kita untuk menubuhkan agensi tadi dengan tujuan kita dapat mengumpulkan maklumat ini dan kita boleh tahu berapa orang sebenarnya yang telah memiliki rumah. Saya pun kadang-kadang terfikir Tuan Yang di-Pertua, rumah kita tengok nampak banyak, tetapi kenapa masih belum cukup? Adakah ada orang yang memiliki lebih daripada sebuah rumah, ataupun lebih dari 4, 5 buah rumah? Jadi, *insya-Allah* Yang Berhormat Senator, saya akan cuba dapatkan maklumat ini setakat mana yang boleh untuk kita bagikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih banyak.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh tambah soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat, boleh tidak mencontohi macam mana *Singapore*? Dia punya *Housing Board* itu sangat berkuasa sekurang-kurangnya untuk mengawal kawasan bandar supaya perumahan rakyat lebih teratur. Adakah model ini sama dengan konsep *Housing Board* seperti di *Singapore*?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Inilah- atas kesedaran inilah, maka Kabinet telah bersetuju, pada 11 Ogos yang lalu supaya Lembaga ataupun Perbadanan Perumahan Negara ini ditubuhkan, dan mereka yang bertanggungjawab termasuk Jawatankuasa Pemandu- *task force* ini membuat kajian dengan membuat perbandingan dengan beberapa buah negara.

Mungkin juga termasuk Singapura untuk kita pastikan supaya Data Perumahan Negara ini dapat kita kumpulkan dan kita dapat memberikan maklumat sebenar kepada rakyat dan sebagainya. Kita tidak mahu kerana adanya ramai orang memiliki lebih daripada satu buah rumah, menyebabkan sebahagian daripada penduduk negara kita tidak memiliki rumah dan berada dalam kemiskinan.

NHC juga mencontohi *Land Development Board* sebagai satu entiti tunggal bagi perumahan. Maknanya, NHC esok merupakan sebuah badan tunggal yang akan menyelaraskan semua sekali berkaitan dengan perumahan, termasuklah Wilayah Persekutuan, swasta, dan sebagainya. Maknanya, kita akan tahu *insya-Allah*, Tuan Yang di-Pertua di atas- ini cadangan Yang Berhormat tadi cukup baik,

*insya-Allah* kita akan buat perbandingan supaya kita dapat menghasilkan satu *finding* ataupun mendapat hasil yang lebih baik untuk kepentingan data perumahan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail Haji Abdul Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**3. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, pelan perancangan masa depan bagi keciciran murid-murid menguasai membaca, menulis, mengira dan menaakul (4M) bagi murid-murid di bawah 12 tahun bermula tahun 2021 ke hadapan.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Timbalan Menteri Pendidikan II]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek atas soalan yang dikemukakan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin untuk mengatasi masalah keciciran murid peringkat sekolah rendah dalam penguasaan kemahiran 4M iaitu "membaca", "menulis", "mengira, dan "menaakul." Kemahiran 4M merupakan fokus kurikulum sekolah rendah sejak pelaksanaan kurikulum standard sekolah rendah KSSR mulai tahun 2011. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) murid tahap satu iaitu murid tahun satu, dua, dan tiga ditumpukan kepada penguasaan 4M.

Manakala aktiviti PDP murid Tahap Dua, iaitu Tahun 4, 5 dan 6 pula ditumpukan kepada pengukuhan dan aplikasi 4M. Selain itu Program Pemulihan Khas juga dilaksanakan untuk membantu murid sekolah rendah yang belum menguasai kemahiran asas 4M. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kemahiran menaakul ini diterapkan bersama-sama dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira untuk membolehkan murid memberi sebab dan akibat serta menyatakan rasional yang logik bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah, atau *Primary Literacy and Numeracy* (PLaN) dilaksanakan mulai Mac 2020 hingga 2025 kepada murid tahun dua dan tiga.

Program ini merupakan sokongan PDP yang komprehensif dan menyeluruh untuk memastikan murid boleh menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan tiga. Yang Berhormat Senator, dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa KPM meletakkan tahap penguasaan itu dalam sistem kita merupakan tahap satu hingga enam. Sebenarnya program ini merupakan sokongan PDP yang komprehensif dan menyeluruh untuk memastikan murid boleh menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan tiga dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa

Inggeris, dan Matematik, serta meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran 4M.

KPM telah melancarkan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPM PerkasaKU) pada 30 Ogos 2021 sebagai inisiatif untuk membantu murid mengadaptasi normal baharu semasa COVID-19 dalam pelaksanaan aktiviti PDP di sekolah dan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR). Terdapat empat strategi dilaksanakan melalui program ini, iaitu yang pertama, Program Pemugaran Literasi dan Numerasi, yakni membangunkan modul asas literasi dan numerasi bagi murid yang belum menguasai asas kemahiran 4M. Modul ini dilaksanakan kepada murid Program Pemulihan Khas Tahap Satu yang telah dikenal pasti.

Strategi yang kedua ialah pemerkasaan Pentaksiran Bilik Darjah. Pemerkasaan Pentaksiran Bilik Darjah dilaksanakan bagi memastikan tahap keupayaan dan penguasaan pembelajaran murid terutamanya dalam kemahiran 4M sentiasa ditaksir, direkodkan, dan dipantau.

Strategi yang ketiga ialah pengukuhan dan pengayaan. Ia bertujuan merapatkan jurang pembelajaran dengan penyediaan bahan sokongan PDP secara digital atau bercetak bagi memperkukuh dan memperkayakan pengetahuan dan kemahiran murid termasuk kemahiran 4M, manakala strategi yang terakhir yang keempat ialah penyediaan portal SumberKU KPM, yakni merupakan satu sistem penyimpanan bahan PDP untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan murid sekolah rendah, khususnya dalam kemahiran 4M.

Kesimpulannya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, strategi yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid menguasai kemahiran 4M. Strategi ini juga memastikan murid bersedia untuk peringkat pembelajaran seterusnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan. Dipersilakan Puan Fadhlina.

**Seorang Ahli:** Soalan tambahan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sedang melihat persiapan kanak-kanak masuk ke sekolah pada bulan Mac tahun depan. Kebimbangan saya tentang kesenjangan ataupun *inequality* yang memperlihatkan kepada kanak-kanak, yang pertamanya yang buta aksara iaitu buta huruf, dan yang kedua, keciciran sebagaimana yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, bagaimanakah sebenarnya persiapan khususnya untuk menangani isu buta aksara ini? Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana saya sebutkan tadi, beberapa program yang telah pun dilaksanakan oleh KPM, tapi di samping itu Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkasakan

pendidikan Orang Asli juga bahawa kita juga turut mengguna pakai pelan yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, bagi pengukuhan penguasaan tersebut, kita juga mengambil beberapa pendekatan di bawah Pelan Transformasi Pendidikan ini. Jadi, ia juga akan termasuk juga, Yang Berhormat Senator, bagaimana untuk kita memastikan penguasaan 4M itu dan ia tidak akan mengakibatkan keciciran di kalangan anak-anak murid di sekolah rendah nanti, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Ahmad bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpengalaman di peringkat sekolah menengah dan melihat sendiri bagaimana kiranya kegagalan menyelesaikan masalah keciciran murid ini, menyebabkan anak ini akan terus ketinggalan waktu di peringkat sekolah menengah.

Jadi persoalan saya, adakah kementerian berhasrat mewujudkan kelas-kelas pemulihan di antara sekolah rendah ke sekolah menengah itu, sebelum murid-murid tercicir ini masuk ke sekolah menengah? Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita faham sistem pendidikan kita telah digubal sedemikian rupa dan banyak strategi telah pun disiapkan sebenarnya. Kalaulah barangkali- masih lagi kedapatan anak-anak murid yang gagal menguasai 4M itu, kita masih ada lagi kelas Pendidikan Khas sebenarnya. Jadi, ini juga kita harus perkasakan. Kelas Pendidikan Khas di sekolah rendah dan juga *even* di sekolah menengah kita sediakan, untuk memastikan bahawa semua anak-anak murid kita mendapat akses pendidikan yang sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah, terima kasih kepada kerajaan kerana memasukkan satu lagi “M” yakni “menaakul”. Sebelum ini 3M, sekarang ada 4M- “menaakul”. Cuma sekarang, saya hendak tahu, daripada 4M ini, adakah di antara empat-empat itu, ada pemberat masing-masing- membaca berapa peratus, mengira berapa peratus, menaakul berapa peratus? Kalau diberi keutamaan pada menaakul, pemberat yang lebih tinggi, *insya-Allah*, masa depan negara lebih cemerlang. Terima kasih.

■1030

**Datuk Mohamad bin Alamin:** *Insya-Allah*, Yang Berhormat Senator, secara *detailnya* nanti saya akan bekalkan secara bertulis. Akan tetapi, secara amnya, kita membuat penilaian tahap penguasaan itu antara tahap satu hingga tahap enam penguasaan. Jadi, maknanya kalau di peringkat rendah itu, kita pastikan mengikut peringkat umur ya, sekurang-kurangnya mereka boleh menguasai pada tahap tiga. Jadi, maknanya kita ada tahap-tahapan penguasaan mereka dan, *insya-Allah*, untuk

detilnya nanti saya akan bekalkan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mohamad bin Alamin, Timbalan Menteri Pendidikan atas jawapan yang diberikan.

**4. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam menggalakkan pembangunan industri tenaga boleh diperbaharui- *renewable energy* di Malaysia.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu mengenai soalan berhubung dengan industri tenaga boleh diperbaharui- *renewable energy*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan kita amat komited dalam menggalakkan pembangunan tenaga boleh baharu- TBB, atau *renewable energy* di negara ini. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 31 peratus kapasiti TBB yang bersamaan 13 ribu megawatt dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025, manakala sebanyak 40 peratus ataupun 18 ribu megawatt menjelang tahun 2023.

Sehingga kini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah kapasiti TBB yang telah beroperasi adalah berjumlah 7,995 megawatt atau bersamaan dengan 23 peratus dan telah mewujudkan tidak kurang daripada 95 ribu peluang pekerjaan dengan nilai pelaburan sebanyak RM31 bilion.

Dengan komitmen kerajaan khususnya melalui kementerian saya KETSA, kerajaan bersedia meningkatkan kapasiti TBB ini pada masa hadapan, seperti yang tersebut yang di atas yang mana ia akan memberi peluang yang lebih luas untuk rakyat kita, di samping pemain industri untuk mendapatkan manfaat daripada pembangunan TBB atau tenaga boleh baharu ini.

Saya juga ingin maklumkan, di Semenanjung dan juga di Sabah, usaha untuk mencapai sasaran TBB yang telah ditetapkan akan diterajui oleh KETSA melalui pelaksanaan beberapa program TBB iaitu antaranya, Skim Tarif Galakan atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *Feed-in Tariff* bagi sumber biojisim, biogas dan hidro kuasa kecil. Manakala bagi sumber daripada solar, ia melalui satu program yang dinamakan Per Meteran Bersih atau dalam bahasa Inggerisnya, *Net Energy Metering* atau NEM, penggunaan sendiri- *self consumption*, dan *New Enhanced Dispatch Arrangement* atau NEDA. Ini tidak ada dalam Bahasa Melayu, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.



Bagi negeri Sarawak pula, memandangkan kuasa perbekalan elektrik adalah di bawah kuasa kerajaan negeri, maka inisiatif untuk mencapai sasaran TBB diterajui oleh kerajaan negeri melalui Kementerian Utiliti Sarawak.

Selain itu, kerajaan juga turut menyediakan insentif cukai khas kepada pengusaha tenaga boleh baharu seperti berikut, antaranya:

- (i) Elaun Cukai Pelaburan Hijau atau *Green Investment Tax Allowance* (GITA) serta pengecualian Cukai Pendapatan Hijau, atau *Green Income Tax Exemption* (GITE) yang memberi pengecualian cukai pelaburan atau *income tax allowance* kepada syarikat yang melabur ataupun yang memperolehi peralatan hijau serta pengecualian cukai pendapatan (*income tax exemption*) bagi perkhidmatan hijau; dan
- (ii) Insentif pembiayaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ataupun *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) yang mana kerajaan kita memperuntukkan sebanyak RM2 bilion bagi menampung dua peratus daripada kadar faedah pinjaman untuk tujuh tahun pertama pelaksanaan projek-projek TBB dengan sejumlah 60 peratus jaminan kerajaan- *government guarantee* bagi pembiayaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Ir. Ts.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya.

Pertamanya, kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mempunyai *political will* untuk pergi ke arah *renewable energy* yang kita tahu pelepasan gas rumah hijau ini perlu dikawal untuk menjaga ozon dan sebagainya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan penerokaan tenaga baharu yang lebih bersih, contohnya seperti gas hidrogen, dan yang menjadi tabu kepada masyarakat kita tetapi tidak kepada negara maju iaitu tenaga nuklear? Sedangkan di sana kita telah pun ada Agensi Nuklear Malaysia yang telah wujud daripada 11 November 1971. Sekian.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam mengenai soalan yang cukup baik.

Sebagaimana yang saya maklum tadi, kerajaan kita amat komited dalam melaksanakan program dan juga industri tenaga boleh baharu (TBB) ini yang mana kerajaan sedang menerokai bidang-bidang yang lain untuk kerajaan menuju ke arah mengurangkan penggunaan penjanaan elektrik daripada sumber biasa iaitu arang

batu dan gas. Kita menuju ke arah sumber-sumber yang lebih hijau, antaranya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah daripada sumber hidrogen. Kerajaan komited untuk mengkaji apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih.

**Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah rancangan kerajaan untuk pergi kepada *renewable energy* yang bersihlah, lari daripada arang batu.

Cuma, dalam segi program kerajaan, dalam banyak-banyak model *renewable energy*, model mana yang akan diberi fokus yang utama? Sama ada solar kah, hidro kah, mini hidro kah? Dan untuk mencukupkan tenaga ini, satu masa nanti mungkin kita tidak boleh lari daripada nuklear, dengan izin, *insya-Allah*.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad.

Mengenai soalan Yang Berhormat Senator tadi, saya ulangi sekali lagi bahawa kita menuju ke arah sumber penjanaan tenaga yang lari daripada keadaan biasa, iaitu yang saya sebutkan tadi arang batu dan gas, ke arah menggunakan penjanaan daripada sumber yang lebih hijau yang disebutkan tadi antaranya solar dan juga hidrogen.

Cuma, masalah, Yang Berhormat, solar ini kami di kementerian memahami keadaan ini yang mana solar ini kita tidak boleh menjadikannya satu-satunya sumber dalam keadaan negara kita ini yang cuacanya tidak menentu. Bila ada matahari, ada solar. Tidak ada matahari, tidak ada solar. Jadi, atas sebab itulah kita masih menggunakan hidro sebagai sumber utama kepada TBB ini, diikuti dengan solar dan juga seterusnya hidrogen.

Cuma, saya hendak jelaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita belum lagi ataupun tidak berhasrat untuk menggunakan nuklear sebagai sumber penjanaan kuasa ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan atas jawapan yang diberi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

#### ■1040

**5. Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kehilangan pekerja-pekerja mahir dan kurang mahir kepada robot dan kecerdasan buatan-*artificial intelligence*, dalam era Revolusi Industri 4.0.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan statistik sistem Insurans Pekerjaan (PERKESO) sehingga 30 September 2021, jumlah kekosongan pekerjaan dalam bidang ICT termasuk robot dan kecerdasan buatan yang direkodkan menerusi portal

*MYFutureJobs* sebanyak 195,054 jawatan. Manakala purata jawatan kosong dalam bidang ICT yang aktif merupakan sebanyak 21,582 kekosongan.

Dalam menangani masalah kehilangan pekerjaan mahir dan kurang mahir kepada robot dan kecerdasan buatan- *artificial intelligence*, dengan izin, dalam era Revolusi Industri 4.0, kerajaan melalui PERKESO menyediakan kemudahan pencarian peluang pekerjaan untuk dimanfaatkan oleh pencari kerja melalui portal *MYFutureJobs* yang dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu.

Di samping itu juga menyediakan peruntukan dalam Belanjawan 2021 melalui pakej-pakej rangsangan ekonomi bagi tujuan pelaksanaan program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau dengan memberi tumpuan kepada kebolehpasaran pekerja dan padanan pekerjaan.

Inisiatif ini dicadangkan dan diperkenalkan oleh kerajaan dilihat mampu memberi peluang baharu kepada golongan pekerja yang terjejas mahupun pekerja yang hilang pekerjaan. Golongan pekerja dan individu yang terjejas perlu mengambil peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada menerusi inisiatif yang disediakan oleh kerajaan. Inisiatif ini bukan sahaja memberi nilai tambahan untuk meningkatkan pendapatan tetapi boleh menjadi platform membuka lebih peluang dan ruang kebolehpasaran diri dalam pasaran dalam pasaran kerja.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif latihan semula merupakan program latihan yang ditawarkan bagi membolehkan pekerja mendapat pengetahuan dan kemahiran terkini yang selari dengan perkembangan teknologi semasa. Program sebegini amat sesuai disertai oleh para pekerja yang merasakan pengetahuan kemahiran sedia ada mereka kurang relevan dengan keperluan semasa.

Melalui pengetahuan dan kemahiran baharu, pekerja berpeluang mengasah semula kemahiran supaya kekal relevan dengan skop kerja. Sebagai contoh, pekerja pada masa kini terlibat dalam mengendalikan peralatan berteraskan sistem analog dapat mengikuti pelbagai program khas yang menguasai kemahiran pengendalian peralatan berteraskan sistem digital yang turut selari dengan keperluan semasa Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula inisiatif peningkatan kemahiran memberi peluang kepada pekerja untuk meningkat, menambah, memperluas dan memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dimiliki. Inisiatif ini lebih berfokuskan kepada intervensi yang membawa nilai tambah kepada kemahiran sedia ada dan pekerja berkaitan kemahiran yang dilalui oleh pekerja dilihat bukan sahaja boleh dijadikan pemangkin untuk mendapatkan pekerjaan baharu tetapi ia turut berupaya mendorong kepada pencapaian pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia menerusi agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTKSM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Pembangunan

Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) aktif dalam menawarkan dan menyediakan pelbagai program latihan berasaskan pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada golongan pekerja yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Program latihan kemahiran yang ditawarkan berteraskan aspek teori dan praktikal mencakupi pelbagai bidang yang bersesuaian dengan permintaan industri semasa. Kursus-kursus jangka pendek dan program perintisan ditawarkan kepada peserta yang berminat untuk mendalami kemahiran bersesuaian dengan minat dan latar belakang mereka. Seajar dengan perubahan teknologi, kerajaan melihat akan perlunya penyediaan tenaga kerja kompeten yang mampu menghadapi cabaran dalam industri terkini.

Aplikasi teknologi berkonsepkan Industri 4.0 memerlukan tenaga kerja yang menguasai kemahiran-kemahiran digital seperti automasi, teknologi robotik, analisa data dan pengkomputeran awan- *cloud computing*. Sehubungan dengan itu, penekanan terhadap kemahiran yang menjadi keutamaan majikan adalah wajar untuk diberikan kepada para pekerja secara meluas dan berterusan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan satu?

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah dalam bidang teknologi dan kemahiran insaniah- *soft skill*, satu yang semakin berkurangan bukan sahaja sekarang tetapi juga pada masa hadapan? Adakah strategi kerajaan dalam memupuk bakat-bakat dalam bidang teknologi dan kemahiran insaniah?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator. Kalau kita lihat keseluruhan, Revolusi Industri 1.0 dan Revolusi Industri 2.0 telah membawa perubahan besar di negara-negara Barat.

Revolusi Industri 3.0 telah membawa perubahan besar di negara-negara ini seperti di India dan sebagainya. Kini, kita lihat, Revolusi Industri 4.0 ini akan membawa perubahan besar di Negara China dan juga di seluruh Asia. Maka, kerajaan sedia untuk menjalankan program-program yang selari, bukan sahaja memastikan warga tempatan kompeten di negara kita, tetapi kompeten di Asia, keseluruhan.

Maka, Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja mengadakan program-program baharu, tetapi, saya sebagai Menteri Sumber Manusia telah memperluaskan pungutan levi kepada semua sektor. Kalau kita lihat, berbanding dengan sebelum ini, ia hanya sektor tertentu yang bayar levi kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk menjalani latihan-latihan.

Akan tetapi, kini saya telah memperluaskan di mana semua sektor perlu membayar levi supaya menyediakan warga kerja untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Kita lihat sebelum ini, semua revolusi industri ketiga-tiga ini telah menelan masa selama sepuluh tahun. Akan tetapi, dengan keadaan hari ini, saya percaya dan yakin dalam lima tahun, teknologi sedia ada akan *updated*, dengan izin. Maka, kerajaan sedang menjalankan pelbagai latihan kemahiran untuk memastikan warga kerja bersedia untuk menghadapi cabaran. Pada masa yang sama, kita lihat di negara Jepun, walaupun *the whole world*, seluruh dunia bincang mengenai Industri Revolusi 4.0, Jepun sudah mara ke hadapan di mana mereka sedang mengkaji apakah Pembangunan Sumber Manusia 5.0?

Ini menunjukkan mereka sedang mengkaji peluang-peluang pekerjaan yang akan hilang dalam masa 10 tahun. Malaysia sedang mengintai dan meneliti dan memperhalusi perkembangan di Jepun, adakah rancangan-rancangan mereka terhadap Pembangunan Sumber Manusia 5.0, dan menyediakan warga kerja mengikut keperluan semasa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Okey, terima kasih. Kita bercakap tentang Revolusi Industri dan sebagainya. Adakah pekerja kita ada tenaga pengajar yang mencukupi untuk melatih mereka? Ini kerana, katakanlah, kita ada ratusan pusat latihan, tetapi tenaga mengajar kita tidak memadai, mungkin itu membantutkan usaha kita untuk melatih mereka. Terima kasih.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, menjadi relevan kepada Revolusi Industri 4.0, merupakan satu proses. Maka, kita bukan sahaja akan menyediakan warga kerja untuk menghadapi cabaran tetapi, kita sedang memberikan latihan kepada pelatih itu sendiri supaya mereka menjadi *trainer*. Maka, kita lihat di Pembangunan Sumber Manusia Berhad, setakat hari ini, beribu-ribu *trainers* telah pun disediakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan berhasrat untuk mengambil pekerja asing untuk sektor 3D?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan kadar pengangguran 4.8 peratus, saya sebagai Menteri Sumber Manusia tidak setuju membawa masuk pekerja kemahiran sektor 3D... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lu Hui Yew, ada lagi soalan?

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Ya, soalan yang saya mahu tanya Menteri ialah, adakah kementerian bekerjasama, dengan izin, *industry player* untuk meningkatkan pekerja-pekerja industri ini?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan dan pekerjaan warga kerja di Malaysia tidak akan mencapai matlamat sekiranya kita gagal melibat urus dengan pihak industri. Maka, konsep yang diamalkan oleh Kementerian Sumber Manusia ialah memang memberikan keutamaan kepada pihak-pihak industri dan bekerjasama dengan mereka supaya kita sama-sama menjayakan usaha kita untuk melahirkan modal insan yang kompeten untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia atas jawapan yang diberikan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya ada satu lagi soalan nombor 13, dan saya terpaksa berada di Dewan Rakyat untuk Bacaan Kali Kedua, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri saya untuk menjawab soalan 13, selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dengan itu, saya menjemput- bagi soalan nombor 6 dahulu ya. Iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

#### ■1050

**6. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah terdapat inisiatif atau elaun tambahan buat petugas barisan hadapan kepada anggota PDRM dan RELA yang seharian bertungkus-lumus menjaga Sekatan Jalan Raya (SJR) ketika ini?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, sebagai satu penghargaan kepada jasa dan pengorbanan *frontliner* atau barisan hadapan ini, kerajaan telah bersetuju supaya satu elaun khas diberikan kepada mereka iaitu termasuk Polis Diraja Malaysia dan juga Jabatan Sukarelawan Malaysia sejumlah RM200 sebulan. Mereka ini secara langsung membantu menangani penularan COVID-19 ini dapat kita kekang. Pembayaran bayaran elaun khas ini telah dilaksanakan mulai 1 April 2020 dan akan diteruskan sehingga ancaman wabak COVID-19 berakhir.

Sebagai tambahan, kerajaan juga telah meluluskan pembayaran khas sebanyak RM300 secara *One-Off* pada tahun 2021 kepada petugas barisan hadapan termasuk Polis Diraja Malaysia dan RELA. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kebajikan setiap anggota keselamatan dalam negara kita terbela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan saya.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk bantuan lanjutan khas yang diberikan kepada pasangan atau ahli keluarga anggota polis yang telah terkorban ketika menjalankan tugas-tugas menjaga sekatan jalan raya sepanjang tempoh PKP dilaksanakan? Apakah antara bantuan lanjutan yang disediakan kepada mereka? Adakah ia turut merangkumi bantuan tunai bulanan serta barang-barang keperluan harian? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang terdapat seramai empat orang anggota polis kita yang telah meninggal. Seorang daripada pegawai tinggi dan tiga orang anggota pangkat rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ada pelbagai sumber, yang boleh kita bantu warga PDRM yang mengalami kemalangan, kecederaan dan juga meninggal dunia semasa menjalankan tugas COVID-19 ini. Di antara lainnya ialah:

- (i) Tabung Kebajikan PDRM iaitu khairat kematian;
- (ii) Tabung Pegawai Kanan iaitu pegawai kanan sahaja yang dapat khairat kematian;
- (iii) Kelab Polis di Bukit Aman;
- (iv) Tabung Kebajikan Sukan dan Sosial;
- (v) *Ex-gratia* Bencana Kerja;
- (vi) Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas boleh mendapat bantuan sejumlah RM25,000;
- (vii) bayaran pencen kelayakan perkhidmatan;
- (viii) melalui koperasi iaitu sagu hati kematian;
- (ix) Insurans Berkelompok Koperasi PDRM; dan
- (x) Bantuan Pengurusan Jenazah.

*Insya-Allah* kita akan bantu anggota dan juga waris yang telah meninggal dunia akibat menjalankan tugas COVID-19.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, soalan tambahan.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Kerisauan kita terhadap mereka yang belum menerima vaksin COVID-19 melakukan aktiviti rentas negeri. Soalan

tambahan saya, apakah akan ada inisiatif dan tindakan yang lebih tegas daripada pihak kerajaan terutama buat golongan yang belum menerima vaksin untuk melakukan aktiviti rentas negeri? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kita masih lagi menggunakan Akta 342 yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pihak Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM, salah satu daripada agensi pelaksana penguatkuasaan undang-undang sentiasa akan membuat pemantauan dan juga melihat kepada mana-mana mereka yang tidak mendapat vaksin yang cuba merentas negeri, kita akan melakukan 'Snap Check', dengan izin.

Pada ketika ini, mereka ini boleh di kompaun sejumlah RM1,500. Bagi penjawat awam pula, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2021 yang berkuat kuasa pada 18 Oktober 2021 yang mana tindakan tatatertib boleh diambil bagi penjawat awam yang tidak ingin menerima vaksin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Timbalan Menteri Dalam Negeri atas jawapan yang diberikan. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

**7. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, statistik bilangan golongan isi rumah yang diketuai wanita yang terkesan daripada segi sosial dan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Apakah perlindungan sosial sedia ada atau yang akan diwujudkan untuk menangani masalah ini?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol atas soalan dan kepekaan Yang Berhormat terhadap isu wanita.

Menjawab soalan Yang Berhormat, sehingga 30 September 2021, statistik ketua isi rumah wanita yang berdaftar dengan eKasih adalah sebanyak 282,012 orang dan pelbagai program bantuan yang kita telah sediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan sama ada Kerajaan Pusat dan negeri bagi memastikan kadar kemiskinan dapat dikurangkan. Sebanyak 2,167,932 bilangan bantuan yang bernilai lebih kurang RM3.85 bilion telah disalurkan kepada ketua isi rumah wanita dalam eKasih di seluruh negara untuk Program Bantuan Kesejahteraan Rakyat.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai insentif kepada majikan dan wanita yang ingin kembali bekerja seperti elaun kewangan, pengecualian cukai



pendapatan sehingga tahun 2023. Di samping itu, PERKESO juga telah melaksanakan pelbagai program perkhidmatan seperti peluang pekerjaan untuk membantu 171,856 orang wanita untuk kembali bekerja atau mula bekerja sejak penularan wabak COVID-19 hingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengadakan pelbagai inisiatif untuk membantu termasuk program kolaborasi strategik bersama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), kolaborasi strategik Jabatan Pembangunan Wanita dengan pelbagai pihak seperti PERKESO dan TalentCorp. untuk menyediakan peluang pekerjaan untuk wanita, Program Wanita Bangkit, Program Bantuan MyKasih Kapital, Bantuan Khas Ibu Tunggal dan juga program inisiatif untuk membantu wanita mempunyai tabungan simpanan sendiri dengan persediaan kewangan iaitu melalui Program i-Suri. Sehingga sekarang ini, kita telah mencapai sebanyak 292,991 orang ahli yang mana ahli yang mencarum sebanyak 198,730 orang.

Jadi, kita mengharapkan dengan pelbagai program yang disediakan termasuk juga Program MyKasih Kapital yang disediakan di bawah YKN dan juga program di bawah LPPKN iaitu MamaCare dapat membantu golongan ibu tunggal ini untuk mendapat bantuan kerajaan terutama dalam berdepan dengan pandemik COVID-19. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, silakan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya, apabila menyentuh ketua isi rumah wanita ini, adakah garis ataupun definisi yang ditetapkan oleh kementerian bagi ketua isi rumah ini. Adakah berdasarkan pendapatan? Adakah berdasarkan bahawa status mereka ibu tunggal ataupun satu lagi status yang saya rasa sangat kritikal Yang Berhormat iaitu ibu tunggal yang dalam konteks senarai mana-mana pun, mereka ini sering tercicir kerana masalah dokumentasi dan juga status mereka dan bagaimana kementerian melihat isu ini? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang baik. Dalam kita menentukan ibu tunggal ini, kita melihat beberapa kategori mereka termasuklah mereka ini yang kematian suami ataupun ibu tunggal yang digantung tidak bertali ataupun mereka yang ada suami tetapi suami sakit yang tidak boleh bekerja yang dia terpaksa menanggung nafkah.

Program ini dilaksanakan secara saya sebutkan tadi, melalui eKasih di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mengendalikan isu ini di bawah EPU yang mana maklumat ini kita kongsi bersama melalui JKM. *Insyaa-Allah* mereka inilah yang kita dahulukan dalam pemberian apa-apa bantuan yang diperlukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh kaum wanita seperti keganasan rumah tangga, kemurungan, gangguan seksual, masalah sosioekonomi lain yang dihadapi oleh wanita sebagai ketua keluarga. Adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan pusat sehenti di seluruh negara untuk memberi sokongan yang padu dan bertepatan kepada kaum wanita?

■1100

Pada masa sekarang, mereka terpaksa pergi kepada pelbagai agensi untuk mendapatkan bantuan. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan pusat sehenti untuk wanita? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Ya, cadangan Yang Berhormat sangat bagus dan sebenarnya kita sudah ada dalam pelaksanaan iaitu untuk kita mewujudkan pusat sehenti untuk semua isu berkaitan dengan kepentingan wanita. Kita juga bukan setakat kita mengadakan pusat sehenti tetapi kita juga buat secara mobil iaitu bergerak. Kita mengharapkan sekiranya ada laporan yang berkaitan dengan kepentingan wanita dan sebagainya, sila berhubung dengan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri.

Di setiap negeri kita ada Jabatan Pembangunan Wanita. Sekiranya mereka berdepan dengan masalah keganasan dan sebagainya, isu yang berkaitan, sila lapor sama ada cara paling mudah melalui Talian Kasih 15999 ataupun terus kepada balai polis berhampiran dan kita juga menyediakan pusat transit keganasan rumah tangga, yang ini *insya-Allah*, kita akan memperluaskan ke seluruh negara.

Setakat ini, kita telah buat kerjasama dengan Jabatan Agama Islam (JAWI) untuk memudahkan mereka supaya mereka cepat mendapat perlindungan dan kita akan berhubung terus dengan agensi yang berkaitan. Jadi kita mengharapkan semua pihak peka tentang keperluan wanita dan jangan segan silu. *Alhamdulillah* sekarang ini semua operasi kita seperti biasa. Pejabat JKM kita yang ada lebih daripada 108 buah jabatan di seluruh negara. *Insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan lain? Silakan, Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya- kita disenaraikan sebagai negara yang berpendapatan tinggi tetapi perlindungan sosial yang rendah berbanding dengan negara-negara lain. Apakah kekangan yang Kementerian hadapi menyebabkan perlindungan sosial kita menjadi rendah? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Kita sangat memahami tekanan yang dihadapi oleh kaum wanita dengan suasana pandemik yang ada. Jadi sebab itulah kita sedang melihat dan meneliti isu-isu yang menjadi kekangan dan halangan. Antaranya, kita cuba berusaha terutama mereka yang layak menerima bantuan. Kita melihat juga iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mereka. Walaupun kita mengharapkan kita hendak beri yang terbaik, tetapi kekangan dari sudut kemampuan kerajaan juga terhad.

Apa pun kita melalui pelbagai usaha kolaborasi kita bukan setakat melalui kerajaan, laluan melalui NGO dan badan-badan bukan kerajaan ini juga kita harapkan supaya mereka ini kita dapat menyantuni dengan baik. Jadi, sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat juga sangat kita harapkan untuk memastikan supaya mereka ini mendapat perlindungan yang terbaik. *Insyaa-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

**8. Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, jumlah kehadiran PdPR *online* bagi murid Orang Asli, dan adakah bantuan yang disediakan bagi meningkatkan kebolehadiran, dan kebolehcapaian jaringan internet.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid termasuk murid Orang Asli melalui pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan sama ada secara dalam talian, luar talian atau *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah memperkenalkan inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk memastikan murid Orang Asli dan peribumi mendapat pendidikan yang terbaik. Inisiatif ini antaranya adalah untuk meningkatkan enrolmen dan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Penyertaan murid Orang Asli dalam PdPR turut diberi perhatian sewajarnya.

KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPDPR) bagi membolehkan penyertaan murid, termasuk murid Orang

Asli dipantau secara masa sebenar- *real-time*, dengan izin. Dapatan pemantauan ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Sehingga 30 September 2021, penglibatan murid orang asli dalam PdPR secara dalam talian adalah seramai 296 orang. Manakala 14,570 orang murid telah mengikuti PdPR secara luar talian. KPM juga telah memberikan bantuan peranti digital lengkap dengan pelan data selama setahun di bawah inisiatif Tabung Cerdik kepada murid B40, di mana insentif ini, Tuan Yang di-Pertua, masih lagi berjalan yang dikendalikan oleh Yayasan Hasanah.

Berdasarkan data agihan, seramai 1,022 orang murid Orang Asli dari 13 buah sekolah di seluruh negara telah menerima peranti digital ini. Bantuan peranti digital serta pelan data yang diberikan ini dapat meningkatkan kebolehlaksanaan proses pembelajaran murid Orang Asli secara dalam talian di kawasan pedalaman.

Selain itu, KPM menyokong usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui penyediaan peranti dan juga penubuhan Pusat Internat Komuniti di perkampungan Orang Asli. Usaha ini adalah bagi memastikan murid Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman dalam melaksanakan PdPR secara dalam talian dan seterusnya membolehkan mereka mengikuti PdPR secara lebih berkesan lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat isu internat di kampung Orang Asli, dia perlu suatu kerjasama bersepadu antara Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Telekomunikasi dan Multimedia.

Saya ingin bertanya apakah usaha kerjasama yang bersepadu ini dapat dilakukan. Oleh sebab kita melihat internat itu hanya ada dalam sekolah. Sedangkan PdPR *online* di rumah. Di rumah sudah tidak ada *line*, yang ini belum diselesaikan bersepadu antara kementerian. Mohon penjelasan.

**Datuk Mohamad bin Alamin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya amat setuju bahawa ada *integrated effort*, dengan izin. Adanya usaha-usaha bersepadu bukan sahaja di bawah KPM tetapi juga agensi-agensi yang merentasi kementerian juga harus kita perhebatkan. Di bawah SKMM, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita ada program JENDELA, di mana lebih banyak menara dibina di seluruh kawasan negara kita. termasuk juga kawasan-kawasan pedalaman, termasuk di perkampungan Orang Asli juga. Saya percaya banyak akan dibina dalam masa terdekat ini. Ini akan membantu kepada meningkatkan capaian internet yang untuk memberi akses lebih kepada anak-anak di kawasan pedalaman termasuk di kampung-kampung Orang Asli, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat di sekolah-sekolah Orang Asli ada Bahasa Semai untuk murid-murid Orang Asli. Saya ingin bertanya, adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan semula *People's Old Language*, dengan izin, POL, bagi bahasa ibunda masyarakat lain. Contohnya, masyarakat Siam di sini. Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita meneruskan dasar pendidikan kita yang sedia ada waktu ini. Sekiranya ada apa-apa lagi nanti kita akan lihat keperluan dari semasa ke semasa, yang penting akses pendidikan anak-anak murid Orang Asli kita utamakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mohamad bin Alamin, Timbalan Menteri Pendidikan atas jawapan-jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

**9. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah cadangan pembelian 300 biji ambulans untuk kegunaan semasa pandemik diteruskan atau tidak.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kesinambungan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan, Kementerian Kesihatan sedang menguruskan perolehan 490 buah kenderaan ambulans *Type B* berserta kelengkapan peralatan perubatan secara tender terbuka di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk menggantikan ambulans yang rosak, yang telah dilupuskan, yang perlu diganti dan ambulans baru di kawasan-kawasan tertentu yang memerlukan.

Proses perolehan ini sedang dalam peringkat penilaian tender dan dijangka dapat diserahkan kepada pengguna secara berperingkat-peringkat bermula pertengahan tahun 2022. Terima kasih.

■1110

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Soalan tambahan saya. Dalam membuat pengiraan perolehan untuk 400 buah ambulans, dan saya difahamkan bahawa ambulans ini amat canggih dengan tekanan negatifnya, dengan HEPA *filter*-nya, dengan *UV light*, dan apa semua. Jadi, berapakah jangkaan kos selenggaraan setahun untuk kenderaan-kenderaan ini? Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kesihatan II [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:**

Terima kasih, Yang Berhormat. Mungkin perlu sedikit penerangan di sini. Kita membuat perolehan ambulans ini secara berkala, setiap Rancangan Malaysia. Contohnya yang terkini, 490 buah ambulans dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Dahulu, ada kita pernah dengar kononnya ada berita yang tular, yang mengatakan kita membuat ambulans dengan *negative pressure* dan sebagainya. Itu bukan dalam apa yang kita buat sekarang ini, sebenarnya.

Jadi, hal yang kita laksanakan ini ialah *Type B*. Ambulan ini kita ada *Type A*, *Type B* dan kita ada *four-wheel*. Ini yang ada sekarang ini. *Type A* ini yang canggihlah. *Type A* inilah yang ada peralatan *ventilator*, sebenarnya. Jadi, kalau pesakit itu menggunakan alat pernafasan, maka ambulan jenis ini digunakan. Kebanyakannya dihantar ke sekolah. Kedua, *Type B*. Ini yang kita hendak buat. *Type B* yang kita akan *order* ini dipanggil- tanpa *ventilator*. Kelasnya dipanggil CKD, dengan izin, *complete knock down*. *Complete knock down*- maknanya kita ambil van itu, kita *modified* bagi jadi ambulan. Ini yang kita akan buat.

Kerajaan hari ini- ini merupakan Fasa Pertama, sebanyak 490 buah ambulan. Apabila habis ini, kita akan laksanakan Fasa Kedua, iaitu sebanyak 100 unit lagi ke tempat-tempat di seluruh negara. Anggarannya- sebab ini dalam peringkat tender; tender terbuka. Anggarannya lebih kurang- sebab harga penilaian sebenarnya akan dibuat dengan secepat mungkin tidak lama lagi. Anggarannya lebih kurang dalam RM400 ribu, begitu.

Jadi, ini adalah – sebab saya hendak kena betulkan, sebab kita bukan ada yang saya sebut *negative pressure*. Soalan daripada Yang Berhormat tadi tentang kos kita hendak mengendalikan tahunan dan sebagainya itu. Saya rasa ini perlu dibuat pembetulan dahulu.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sangat sensitif. Bukan sahaja kita hendak beli ambulan, kita hendak bagi. Kita tahu, tidak akan cukup. Kita juga mengadakan program penyumberluaran- *outsourcing*. Saya bagi contoh, baru-baru ini pada bulan Julai hingga bulan September, kes meningkat begitu tinggi di Lembah Klang, kenderaan tidak cukup.

Jadi, apa yang KKM buat ialah kita buat penyumberluaran atau *outsourcing* kepada syarikat-syarikat swasta selama tiga bulan dan kesannya cukup bagus. Maka, kita berfikir juga, cadangannya, mungkin pada masa akan datang untuk memudahkan, untuk lebih memurahkan, hendak *repair* dan sebagainya, KKM juga berfikir ada cadangan untuk membuat penyumberluaran secara jangka panjang selama tiga hingga lima tahun. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan ambulan. Kita tahu semasa wabak COVID-19 ini, terdapat banyak kes kematian BID ke hospital-hospital. Jadi, adakah kerajaan berhasrat supaya kita juga mempunyai perancangan untuk ada ambulan *Type A*, supaya kita dapat bertindak cepat dan supaya kes-kes sebegini tidak berlaku pada masa hadapan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat tentang perkara ini. Sebenarnya yang BID ini pun, kita tahu BID ini sama ada mereka tidak mengambil vaksin langsung, tidak mendapat ilmu tentang perkara COVID-19 langsung, atau tidak peduli langsung. Kebanyakannya- atau mereka ini mempunyai *comorbidity* yang serius dan tidak ambil rawatan. Jadi, mereka ini kebanyakannya sudah meninggal dunia dalam perjalanan atau meninggal dunia di rumah umpamanya, tetapi dibawa juga ke hospital. Itu sebab ia jadi BID itu.

Jadi pada ketika ini, kita fokus tentang- kalau kita lihat hampir 500 buah ambulan. Malah dengan fasa dua hendak tambah 100 buah lagi ia jadi 500 lebih buah, sebab kita hendak fokus kepada seluruh negara. Saya boleh bagi contoh; saya ambil tiga buah negeri. Di negeri Perak, bilangan ambulan yang kita akan serah kepada hospital merupakan 24 buah dan kepada klinik sebanyak 18 buah. Contoh satu lagi, pantai timur iaitu Kelantan. Kita hendak serahkan 16 buah ambulan kepada hospital dan 27 buah kepada klinik. Juga Sarawak, saya bagi satu contoh di Malaysia Timur iaitu 32 buah ambulans kepada hospital dan 21 buah kepada klinik.

Jadi, penumpuan kita kepada apa yang lebih penting pada ketika ini daripada segi ambulan. Oleh sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kalau ambulan ini 'sakit'; sudah lebih dari sepuluh tahun uzur, maka ia bawa pesakit nanti pesakit pun tidak dapat diselamatkan. Jadi ini, saya bercakap tentang seluruh negara.

Saya bagi satu contoh. Dahulu, saya sendiri pernah bekerja di Hospital Desa Changkat Melintang di Parit, Perak Tengah. Perjalanan dari situ ke Hospital Ipoh adalah selama sejam. Kadang-kadang sampai sejam lebih, sebab ada kesesakan. Jadi, ini menyebabkan masalah.

Jadi, hari ini, bila saya duduk di sini saya nampak macam mana kerajaan hari ini hendak memantapkan lagi. Malah, saya hendak bagi satu maklumat lagi. KKM telah membuat sebuah kertas kerja untuk kelulusan MOF iaitu perolehan 50 unit ambulan CBU.

Ini *Complete Build Up*. Maksudnya- ini *first time*, kali pertama kita buat iaitu kita import dari luar. Import sudah siap. Tadi sebanyak 490 buah, kita beli van dan kita *modify*, manakala yang ini kita import sudah siap. Ini akan diserahkan pada

Sabah dan Sarawak. Ini antara penambahbaikan yang kita buat untuk memudahkan pesakit pergi ke hospital. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan II atas jawapan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Puan Susan Chemerai Anding.

**10. Puan Susan Chemerai Anding** minta Menteri Pembangunan Luar bandar menyatakan, apakah inisiatif terkini Kementerian untuk Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Sarawak?

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan siling lebih kurang RM2.1 bilion untuk pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi membina dan membaik pulih sebanyak 75 ribu buah rumah, khusus buat golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi PPRT negeri Sarawak, siling sebanyak RM574 juta telah diperuntukkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas yang menyasarkan 4,785 unit bina baharu dan baik pulih bagi 15,047 unit rumah. Pelaksanaan program ini dijangka akan memberi manfaat kepada 99,160 orang ahli isi rumah luar bandar Sarawak.

Bagi tahun 2021 pula, sebanyak RM71.7 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi tujuan membina sebanyak 405 unit rumah baharu dan membaik pulih sebanyak 3,077 unit rumah. KPLB sentiasa berusaha menambah baik pelaksanaan dan penyampaian PPRT terutamanya di Sarawak, agar bantuan yang diberikan dapat dinikmati oleh kumpulan sasar.

Proses penambahbaikan pelaksanaan PPRT sebenarnya telah dimulakan sejak pertengahan tahun 2019 dan diteruskan sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, berikutan dengan impak pandemik COVID-19, sebahagiannya memberikan impak penambahbaikan yang sedikit perlahan. Strategi penambahbaikan pengurusan PPRT menumpukan kepada empat aspek utama. Pertama ialah mempelbagaikan sumber data pemohon.

Sumber data pemohon bantuan rumah dipelbagaikan iaitu melalui sumber data sistem eKasih, perakuan oleh agensi-agensi kerajaan lain, program, dengan izin, *search and assist* KPLB, permohonan individu ataupun kelompok serta aduan-aduan yang diterima. Dengan mempelbagaikan sumber data pemohon, bantuan



dapat disampaikan terus kepada penerima yang berkelayakan. Kementerian turut memperkenalkan permohonan bantuan secara dalam talian yang boleh diakses melalui laman sesawang kementerian.

Keduanya, menambah baik proses tapisan dan verifikasi penerima bantuan. Pihak kementerian akan melibatkan KEMAS sebagai salah sebuah agensi yang akan membuat siasatan dan verifikasi serta pemantau pelaksanaan. Manakala verifikasi teknikal pula akan dilaksanakan oleh agensi pelaksana yang dilantik untuk menentukan skop pembaikan atau keperluan untuk pembinaan. Melalui pendekatan ini, proses siasatan akan lebih telus dan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Ketiganya, penggunaan kaedah *industrialised building system* (IBS). Kementerian menetapkan sebanyak 60 peratus daripada keseluruhan sasaran unit bina baharu dapat dilaksanakan secara IBS.

#### ■1120

Namun begitu, disebabkan oleh pandemik COVID-19, mulai September 2021, KPLB telah memberi kelonggaran kepada kontraktor G1 untuk melaksanakan PPRT- bina baharu secara konvensional bagi membolehkan pembinaan dan penambahbaikan diteruskan terutamanya di kawasan pedalaman.

Keempat, KPLB bersama-sama FELCRA sedang membangun sistem pemantauan melalui aplikasi mudah alih *PPRT Apps* yang membolehkan pemantauan secara langsung yang mana sistem ini sedang dalam peringkat fasa satu.

Dengan pelaksanaan semua inisiatif ini, proses penyampaian bantuan dapat ditingkatkan dengan lebih berkesan, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya. Adakah kelayakan dan syarat untuk memohon program PPRT kementerian diubah? Jika diubah, apakah kelayakan dan syarat baharu? Ini memandangkan PGK sudah diubah kepada RM2,208 daripada RM980 dan memandangkan kemungkinan besar ramai rakyat yang jatuh ke paras kemiskinan akibat pandemik COVID-19.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Syarat kelayakan permohonan PPRT masih kekal seperti mana dinyatakan di dalam Tatacara Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Termiskin Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PPRT SKPR) Tahun 2019 iaitu ketua isi rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang ditentukan berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa dengan keutamaan akan diberikan kepada warga emas iaitu lebih 65 tahun, uzur dan orang kurang upaya, ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan ramai, mangsa bencana alam seperti ribut taufan, banjir dan kebakaran. Penerima bantuan perlu memiliki tanah sendiri ataupun mempunyai kebenaran

bertulis daripada pihak berkenaan sekiranya menyewa atau menumpang tanah milik orang lain ataupun tanah kerajaan.

Dalam hal ini, KPLB komited memastikan kumpulan sasar yang layak diberi bantuan sewajarnya berdasarkan syarat dan kriteria yang dinyatakan mengambil kira perubahan PGK serta impak pandemik COVID-19. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar atas jawapan yang diberikan.

**11. Puan Lim Hui Ying** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, senarai program pembinaan kepimpinan wanita yang telah dijalankan dari tahun 2020 sehingga kini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan.

Secara umumnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti untuk wanita yang mengandungi empat domain utama iaitu keseimbangan, kepimpinan, kesaksamaan sendiri, kewangan dan kemahiran.

Untuk tahun 2020, ada empat program yang telah dilaksanakan di bawah domain kepimpinan dan kesaksamaan iaitu:

- (i) Program Kemantapan Wanita bersama NGO - penyediaan wanita untuk lebih pengetahuan dan kemahiran dan berinisiatif untuk memupuk sikap saling bantu-membantu dan meningkatkan keupayaan wanita;
- (ii) Seminar *Design Thinking* - memantapkan kemahiran wanita profesional dan berkerjaya;
- (iii) Seminar *Career Comeback* - memantapkan kemahiran golongan wanita profesional dan berkerjaya; dan
- (iv) Wanita dan Kepimpinan – memberi kesedaran tentang kepentingan ilmu.

Bagi tahun 2021 sehingga Ogos 2021, terdapat 178 program yang telah dilaksanakan yang melibatkan domain kepimpinan dan kesaksamaan sendiri yang telah dilaksanakan iaitu di antaranya, forum "Kepimpinan Kendiri- Bangkit Sendiri"

yang diadakan sempena Hari Wanita 2021 untuk mendidik wanita mendepani sebarang cabaran dalam kehidupan.

Kedua, Simposium Wanita Dalam Pengajian Tinggi melibatkan para institusi pendidik pengajian tinggi. Tujuan simposium ini adalah untuk menyediakan medium bagi golongan wanita membincangkan dan memberi idea dan pandangan semasa bagi mereka berdepan dengan cabaran yang ada.

Seterusnya, program yang melibatkan kepimpinan muda iaitu Konvensyen Pemimpin Muda yang diadakan bulan Ogos 2021 secara atas talian yang mana fokus program ini ialah perbincangan berkaitan dengan pekerjaan, penjana pendapatan, pendidikan, kesaksamaan gender, kepimpinan dalam politik, kesihatan, keselamatan dan perundangan yang melibatkan pelajar-pelajar daripada universiti awam, universiti swasta dan institusi pengajian tinggi dan wakil-wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan.

Keempat, pemerksaan gender dan kepimpinan wanita muda dan berkerjaya yang diadakan sepanjang tahun bagi seluruh pejabat pembangunan wanita negeri. Kita ada di seluruh Malaysia. Program pemerksaan gender ini tujuannya adalah untuk memberikan inspirasi kepada wanita muda dan wanita berkerjaya mengenai teknik kepimpinan, meningkatkan kebolehpasaran wanita muda untuk menduduki kerusi lembaga pengarah sektor korporat dan kebolehpayaan wanita sebagai pembuat dasar keputusan dalam pelbagai bidang. Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Soalan tambahan saya senang saja. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, berapa warga Pulau Pinang yang mendapat manfaat daripada program-program yang disebutkan tadi?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab soalan Yang Berhormat itu spesifik, jadi saya tidak ada data spesifik untuk negeri Pulau Pinang di depan saya ini. Jadi, mungkin saya akan jawab bertulis. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya, terima kasih. Apakah peranan kepimpinan- *leadership role* yang sedang dimainkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam menyelesaikan lawak rogol yang masih hangat diperkatakan di media sosial? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah contoh atau teladan kepimpinan yang telah dipamerkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi memanggil Datuk Pandelega Rinong, atlet renang, dan pelakon Raja Farah untuk mendengar luahan hati mereka sebagai wanita yang terkesan dalam insiden lawak lucah yang melibatkan mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Okey, terima kasih Yang Berhormat atas kepekaan Yang Berhormat terhadap maruah wanita.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa peka dan kita mengharapkan semua pihak menghormati maruah wanita. Walau bagaimanapun, tindakan undang-undang dan peraturan ini adalah di luar bidang kuasa kami. Akan tetapi, kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyeru semua pihak supaya menghormati maruah wanita dan kalaulah kita tidak suka diri kita, keluarga kita, adik kita, anak kita diperlakukan demikian, jangan melakukan seumpama ini kepada golongan yang lain... [*Tepuk*] Jadi, saya harap semua pihak hormati maruah wanita.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya meneliti jawapan Yang Berhormat sejak awal lagi. Kebanyakannya ialah program-program lama yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Semenjak Yang Berhormat menyertai kementerian, program yang manakah yang lebih Islamik yang Yang Berhormat perkenalkan?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya banyak yang saya telah sebut tadi. Saya ada buat tadi jawapan saya dua segmen iaitu- sebab soalan asal untuk tahun 2020 dan 2021. Kita telah laksanakan semua program ini dan telah melibatkan lebih daripada 178 program yang telah dilaksanakan setakat ini, sama ada secara atas talian pada musim pandemik dan juga melibatkan pelbagai NGO termasuk pelajar-pelajar universiti. Semua program yang kita laksanakan ini merupakan program yang patuh syariah. Terima kasih.

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah bentuk latihan kepimpinan yang telah disertai oleh Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri sepanjang mengemudi kementerian terutamanya dalam aspek pengucapan dan perhubungan awam? Ini memandangkan banyak respons di media sosial yang menganggap Yang Berhormat Timbalan Menteri gagal mempamerkan contoh kepimpinan yang berkualiti, lebih-lebih lagi dalam hal atau isu yang memerlukan respons atau reaksi pantas. Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kena memahami ada perkara yang di luar bidang kuasa kementerian kita. Oleh sebab, kita kena melihat dalam pentadbiran negara, ada yang dalam bidang kuasa kementerian kita, ada yang di luar bidang kuasa kita. Jadi, saya sebagai pentadbir, kita kena melihat mana ruang yang di bawah bidang kuasa kita, kita kena respons, *insya-Allah*.

Akan tetapi yang di luar bidang kuasa kita, ini merupakan tanggungjawab... [*Suara kurang jelas*] Dan kita sentiasa berhubung. Saya sentiasa berhubung, contoh dengan Kementerian Sumber Manusia, saya sentiasa berhubung. Semalam lagi

saya memperingatkan terutama pelaksanaan program, pemakaian patuh syariah dan sebagainya. Akan tetapi ini adalah di luar bidang kuasa kementerian kami. Jadi, kita sentiasa berusaha dengan pelbagai cara dan kolaborasi sentiasa dibuat antara kementerian-kementerian untuk memastikan supaya semua pihak mematuhi dan menghormati peranan yang dimainkan.

■1130

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu saya bagi soalan tidak? Bukan soalan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin ucapkan syabas beliau terlalu rajin datang ke Dewan untuk menjawab. Baru-baru ini saya ada bangkitkan tentang Menteri yang pemalas saya tidak tahulah siapa yang makan cili, dia terasa pedas.

Apa pun saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya lihat ada beberapa program patuh syariah yang betul-betul berkesan dan boleh dikembangkan dari semasa ke semasa. Terima kasih, itu sahaja yang saya hendak sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Silakan Setiausaha.

***[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]***

## **USUL**

### **USUL DI BAWAH P.M. 78(5)**

#### **Penubuhan Tiga Buah Jawatankuasa Pilihan Khas**

11.31 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 78(5), Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Dewan Negara yang dibentangkan di atas meja di dalam Dewan ini sebagai Kertas DN.1 Tahun 2021, hendaklah diterima dan dipersetujui.”

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan juga tahniah kepada Dewan Negara di bawah kepimpinan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah pun mengambil langkah proaktif dalam mentransformasikan Parlimen khususnya bagi Dewan Negara ini melalui penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas bagi Dewan Negara. Justeru, pihak kerajaan menyokong penuh langkah ini melalui usul yang dikemukakan.

Sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang telah pun dibentangkan di atas meja Mesyuarat Dewan ini sebagai Kertas DN.1 Tahun 2021 ini merupakan susulan kepada dua siri Mesyuarat Jawatankuasa Dewan yang telah pun diadakan pada 23 Julai 2021 dan 30 September 2021. Penyata ini mengandungi syor-syor jawatankuasa yang dikemukakan berhubung dengan penubuhan tiga buah Jawatankuasa Pilihan Khas untuk diterima Majlis Mesyuarat ini.

Susulan daripada dua siri mesyuarat Jawatankuasa Dewan itu, jawatankuasa telah pun bersetuju mengesyorkan penubuhan tiga buah Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat;
- (ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan; dan
- (iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah... [*Tepuk*]

Jawatankuasa tersebut juga bersetuju agar terma rujukan bagi jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas ini hendaklah mengandungi beberapa perkara seperti berikut:

- (i) tujuan penubuhan;
- (ii) keanggotaan lima orang Ahli termasuk Pengerusi; dan
- (iii) tempoh kuat kuasa jawatankuasa selama dua tahun atau dua penggal daripada tarikh penubuhannya.

Jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas tersebut juga berkuat kuasa memanggil orang hadir di hadapannya untuk mengambil keterangan, buah fikiran dan juga pandangan tentang apa-apa yang berkaitan dengan bidang tugas yang dinyatakan dalam terma rujukan jawatankuasa tersebut serta tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Seterusnya, laporan ataupun penyata yang dikeluarkan hasil daripada siasatan ataupun, dengan izin, *enquiry*, oleh sesuatu jawatankuasa pilihan khas hendaklah dibentangkan di dalam Dewan. Penyata ini telah dibentangkan boleh dicadangkan untuk dibahaskan, diterima dan dipersetujui oleh Majlis melalui usul di bawah Peraturan Mesyuarat 78 (5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sesiapa menyokong.

**Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahaskan kerana selaras dengan Agenda Transformasi Parlimen, penambahbaikan tiga buah Jawatankuasa Pilihan yang ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita pada dasarnya telah setuju dengan penambahbaikan bagi tiga buah Jawatankuasa ini, tetapi jika ada yang hendak berbahas saya benarkan untuk dibahaskan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira ia sudah cukup *complete*, telah pun disentuh dalam ucapan-ucapan ketika membahaskan Titah Diraja dan juga ketika membahaskan Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Jadi saya mengusulkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang lain supaya perkara ini dipersetujui tanpa bahas. Itu cadangan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid atas pandangan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 75 (5) itu tadi hendak disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI  
PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19))  
(PINDAAN) 2021****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**11.36 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2021, dibentangkan bagi memperoleh kelulusan untuk meningkatkan hak siling perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 (KWC19) daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion serta menaikkan had statutori hutang semasa daripada 60 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 65 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini merangkumi tiga fasal seperti berikut. Fasal pertama ialah tajuk ringkas akta yang dicadangkan. Fasal kedua bertujuan membina subseksyen 3 (1), Akta 830 untuk menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang telah didapatkan di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959, Akta 637 dan jumlah wang yang boleh diterima oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983, Akta 275, daripada 60 peratus daripada KDNK Malaysia kepada 65 peratus.

Kenaikan ini Tuan Yang di-Pertua, diperlukan untuk membiayai tambahan kepada jumlah amaun Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM60 bilion kepada RM110 bilion bagi program-program yang telah disenaraikan dalam jadual kepada Akta 830. Fasal tiga bertujuan untuk meminda jadual kepada Akta 830, untuk mengadakan peruntukan bagi amaun tambahan untuk program dalam Butiran 1,2,3,6,7,8 dan 19 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi serta meminda jumlah keseluruhan amaun yang diperuntukkan bagi semua program.



Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia, anggaran perbelanjaan tambahan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 3, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah sebanyak RM45 bilion yang boleh diringkaskan pecahan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM12.7 bilion bagi menampung peruntukan tambahan subsidi upah dari RM18.3 bilion kepada RM31 bilion melalui Pakej PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH;
- (ii) sebanyak RM15.8 bilion bagi menampung peruntukan tambahan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) daripada RM25.2 bilion kepada RM41 bilion mengambil kira kelulusan rayuan serta peningkatan pemberian di bawah PEMERKASA dan PEMERKASA Tambahan;
- (iii) sebanyak RM2 bilion untuk meningkatkan peruntukan projek berskala kecil bagi kontraktor-kontraktor kecil dari Kelas G1 hingga G4, dari RM4 bilion kepada RM6 bilion. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi sekali gus menjana ekonomi negara;

■1140

- (iv) sebanyak RM3.6 bilion bagi menambah peruntukan Geran Khas Prihatin (PKS) daripada RM2.4 bilion kepada RM6 bilion, mengambil kira perluasan inisiatif ini pada tahun 2021 melalui pakej PERMAI, PEMERKASA Tambahan;
- (v) sebanyak RM1 bilion bagi peningkatan had amaun bagi pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional serta pindaan nama kepada pinjaman mikro kredit berjumlah RM2 bilion. Ini juga mengambil kira program pinjaman mudah mikro kredit yang diluluskan di bawah agensi lain seperti SME Corporation Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah diumumkan di bawah PEMERKASA;
- (vi) sebanyak RM4 bilion untuk meningkatkan peruntukan bagi Kementerian Kesihatan bagi perbelanjaan COVID-19 dari RM5 bilion kepada RM9 bilion. Ini akan memastikan inisiatif yang diumumkan di bawah PERMEKASA Tambahan berkaitan pengukuhan sistem kesihatan awam terutamanya bagi membendung penularan COVID-19 serta merawat pesakit COVID-19 dapat diteruskan; dan

- (vii) sebanyak RM5.9 bilion bagi meningkatkan sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas daripada RM110 juta kepada RM6.01 bilion. Peningkatan ini mengambil kira beberapa program ataupun projek baharu yang diperkenalkan seperti Program Jaringan Prihatin, subsidi penstabilan harga minyak masak, Program Prihatin Mykasih, Program Bakul Makanan, Program Klinik Bergerak serta program-program bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi meningkatkan ekonomi golongan rentan.

*[Datuk Paul Igai **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini memohon Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi pindaan rang undang-undang ini agar usaha kerajaan dapat diteruskan bagi menangani kesan COVID-19 ke atas kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta memastikan kelangsungan perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]:** Saya menyokong.

**Datuk Paul Igai:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 dibacakan kali kedua sekarang, dan terbuka untuk di bahas.

Di hadapan saya ada *list* ini, dan had perbincangan 10 minit. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**11.43 pg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang dalam membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 di Dewan yang mulia.

Saya menganggap di bawah fasa dua rang undang-undang ini iaitu bagi memperoleh kelulusan untuk meningkat had siling perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion adalah

sangat diperlukan dan disokong. Malahan di bawah fasa yang sama, langkah untuk menaikkan had statutori hutang semasa daripada 60 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 65 peratus merupakan satu langkah yang realistik dalam memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan pemulih ekonomi terus mampan.

Tuan Yang di-Pertua penambahan perbelanjaan wang negara ini sangat dialu-alukan sebagai mengekalkan keupayaan dan kestabilan bantuan terutama dalam konteks Keluarga Malaysia termasuklah khususnya B40 dan M40 yang terjejas teruk, golongan peniaga serta mengukuhkan sistem kesihatan awam. Inilah yang perlu kita terus berdoa tanpa henti-henti supaya negara terus bebas dan kembali kukuh dan pulih semula seperti sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, namun saya juga melihat, melahirkan kebimbangan dan sangat khuatir kerana dunia dan Malaysia belum selamat lagi, pandemik COVID-19 masih ada walaupun ada negara-negara sudah mengesahkan bahawa mereka berada dalam endemik. Malaysia tidak lama lagi akan berada dalam keadaan endemik tetapi ada tanda-tanda kes harian mula naik, kemasukan di hospital ada kenaikan, kluster-kluster baru terutama di tempat kerja serta di kalangan kanak-kanak dikesan ada kenaikan akibat kelonggaran-kelonggaran yang diputuskan oleh pihak kerajaan. Dalam hal ini langkah kerajaan merupakan satu keberanian tetapi pada waktu sama risiko itu adalah besar dan perlu berdepan sekali lagi andainya berlaku kenaikan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan besar saya di sini kepada Kementerian Kewangan, sejauh manakah negara mempunyai kekuatan kalis ekonomi dan kalis krisis? Apakah penebat-penebat bagi kalis ekonomi ini? Adakah menerusi peruntukan tambahan di bawah rang undang-undang ini mampu mengekalkan momentum dan daya tahan rakyat Keluarga Malaysia untuk bertahan?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion sejak berlakunya pandemik COVID-19. Saya sering kali bertanya-tanya apakah langkah fiskal dan bukan fiskal ini benar-benar manfaat lebih 20 juta orang rakyat serta 2.4 juta perniagaan di negara kita? Saya tidak nafikan peranan kerajaan sejak Kerajaan Perikatan Nasional telah banyak membantu negara dalam pelbagai aspek tetapi saya dan rakyat hendak memastikan apakah penebat-penebat bagi kalis ekonomi ini demi kelangsungan hidup rakyat negara kita.

Saya lihat antara penebat yang dianggap berjaya ialah ekonomi *gig*, penggunaan teknologi Internet yang telah menggerakkan ekonomi sepanjang berlaku krisis sehingga sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri Kewangan mengambil kira pandangan Ahli Dewan Negara ini. Idea Ahli-ahli Dewan

Negara perlu diberi, diambil serius dan diambil kira kerana rakyat bersuara kepada kami dan rakyat sentiasa dan sangat bimbang.

Saya juga hendak tahu, bolehkah kementerian melanjutkan lagi moratorium pinjaman seperti kenderaan, rumah, pinjaman peribadi, kad kredit, perniagaan kecil dan sederhana untuk tempoh enam bulan dari bermula Januari 2022 ini. Saya melihat pelaksanaan moratorium ini sangat membantu terutama kepada mereka yang mempunyai komitmen tinggi, hutang yang banyak akibat kehilangan kerja serta pemotongan gaji dan hilang punca daripada perniagaan. Jadi, pohon Kementerian Kewangan mempertimbangkan perkara ini secara serius. Saya juga hendak mencadangkan untuk pengeluaran KWSP iaitu:

- (i) pencarum yang mempunyai lebih RM500 ribu dalam Akaun 1 dibenarkan mengeluarkannya sebanyak RM100 ribu secara *lump sum*.
- (ii) pencarum yang mempunyai antara RM200 ribu hingga RM499 ribu dalam Akaun 1 dibenarkan mengeluarkan sebanyak RM70 ribu hingga RM90 ribu secara *lump sum*.
- (iii) pencarum yang mempunyai antara RM80 ribu hingga RM200 ribu dalam Akaun 1 dibenarkan mengeluarkannya sebanyak RM20 ribu hingga RM60 ribu secara *lump sum*; dan
- (iv) pencarum yang mempunyai di bawah RM70 ribu dalam Akaun 1 mungkin tidak dibenarkan kerana boleh menjejaskan simpanan hari tuanya atau mungkin dikeluarkan mengikut kadar patuh atau munasabah.

Ini adalah cadangan yang perlu diambil kira oleh KWSP kerana rakyat perlu terus *survive*, dengan izin, atau kelangsungan hidup. Di luar sana ramai yang sengsara, mungkin kita di dalam Dewan Negara tidak merasainya tetapi mereka memerlukan wang Ringgit. Oleh sebab itu saya sebut beberapa kali apakah penebat-penebat bagi krisis ekonomi di negara kita ini. Adakah Rancangan Malaysia Kedua Belas dan setiap belanjawan kita dibentuk bagi mewujudkan elemen-elemen penebat yang saya maksudkan tadi

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita perlu realistik. Segala bantuan dan insentif kerajaan telah dikeluarkan dalam bentuk pinjaman dan geran, dengan izin, segala macam lagi tetapi tidak dinafikan empat buah pakej pertama iaitu Prihatin, Prihatin PKS Tambahan, PENJANA dan Kita Prihatin serta sebahagian daripada langkah Belanjawan 2021 telah pun dibelanjakan.

Terima kasih saya ucapkan tidak terkecuali PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH bagi mengurangkan impak pelaksanaan

Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan ketika itu. Cuma saya hendak bertanya menerusi pindaan Rang Undang-undang ini yang meningkatkan had hutang statutori, apakah perkara-perkara yang diambil kira oleh kerajaan dalam hal ini? Adakah subsidi dan projek mega bagi negara dikurangkan atau bagaimana? Adakah akan berlaku defisit yang ketara kepada negara dalam keadaan ekonomi yang baru hendak pulih ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap menerusi peruntukan tambahan di rang undang-undang ini, bolehkah peruntukan, menampung peruntukan tambahan seperti projek berskala kecil bagi kontraktor-kontraktor kelas G1 hingga G4 dipermudahkan syarat pemberian bantuan selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan ekonomi, sekali gus menjana ekonomi negara. Saya juga hendak tahu menerusi peruntukan Geran Prihatin PKS turut diberi kepada usahawan-usahawan baru atau secara kecil-kecilan yang tidaklah mempunyai keuntungan syarikat melebihi RM100 ribu setahun diberikan peluang yang saksama.

Saya juga hendak tahu di bawah pindaan ini adakah sebanyak RM1 bilion yang disediakan bagi peningkatan had amaun bagi pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional serta pindaan nama kepada Pinjaman Mikro Kredit berjumlah RM2 bilion? Adakah pinjaman-pinjaman ini ditukar kepada status dana sebagai satu *start up*, dengan izin, atau permulaan dana yang besar serta memberi impak yang besar kepada usahawan tempatan kita.

Dana *start up* ini sangat penting sebagai kelangsungan dan keupayaan perniagaan masing-masing serta memberi pengukuhan awal untuk mereka yang mempunyai modal kecil dalam perniagaan mahupun yang mempunyai pusingan keuntungan yang sangat kecil. Permulaan dana ini dilihat sebagai dana penggalak kepada para peniaga kita.

Cuba kita bayangkan seorang peniaga nasi lemak diberikan permulaan dana sebanyak RM50 ribu. Sudah tentu penjaja akan menaikkan perniagaan mikronya dengan lebih baik dan lebih tinggi serta hebat lagi atau seorang usahawan kandungan digital sebagai contoh yang sekadar mempunyai pusingan keuntungan sebanyak RM10 ribu sebulan tetapi andainya diberi permulaan dana sebanyak RM1 juta, maka sudah tentu ROI- *Return on Investment*, dengan izin, dapat dicapai lebih sepuluh kali ganda selepas itu. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris atas perbahasan itu dengan masa tepat sekali.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Apandi bin Haji Mohamad. Silakan.

**11.53 pg.**

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Sebelum saya meneruskan syarahan saya mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019, (COVID-19)) 2020. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membacakan empat potong ayat suci Al-Quran daripada surah An-Nasrah yang berbunyi... [*Membaca ayat dari Surah An-Nasrah*] Bermaksud, bersama kesulitan itu ada kemudahan dan diulang lagi, dan sesungguhnya bersama kesulitan itu ada kemudahan. Apabila kamu telah selesai mengerjakan satu kebaikan, maka teruskan melipat gandakan, melakukan kebaikan yang lainnya. Sesungguhnya kepada Tuhan mu lah kamu bermohon.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kerajaan telah melakukan langkah yang tepat. Cuma mungkin pertikaian, dengan izin, *allotment* pada tempat-tempat yang dibacakan oleh kerajaan tadi sama ada PEMULIH, Prihatin, usahawan-usahawan kecil dan sebagainya.

Akan tetapi langkah kerajaan untuk menambah peruntukan kerajaan bagi menghadapi situasi COVID-19 ini amat tepat. Cuma angka saja yang kita boleh perdebatkan. Akan tetapi bila mana saya membaca ayat suci Al-Quran tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk memberi satu harapan kepada Dewan ini kerana perkara ini bukan kali pertama berlaku dalam sejarah dunia. Dia, bahkan kita bernasib baik bila kita menghadapi suasana COVID-19 ini, tidak ada berlaku peperangan, yang kita hadapi hanya COVID-19 di mana kegiatan ekonomi terhad. Bukannya sebab sepenuhnya lumpuh, terhad kerana dalam suasana begini, banyak sektor tertentu, *alhamdulillah* mengaut keuntungan yang lebih besar, yang kita juga memperkenalkan, dengan izin, *windfall tax*, kerana ada sektor-sektor tertentu yang untung.

Umpamanya dalam dunia hari ini, perniagaan seperti mana yang dibacakan oleh sahabat saya tadi, perniagaan *online*, dengan izin, atau *gig business* mencapai keuntungan luar biasa sama ada *AliBaba*, *Amazon* dan juga *e-Bay* dan pelbagai sektor yang lain. Begitu juga *Shopee*, begitu juga dengan *Grab*.

Maknanya dalam keadaan begini, ada mereka yang cerdik, yang mengambil peluang untuk menambahkan lagi perniagaan mereka. Walaupun secara umum perniagaan tradisi menghadapi satu suasana ujian yang getir dan besar dan sudah tentu rakyat-rakyat juga susah. Akan tetapi dalam suasana yang sama kita bernasib baik kerana harga kelapa sawit tidak pernah berlaku harga setinggi ini dan *alhamdulillah* mereka dapat bekerja. Harga kelapa sawit sudah- harga itu telah

memecahkan rekod sekarang ini dan mereka *alhamdulillah* tidak menghadapi suasana seperti yang kita cuba gambarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi semangat kepada negara kita dan rakyat kita. Bagaimana berlaku di Jepun, mereka hancur dalam peperangan dunia kedua. Begitu juga berlaku di Jerman, mereka hancur kerana peperangan. Akan tetapi dalam tempoh dua puluh tahun, Jerman menjadi kuasa ekonomi terbesar di Eropah. Jepun menjadi kuasa ekonomi terbesar di Asia. Jepun sehingga menjadi kuasa ekonomi kedua terbesar untuk satu tempoh yang panjang dan pernah menjadi satu kuasa ekonomi terbesar di dunia dalam tempoh lima tahun.

Jadi maknanya, dalam suasana ini sepatutnya negara dan rakyat lebih peka, lebih berfikir dan mula mencari ilham memikir di luar kotak. Kalau kita berfikir masih dalam kota yang biasa, maka kita tidak akan menyelesaikan masalah yang besar ini. Oleh sebab itu kita- kepelikan berlaku umpamanya saya ambil satu contoh mereka-mereka yang berfikir di luar daripada kotak.

Jack Ma, seorang usahawan *gig IT* daripada negara China, Jack Ma. Di mana beliau ini bukan seorang daripada lulusan teknikal, kelulusan Ir., kelulusan daripada kejuruteraan informasi teknologi, kejuruteraan komputer, tidak, dia hanyalah guru Bahasa Inggeris. Akan tetapi kerana dia berfikir di luar kotak, menyebabkan dia boleh mengadakan program jual beli secara talian melalui *AliBaba*.

Oleh sebab itu saya dalam suasana begini, saya, kita sebagai seorang usahawan, saya juga seorang usahawan yang sudah mula berniaga semenjak 1984 lagi, saya ucap terima kasih kepada kerajaan yang telah pun dalam program PEMULIH, kerajaan telah memperkenalkan daripada kerajaan Perikatan Nasional, kemudian disambung oleh kerajaan yang ada hari ini, yakni PEMULIH 1.0, tiga bulan bantuan sebanyak RM600 setiap pekerja di-subsidi oleh kerajaan.

Dalam 2.0 satu bulan, dalam 3.0 tiga bulan dan akhir sekali 4.0 satu bulan, walaupun saya mendengar ramai lagi rakan-rakan yang belum memperoleh subsidi 3.0 dan 4.0. Itu saya banyak dengar ramai lagi- kewangan, satu angka yang besar.

#### ■1200

Mungkin *insya-Allah* kita minta- oleh sebab baru-baru ini kerajaan telah melanjutkan tempoh pembayaran cukai individu daripada kebiasaannya bulan Julai disambung ke bulan Ogos, kemudian baharu ini disambung akhirnya sehingga 30 September.

Saya fikir kerajaan sudah memperoleh beberapa bilion pendapatan pada September baru-baru ini iaitu tarikh akhir untuk dibayar cukai oleh individu-individu yang terlibat dengan perniagaan, bukan individu yang bergaji tetap. Jadi, *insya-Allah* saya fikir dengan duit tersebut dan juga disalurkan kepada PERKESO, supaya rakan-

rakan yang belum lagi memperoleh wang subsidi tersebut dibayar secepat mungkin, kerana waktu ini amat kritikal bagi mereka kerana projek baharu hendak bermula.

Banyak aktiviti baharu hendak bermula, banyak tempat umpamanya Pejabat-pejabat Tanah, Pejabat-pejabat Perancang, pejabat Majlis Daerah, Majlis Perbandaran. Sektor, dengan izin, OSC tidak bergerak dengan harapan pelanggan. Mereka terlalu perlahan dengan izinlah, minta maaf saya kata terlalu perlahan sehinggakan macam seolah-olah dia tidak bergerak.

Jadi, ini merumitkan, menyulitkan mereka yang hendak terlibat dengan projek perumahan, hendak menjalan kerja-kerja kontrak yang memerlukan kelulusan daripada jabatan-jabatan kerajaan negeri dan persekutuan kerana banyak yang Bekerja Dari Rumah (BDR), maknanya banyak yang tergendala dan memberi kesan yang besar kepada semua sektor pembinaan, perundingan, konsultasi, dan sebagainya.

Saya fikir, saya daripada- dengan pengisytiharan, dengan *announcement* dengan izin, pengisytiharan yang telah dibuat oleh kerajaan itu, pembaharuan ini disegerakan supaya membantu mereka untuk *survive*, meneruskan kelangsungan perniagaan pada ketika ini.

Sewaktu satu lagi, kita *insya-Allah*, kita minta dalam kerajaan meningkatkan walaupun sudah tidak menjadi norma *accounting* dengan izin, antarabangsa melebihi daripada 65 peratus, tetapi kita jangan bimbang kerana waktu ini waktu darurat- dinaikkan daripada 60 ke-65 peratus KDNK itu perkara lumrah dalam waktu darurat.

Bahkan, saya tidak segan untuk menyatakan sama ada negara Jepun, negara Korea, negara Singapura, negara mereka juga berhutang melebihi 100 peratus KDNK, tetapi yang pentingnya duit itu jangan duit pinjaman luar. Jangan menggunakan mata wang asing kerana kita tidak mahu berlaku seperti mana yang berlaku pada tahun 1997 hingga 1999. Banyak konglomerat negara, *sogoshosha* Jepun, *chaebol* Korea, dan juga bilionair di Asia Pasifik yang terguling bankrap.

Di antaranya *Daewoo* yang membina menara berkembar Kuala Lumpur yang juga pengeluar kereta *Daewoo*, yang juga bankrap, terpaksa melarikan diri ke Perancis dan juga semua raja bisnes, taiko-taiko, taikun-taikun bankrap sepanjang Asia Timur kecuali YTL, kerana YTL agak sedikit cerdik berbanding dengan lain-lain pada ketika itu, di mana dia membuat pinjaman untuk, dengan izin, IPP-nya dua-dua IPP di Paka dan Pasir Gudang dengan menggunakan mata wang ringgit.

Jadi, bila mata wang ringgit, dia tidak dipengaruhi oleh serangan spekulator antarabangsa George Soros yang memanipulasikan mata wang-mata wang ini. Mereka tidak terlibat, YTL, kerana yang lain terlibat kerana banyak menggunakan pinjaman berdasarkan kepada nilai Dolar Amerika. Jadi, kita minta kerajaan guna



dana-dana tempatan- KWSP, dengan izin, Tabung Haji dengan izin, PNB dengan izin, PETRONAS dengan izin, tetapi jangan sekali-kali menggunakan mata wang asing kerana kita takut berlaku anjakan, berlaku spekulator, spekulasi seperti ini, maka kita sekali terperangkap. Sudahlah jatuh ditimpa tangga.

Jadi, saya mahu menyokong rancangan kerajaan dan memang kerajaan terpaksa melaksanakan apa yang dibentangkan oleh pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff. Silakan.

#### **12.04 tgh.**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Rang Undang-undang Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya rang undang-undang ini, kerajaan akan meningkatkan pinjaman dari 60 peratus kepada 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia atau peningkatan sebanyak RM45 bilion dari RM65 bilion kepada RM110 bilion. Satu jumlah yang besar yang terpaksa dibelanjakan untuk memulihkan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada semua sektor dan semua lapisan masyarakat.

RUU ini perlu diluluskan bagi tujuan kesejahteraan rakyat, kelangsungan ekonomi, dan pengukuhan kesihatan awam. Saya menyokong pertambahan dalam perbelanjaan ini supaya impak rangsangan penjana ekonomi dapat dilihat dengan ketara.

Namun, satu tanggungjawab besar bagi kerajaan untuk memastikan wang daripada Kumpulan Wang COVID-19 ini dibelanjakan dengan baik tanpa ada penyelewengan atau ketirisan. Pelaburan yang besar untuk membela rakyat ini perlu telus dan sampai kepada rakyat yang terkesan tanpa banyak kerenah birokrasi.

Usahawan mikro industri kecil dan sederhana paling terkesan akibat pandemik dengan kehilangan pendapatan dan terpaksa memberhentikan pekerja. Antara sektor yang terkesan merupakan pengusaha pelancongan, katering, perancang dan pakej perkahwinan, jurugambar, kedai gunting rambut, spa kesihatan dan kecantikan, peruncitan, dan lain-lain lagi. Seperti sedia maklum, usahawan IKS menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Jika perniagaan mereka terjejas, jumlah pengangguran juga akan bertambah. Kerajaan perlu terus memberi sokongan terhadap usahawan mikro kecil dan sederhana dengan membantu mereka untuk bangkit semula dengan tambahan suntikan modal latihan dan bimbingan yang berterusan terutamanya daripada aspek pendigitalan. Apakah usaha kerajaan dalam memberikan latihan dan bimbingan mereformasi usahawan IKS ke arah pendigitalan ini?

Pelancongan boleh memacu ekonomi setempat terutamanya sektor perkhidmatan dan peruncitan. Oleh itu, ia perlu diaktifkan dengan menggalakkan pakej pelancongan tempatan supaya aliran tunai dalam negara meningkat. Kejayaan Program Rintis di Langkawi boleh dijadikan model bagi negeri-negeri lain untuk mencontohinya dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Anak muda perlu diberi perhatian jika RUU ini diluluskan dan dilaksanakan. Mereka ialah generasi yang akan menanggung beban hutang atau beban cukai pada masa hadapan. Justeru itu, lebih banyak peluang pekerjaan dengan pelbagai insentif rangsangan perlu mengambil kira generasi masa hadapan. Satu mekanisme percukaian perlu dikaji supaya tidak membebankan mereka pada masa hadapan dan tidak membebankan rakyat keseluruhannya.

Bantuan kepada kelompok sasar B40 serta M40 perlu diteruskan untuk memastikan kesejahteraan dan menaikkan taraf hidup mereka. Kumpulan ini ialah golongan rentan yang mudah terjejas, yang memerlukan perhatian khas dan dibantu. Peruntukan perlindungan sosial terutama untuk golongan B40 wanita, golongan OKU dan kanak-kanak perlu diwujudkan dan diteruskan.

Kerajaan juga perlu memperkukuhkan pengurusan kesihatan awam. Persediaan daripada segi kajian, persiapan prasarana, sumber manusia, dan kepakaran adalah amat penting. Peruntukan perbelanjaan kepada sektor kesihatan perlu ditambah, sebolehnya kepada tujuh peratus daripada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seperti disarankan oleh pihak WHO.

Kita masih belum menang. Kesedaran masyarakat atau komuniti adalah penting dalam pencegahan dan kawalan wabak. Tingkah laku sesebuah komuniti menentukan cara bagaimana pencegahan dan pengawalan wabak boleh dibuat. Pelan strategik dan program-program yang dirangka hendaklah berdasarkan hasil kajian tingkah laku supaya ia mudah diterima oleh masyarakat.

Rakyat perlu dididik untuk hidup bersama virus korona. Program Advokasi COVID-19 kepada kumpulan sasar berbeza seperti kanak-kanak, pelajar sekolah, warga emas, jabatan-jabatan, institusi, industri, dan lain-lain perlu dibuat dan sentiasa dikemas kini.

Keperluan dan kesedaran mengamalkan TRIS perlu sentiasa dibuat hebahan. *Test* untuk “T” atau ujian sendiri. Kos alat ujian sendiri ini perlu diturunkan seminimum mungkin supaya lebih ramai rakyat dapat membuat ujian sendiri apabila mempunyai tanda-tanda atau berisiko untuk mendapat jangkitan. Penguatkuasaan hendaklah diteruskan untuk memastikan pematuhan SOP untuk memastikan wabak dapat dikawal.

Virus korona yang mudah mengalami mutasi ini perlu ditangani dengan baik. Kajian berterusan perlu dibuat dan sebuah makmal kajian yang lengkap perlu disediakan oleh kerajaan. Oleh itu, kita tidak boleh leka dengan penurunan kes dan kenaikan kadar vaksinasi. Bila-bila masa virus boleh bermutasi menjadi varian yang lebih ganas. Oleh itu, keperluan mewujudkan satu pasukan khas pencegahan dan pengawalan COVID-19 di semua peringkat dengan peruntukan khusus.

Oleh itu, saya juga ingin bertanya, apakah nasib petugas-petugas kesihatan yang diambil secara kontrak bagi membantu pengurusan COVID-19 sejak hampir dua tahun yang lalu? Adakah mereka akan disambung perkhidmatan mereka atau mereka akan diberhentikan dengan penurunan kes COVID-19?

Kerajaan perlu bersedia dengan dasar pelan strategi dan pelan tindakan khas dalam menghadapi endemik atau pandemik pada masa hadapan. Pakar dalam pelbagai bidang perlu duduk bersama bagi menyediakan dasar dan pelan bertindak ini. Kerajaan perlu berhemah dalam membuat perbelanjaan. Projek infrastruktur yang kurang penting dan tidak memberi pulangan besar perlu ditangguhkan. Dahulukan projek-projek infra yang penting untuk kesejahteraan rakyat.

Sebelum saya mengakhiri, sekali lagi saya ingin menyatakan peruntukan perbelanjaan yang besar ini wajib diuruskan dengan berintegriti dan disusuli dengan rasa tanggungjawab dan iltizam untuk menjayakan pelan tindakan tanpa penyelewengan dan ketirisan serta memastikan bantuan dan peruntukan sampai kepada golongan sasaran.

Sebagai kesimpulan, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2021. Sekian, terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya. Silakan.

**12.13 tgh.**

**Tuan Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum*, salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri dan juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang dihormati.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas mengenai pindaan Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19). Saya berpandangan pindaan akta ini amat penting bagi kerajaan menyediakan sebuah pakej fiskal yang lengkap dan kukuh dalam kita menjengah ke fasa endemik, *insya-Allah*, tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu soal kelangsungan, *survival* kepada rakyat khususnya golongan miskin B40 termasuklah sebahagian daripada golongan insiden kemiskinan disebabkan oleh pandemik selain aspek keutuhan sistem kesihatan awam serta kelangsungan perniagaan yang ditunjangi golongan perusahaan mikro kecil dan sederhana menjadi antara fokus utama dalam aspek pengurusan fiskal oleh kerajaan menjelang pembentangan Belanjawan 2022 yang dijadualkan pada Jumaat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks perbahasan fiskal kerajaan ini, saya masih belum mendapat satu jawapan yang memuaskan daripada kementerian mengenai isu cabutan judi yang telah dinaikkan kepada 22 kali setahun sebagaimana yang telah dibangkitkan sebelum ini.

Apabila kerajaan membentangkan pindaan terhadap Akta 830 ini iaitu untuk meningkatkan had statutori hutang kerajaan daripada 60 peratus kepada 65 peratus dan meningkatkan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion menunjukkan kita masih mempunyai sumber dan laluan alternatif yang lain dalam menampung fiskal kerajaan bagi tahun mendatang. Sumbangan daripada terimaan hutang dalam membiayai sepenuhnya Kumpulan Wang COVID-19 merupakan langkah proaktif dalam mengembangkan fiskal kerajaan ketika ini.

Oleh sebab itu, kita tidak ada sebab untuk meningkatkan cabutan judi semata-mata berlapikkan alasan fiskal apatah lagi menambahkan hasil daripada sumber industri dosa, bagi nisbah orang Islam, seperti aktiviti perjudian, arak dan sebagainya. Oleh itu, saya mengharapkan jawapan kementerian dapat menyediakan jawapan yang khusus terhadap isu cabutan judi ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, apakah langkah kementerian untuk mencegah atau mengurangkan sumber daripada industri dosa secara jangka masa panjang? Serta saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian, jumlah hasil daripada sumber industri dosa secara keseluruhannya, termasuklah daripada aktiviti perjudian, industri arak dan sebagainya yang diterima setiap tahun oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah dibangkitkan sebelum ini, pembentangan Akta Tanggungjawab Fiskal kelak akan menjadi pemandu kepada pengurusan fiskal kerajaan yang terbuka, telus serta berdaya tahan. Perkara ini melibatkan pengawasan pengurusan hasil serta perbelanjaan kerajaan supaya ia menuruti segala peraturan dan lunas perundangan yang ada selain aspek ketelusan, cermat dan berhemah dalam membelanjakan wang rakyat.

Saya melihat keperluan Akta Tanggungjawab Fiskal adalah penting supaya sasaran defisit fiskal kepada 3.0 peratus hingga 3.5 peratus menjelang tahun 2025 dapat direalisasikan. Hal yang demikian termasuklah memastikan nisbah perkhidmatan hutang kerajaan kembali berada di bawah paras 15 peratus selepas peningkatan kepada 18 peratus ketika ini. Kesemua ini perlu ada pengawasan dan penelitian yang rapi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting setiap nilai yang dikutip dan dibelanjakan oleh kerajaan dilakukan dengan cermat supaya tidak ada kebocoran dan ketirisan serta, dalam masa yang sama, memastikan tiada pembaziran dalam aspek perbelanjaan kerajaan. Namun begitu, walaupun soal berhemah dalam perbelanjaan ini sering dan selalu dititikberatkan oleh kerajaan, saya ingin tahu, apakah strategi khusus yang sedang dirangka terhadap perkara tersebut?

Saya pernah sebutkan dalam perbahasan sebelum ini bahawa soal yang sering kita sentuh dalam perbahasan melibatkan pengurusan kewangan kerajaan adalah, pertama, amanah dan, kedua, kepercayaan. Walhal, kedua-dua inilah terasnya. Oleh itu, saya kira munasabah jika strategi-strategi berhemah dalam urusan perbelanjaan kerajaan turut dibentangkan supaya kita dapat menilai bersama perkara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai beberapa butiran dalam pindaan akta ini. Pertama, mengenai Butiran 1 melibatkan Program Subsidi Upah dan Insentif Pengekalan Pekerjaan yang dilaksanakan sejak pakej PRIHATIN tahun lalu.

Sesungguhnya saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana mempunyai kehendak politik yang tinggi bagi memastikan Insentif Pengekalan Pekerjaan ini dilakukan dan diteruskan sehingga ke Pakej Rangsangan Ekonomi PEMULIH yang memasuki siri keempat.

Cuma, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai langkah pembaharuan dan penambahbaikan terhadap Program Subsidi Upah sedia ada. Antara yang dibangkitkan adalah mengenai kumpulan sasar daripada kategori profesional dan pengurusan yang mempunyai gaji melebihi RM4,000. Adakah ruang-ruang tertentu atau melalui pemerhatian kes kepada kes untuk golongan yang bergaji

melebihi RM4,000 untuk turut serta menerima manfaat daripada Program Subsidi Upah ini?

■1220

Kedua, berkenaan dengan Geran Prihatin PKS. Saya ingin bertanya, adakah kementerian merancang untuk melaksanakan Program Capaian Luar Bandar dan Pedalaman bagi memastikan lebih ramai PKS terutamanya di luar bandar dan pedalaman mendapatkan manfaat daripada Geran Prihatin PKS ini. Apa yang menjadi pertimbangan saya dalam hal ini adalah kerana tidak semua PKS di luar bandar dan pedalaman mempunyai akses terhadap maklumat-maklumat senarai inisiatif yang dikemukakan oleh kerajaan yang kebanyakannya berada atas talian. Oleh sebab itu, tanpa program capaian sebegini sukar untuk mereka menerima manfaat yang disediakan oleh kerajaan.

Ketiga, saya juga ingin mohon kementerian memperincikan sokongan yang akan disalurkan kepada Sistem Kesihatan Awam dengan peningkatan perbelanjaan daripada RM5 bilion kepada RM9 bilion seperti yang tertera dalam butiran enam ini. Apakah fokus serta keutamaan yang diletakkan oleh kementerian dalam butiran ini bagi menyokong serta memperkukuh Sistem Kesihatan Awam ketika ini?

Terima kasih. Oleh itu, sekian sahaja. Saya mohon menyokong.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, silakan.

**12.21 tgh.**

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi saya ruang untuk membahaskan juga Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019) (Pindaan) 2021. Poin utama di dalam rang undang-undang pada kali ini iaitu:

- (i) kelulusan untuk meningkatkan had siling perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM60 bilion kepada RM110 bilion; dan
- (ii) menaikkan had statutori hutang semasa daripada 60 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 65 peratus.

Pada hari ini, negara kita telah berjaya mencapai lebih 94 peratus penduduk dewasa yang telah mengambil vaksin dan lengkap dua dos vaksin. Bagi Program

Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) remaja pula, 79.1 peratus atau 2.5 juta daripada populasi remaja telah mendapat sekurang-kurangnya satu- dos, suntikan dan kira-kira 33 peratus populasi remaja sudah melengkapkan dua- dos suntikan, vaksin COVID-19.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini bermakna secara keseluruhannya, setakat ini kira-kira 71.2 peratus daripada populasi keseluruhan negara telah melengkapkan suntikan vaksin COVID-19. Ini menunjukkan kejayaan program ini juga keberkesanan vaksin dalam menurunkan kes COVID-19 apabila kes harian semakin menurun dengan banyak berbanding beberapa bulan yang lepas yang mencapai lebih 24 ribu kes sehari.

Tuan Yang di-Pertua, ini sekali gus memperlihatkan kesungguhan dan kebertanggungjawaban kerajaan dalam memastikan rakyat Malaysia mampu menjalani kehidupan yang lebih baik berbanding sebelum ini. Kita yakin dengan kerjasama Keluarga Malaysia, kita mampu kembali menjalani kehidupan seperti sebelum pandemik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah wajar dan perlu dalam memelihara kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan pemulihan ekonomi yang terjejas teruk sepanjang pandemik melanda hampir dua tahun yang lalu. Empat buah pakej bantuan dan rangsangan ekonomi kini dilaksanakan yang memerlukan tambahan peruntukan sejumlah RM27 bilion. Pakej bantuan tersebut seperti PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH.

Secara keseluruhannya, golongan B40 dan M40 merupakan golongan yang paling banyak terjejas daripada aspek ekonomi, keluarga dan juga pekerjaan. Pandemik COVID-19 menyaksikan begitu ramai yang kehilangan pekerjaan, terjejas perniagaan dan sebagainya. Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang dikeluarkan Pertubuhan Keselamatan Sosial yakni PERKESO, sejumlah 140,608 orang individu dilaporkan hilang kerja sejak Mac 2020 hingga 20 Ogos 2021.

Kadar pengangguran semasa sehingga Jun 2021 meningkat kepada 4.8 peratus atau lebih 768,700 orang. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 15.3 juta orang berbanding 15.3 juta orang pada Mei 2021. Dalam tempoh tiga bulan terkini, berapa ramaikah pencarum yang menikmati faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dari aspek faedah kewangan dan faedah-faedah lain di bawah skim ini. Sejauh manakah keberkesanan skim ini dalam membantu orang berinsurans mendapatkan pekerjaan baru?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu yang turut terjejas merupakan Perusahaan Kecil dan Sederhana yakni PKS dan PKS Mikro. Dapatan data

memperlihatkan lebih 90 peratus usahawan bumiputera termasuk PKS berdepan risiko muflis disebabkan pelbagai sekatan akibat COVID-19 sejak awal tahun yang lalu. Adalah penting untuk membantu golongan ini membangunkan kembali perniagaan mereka memandangkan mereka turut menjadi penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Salah satu bentuk bantuan yang diberikan iaitu Gerak Khas Prihatin yakni GKP. Sebanyak lebih RM6.08 bilion telah diperuntukkan dan disalurkan kepada lebih sejuta PKS Mikro di bawah GKP sejak COVID-19 melanda. Yang terbaru, sebanyak RM1,000 disalurkan iaitu RM500 disalurkan pada September dan RM500 lagi pada bulan November yang akan datang.

Adakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan bantuan ini kepada PKS yang terjejas memandangkan adalah mustahil untuk mereka kembali bangkit secara sertamerta? Secara logiknya, mereka memerlukan masa yang panjang serta suntikan dana bagi membangunkan semula perniagaan mereka. Malah diyakini ramai yang terpaksa bermula semula daripada kosong.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) turut membantu menerusi permohonan Bantuan Khas COVID-19 dan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19. Bantuan Khas COVID-19 sebanyak RM100 sehari sehingga maksimum 14 hari diberikan kepada warganegara Malaysia yang bekerja tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh menjalani rawatan di wad hospital ekoran COVID-19. Sehingga 31 Ogos 2021, NADMA telah meluluskan sejumlah 16,722 permohonan Bantuan Khas COVID-19. NADMA melibatkan dana berjumlah RM22,227,700.

Manakala Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 disalurkan bagi kes kematian melibatkan warganegara Malaysia dengan kadar maksimum sebanyak RM5,000. Menurut data 3,235 permohonan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 NADMA telah diluluskan dengan peruntukan RM16,175,000. Persoalannya, apakah inisiatif kerajaan dalam menghebahkan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 memandangkan ada yang tidak mengetahui mengenai bantuan ini? Bagaimanakah pula dengan keluarga yang tidak memohon kerana merasakan tidak perlu disebabkan pengurusan kematian COVID-19 diurus oleh kerajaan?

#### ■1230

Apakah inisiatif kerajaan dalam mengesan mereka dan menyalurkan bantuan ini? Satu sektor yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan pelancongan kerana ia merupakan sektor yang paling teruk jejas sepanjang pandemik COVID-19 ini. Kerajaan menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM3,000 kepada syarikat



pengendalian pelancongan yang berlesen di bawah MOTAC sebagai pendorong kepada syarikat pengendalian pelancongan untuk kembali beroperasi seperti biasa.

Selain itu, bantuan sebanyak RM500 juga disalurkan kepada pemandu pelancong berlesen. Menerusi data oleh MOTAC, seramai 3,791 orang telah berjaya menerima bantuan RM500 di bawah inisiatif PEMERKASA Plus yang bermula dari bulan September hingga 8 Oktober 2021. Bagaimanakah kerajaan mampu memastikan kepatuhan SOP oleh rakyat Malaysia semasa mereka melakukan aktiviti pelancongan? Ini memandangkan agak sukar untuk pihak berwajib memantau secara menyeluruh. Adakah kerajaan juga mempunyai perancangan untuk memberikan inisiatif seperti baucar pelancongan kepada rakyat sebagai salah satu galakan dalam aktiviti pelancongan dan membantu menghidupkan aktiviti pelancongan domestik?

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Dikemukakan untuk penyampaian Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang telah bertugas sebentar tadi, dengan terima kasih kita ucapkan selaku Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

Jika beliau belum bersedia, dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

### 12.32 tgh.

**Tuan Seruandi bin Saad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang dan kesempatan yang diberikan untuk saya turut sama berbahas. Saya menyambut baik pembentangan pindaan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil maklum tujuan utama RUU ini dibentangkan adalah bertujuan untuk meningkatkan had siling perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 atau KWC-19 daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion serta untuk menaikkan had statutori hutang semasa daripada 60 peratus kepada KDNK 65 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun negara kita masih berada dalam landasan yang tepat ke arah transisi pandemik ke era endemik pada penghujung tahun ini, *insya-Allah*. Semestinya sokongan yang berterusan perlulah disampaikan kepada semua pihak, khususnya kepada golongan B40 dan Keluarga Malaysia yang terkesan mendapat bantuan bagi meringankan beban mereka.

Selain itu, dengan meningkatkan had siling perbelanjaan ini juga pengukuhan sistem kesihatan awam terutamanya bagi membendung penularan wabak COVID-19 dan dana ini juga semestinya mampu menyokong kelangsungan perniagaan terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS serta PKS mikro di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak pandemik COVID-19 melanda negara, kerajaan telah pun melaksanakan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion. PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan Kita PRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH merupakan pakej yang dilancarkan bertujuan mengurangkan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, mohon pelaksanaan pakej-pakej ini memberi fokus tambahan kepada golongan-golongan barisan hadapan yang selama lebih dua tahun telah bertungkus-lumus sehingga meletakkan tugas mereka lebih mendahului keluarga. Oleh itu, mengambil kira aspek kesejahteraan mental dan fizikal petugas barisan hadapan yang telah memberi sepenuh komitmen.

Apakah bentuk bantuan khusus tambahan yang boleh disalurkan kepada petugas barisan hadapan melalui penambahan dana sebanyak RM4 bilion bagi meningkatkan peruntukkan Kementerian Kesihatan untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 dari RM5 bilion kepada RM9 bilion? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham aspek fasiliti kesihatan melibatkan penambahan katil di ICU. Pembelian barangan keperluan bagi menampung peningkatan kemasukan pesakit akibat COVID-19 ini jumlahnya luar biasa dan kerajaan sentiasa memastikan sebolehnya fasiliti ini tersedia. Namun, berapakah dana yang perlu diperuntukkan bagi memastikan Kementerian Kesihatan mampu terus menangani varian-varian baharu yang sentiasa berkembang?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan RUU ini juga membolehkan sebanyak RM3.6 bilion bagi penambahan peruntukkan geran PRIHATIN Khas PKS dari RM2.4 bilion kepada RM6 bilion melalui pakej PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA Tambahan yang dibuat oleh kerajaan. Namun, sehingga kini, berapakah jumlah PKS di negeri Perlis yang telah menerima bantuan geran PRIHATIN ini dan juga berapakah yang masih lagi dalam proses rayuan? Mengapa permohonan geran-geran PKS ini ditolak bagi kali pertama, semasa permohonan dibuat melalui agensi-agensi kerajaan seperti TEKUN, MARA serta agensi-agensi kerajaan lain yang memberi dana?

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum PKS memerlukan suntikan dana yang lebih konsisten kerana tempoh PKP yang berlanjutan. Oleh yang demikian, saya berharap

agar semua permohonan PKS ini diperhalusi dan dipertimbangkan sewajarnya bagi membolehkan semua PKS terutamanya di Perlis dapat meneruskan perniagaan mereka dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Maka saya dengan ini menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Nuing Jeluing.

### **12.38 tgh.**

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan RUU iaitu suatu akta untuk meminda Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021.

Ingin saya membawa Dewan ini balik ke akta ibu iaitu Akta 830 yang telah berkuat kuasa daripada 27 Februari 2020 hingga 31 Disember 2022. Akta ibu itu bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19 atau dana COVID-19. Dalam akta itu, jumlah amaun yang boleh didapatkan dan diterima, dinaikkan dari 55 peratus kepada 60 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP). Jumlah sebanyak RM65 bilion diperuntukkan.

Ada 29 butiran di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi yang akan dipinda seperti yang dicadangkan subseksyen 3(1) iaitu menaikkan jumlah amaun wang yang boleh didapatkan dan diterima daripada 60 peratus daripada KDNK kepada 65 peratus.

### **■1240**

Dengan hutang yang besar ini, tidakkah ekonomi negara akan terjejas? Butiran-butiran yang lain yang akan diubah adalah seperti dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu Butiran 1, 2, 3, 6, 7, 8 dan 19. Jumlah keseluruhan naik daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion. Ini bermakna kenaikan berjumlah RM45 bilion. Ini jumlah yang besar. Soalan saya, dari manakah jumlah yang diminta ini datang atau daripada sumber mana?

Dalam Akta ibu, ada 20 butiran tetapi saya tidak nampak ada peruntukan untuk membeli vaksin, kalau tidak silap sayalah. Justeru, dari mana datangnya dana untuk membeli vaksin. Dalam Akta ibu juga ada peruntukan untuk membentangi akaun perbelanjaan tahunan di bawah seksyen tujuh, seperti diperlukan di bawah perenggan 16(1)(3) Akta Prosedur Kewangan 1957.

Untuk tahun 2020, adakah pembentangan ini sudah dibuat? Kalau belum, mohon Yang Berhormat Menteri kongsi perbelanjaan itu di Dewan yang mulia ini. Berapakah jumlah keseluruhan terkini yang telah dibelanjakan?

Saya juga ingin Yang Berhormat Menteri senaraikan jenis vaksin yang dibeli oleh kerajaan dan harga setiap vaksin. Berapakah jumlah keseluruhan terkini yang diguna pakai untuk membeli vaksin? Untuk pembelian vaksin, adakah secara tender terbuka (*open tender*) atau rundingan terus- *direct negotiation*?

Akta ibu 830 ada tarikh tamat tempoh iaitu 31 Disember 2022. Adakah tarikh ini dikekalkan atau diubah mengikut keadaan pada masa hadapan? Memandangkan betapa pentingnya pemulihan ekonomi dan menjayakan pakej rangsangan ekonomi demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan betapa pentingnya membendung pandemik COVID-19, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, dipersilakan.

#### **12.43 tgh.**

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RUU ini yang telah diluluskan pada 11 Oktober 2021 di Dewan Rakyat.

Hakikatnya, RUU ini merupakan natijah daripada memorandum persefahaman yang dimeterai antara Pakatan Harapan dengan Kerajaan Persekutuan. Kegagalan Kerajaan Perikatan Nasional sebelum ini wajar dijadikan pengajaran di mana ketidakstabilan politik serta ketidakcekapan dalam pengurusan pandemik dan ekonomi menyebabkan rakyat hidup dalam sakit, susah dan sedih. Malah, rakyat bukan sahaja mati kerana virus COVID-19; ada yang mengambil jalan tragis membunuh diri akibat kemurungan berterusan.

Lewat tahun ini, Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan telah melaporkan bahawa dari bulan Januari sehingga Julai tahun ini, ada sebanyak 683 kes bunuh diri di negara kita. Ini merupakan peningkatan sebanyak 143 peratus berbanding pola tahun lalu. Di Pulau Pinang, dari bulan Januari sehingga Mei tahun 2021 terdapat 50 kes bunuh diri dan 19 cubaan membunuh diri. Semua angka ini patut membimbangkan kita sepertimana angka-angka wabak COVID-19.

Polis Diraja Malaysia telah mengenal pasti tiga faktor utama bunuh diri sebagai tekanan akibat masalah keluarga, tekanan perasaan dan tekanan kewangan. Pakar kaunseling dan kesihatan mental pula mengatakan bahawa demam terperuk akibat PKP berlanjutan juga boleh menyebabkan kemurungan yang jika tidak dirawat, boleh membawa kepada tindakan yang lebih drastik.

Sebelum saya menyentuh fasal pendanaan tambahan untuk menangani COVID-19, saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk berhenti mengambil

pendekatan pendakwaan jenayah terhadap kes cubaan membunuh diri. Pesakit kemurungan perlu dirawat bukan dihukum seperti penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan RM45 bilion memang amat dialu-alukan. Ini sebenarnya merupakan cadangan Pakatan Harapan sejak awal lagi, memandangkan kepada kegagalan pakej rangsangan ekonomi yang terdahulu.

Antara kegagalan utama ialah pakej rangsangan ekonomi terdahulu sebenarnya indah khabar daripada rupa apabila daripada RM530 bilion yang diumumkan, hanya RM83 bilion merupakan suntikan fiskal terus. Bandingan angka ini dalam pengeluaran KWSP berjumlah RM92.51 bilion melalui Program i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra. Dalam kata lain, rakyat membelanjakan wang sendiri lebih banyak daripada kerajaan untuk menyelamatkan ekonomi. Justeru, Pakatan Harapan sudah lama menyeru agar suntikan fiskal langsung tambahan diperlukan untuk menyelamatkan nyawa dan mata pencarian rakyat Malaysia.

Sebuah persoalan yang sudah tentu akan bangkit ialah dari manakah sumber RM45 bilion- tambahan ini. Hasil kerajaan dijangka akan sama seperti dalam belanjawan, manakala defisit akan terus meningkat daripada ramalan awal semasa belanjawan dahulu. Apakah rancangan kerajaan untuk menampung perbelanjaan tambahan ini? Adakah langkah ini akan mendatangkan risiko kepada ekonomi negara dalam jangka masa panjang?

Soalan seterusnya sudah tentu adalah ke manakah RM45 bilion ini akan disalurkan? Dalam kami di barisan pembangkang menyokong peruntukan tambahan RM45 bilion, Kerajaan Persekutuan perlu ingat bahawa ini bukan cek kosong untuk mengisi angka-angka bagi projek-projek politik.

Saya tahu bahawa Pilihanraya Negeri Melaka sudah dekat. Saya khawatir para menteri akan berpusu-pusu ke Melaka dan mengumumkan projek besar demi kepentingan politik semata-mata. Projek yang menguntungkan rakyat Melaka mahupun negeri-negeri lain perlu diteruskan, namun perbelanjaan tambahan ini patutlah disasarkan secara strategik agar betul-betul dapat membantu sektor yang memerlukan bantuan.

Sudah lebih setahun setengah kita menghadapi pandemik ini. Justeru, kini kerajaan sudah pasti ada data-data berkaitan sektor yang lebih memerlukan. Sektor pelancongan contohnya, sudah kerugian sebanyak RM130 bilion pada tahun lepas dan dijangka akan mengalami kerugian yang sama jika kerajaan tidak membuat sesuatu. Tidak kira sama ada pengusaha mahupun pekerja dalam sektor ini sudah tenat menunggu rebah, jika mereka belum lagi rebah. Apakah rancangan kerajaan untuk sektor ini melalui dana tambahan sebanyak RM45 bilion tersebut?

Seterusnya, adakah kerajaan akan memperkenalkan bentuk bantuan baharu atau pun dana tambahan ini hanya akan membiayai bantuan-bantuan yang telah

diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini. Perkara ini penting seperti yang saya katakan tadi pandemik ini sudah lebih setahun setengah. Kini, kita sudah patut mempunyai data yang lebih jitu tentang sektor-sektor dan kumpulan-kumpulan yang paling terkesan.

Jika bantuan diberikan tanpa mengikut data terkini dan kajian keberkesanan, dana ini akan terbazir dan mereka yang benar-benar memerlukan bantuan akan tercicir. Contohnya, adakah Program Subsidi Upah berjaya menurunkan kadar pengangguran terutamanya di sektor yang terkesan? Kerajaan patut memberikan laporan terperinci tentang perkara ini. Satu lagi contoh ketidakpadanan bantuan yang dilancarkan kerajaan dan realiti sebenar.

Mengikut sebuah laporan baru-baru ini daripada wakil industri bas, 50 peratus daripada 40 ribu orang pengusaha industri mereka telah gulung tikar akibat pandemik. Skim pembiayaan yang dilancarkan tidak membantu malah membebankan mereka dan akhirnya mereka terpaksa menggulung tikar dan bertukar bidang demi kelangsungan hidup.

Dalam pada ini, bantuan kerajaan masih lagi menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) lama berjumlah RM980, sedangkan kerajaan sendiri telah menyemak semula Pendapatan Garis Kemiskinan tersebut kepada RM2,208. Apakah makna bantuan kemiskinan jika sebahagian orang miskin tidak terbantu?

#### ■1250

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebelum ini menyatakan bahawa kerajaan tidak mampu membiayai tambahan RM3 bilion jika bantuan untuk golongan miskin diperluaskan kepada PGK baharu. Jumlah RM3 bilion bukan alasan, dan kini dengan tambahan RM45 bilion, saya menyeru agar kerajaan meneliti semula garis panduan pemberian bantuan kepada golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, daripada dana tambahan tersebut, RM4 bilion akan diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Cadangan asal Pakatan Harapan ialah agar sekurang-kurangnya RM5 bilion diperuntukkan kepada KKM. Saya berharap, kerajaan akan mempertimbangkan tambahan RM1 bilion tersebut. Pandemik ini menunjukkan betapa pentingnya sistem penjagaan kesihatan awam dan kita perlu menaik taraf sistem kesihatan kita bagi berdepan cabaran kesihatan abad ke-21.

Sehingga hari ini, pandemik COVID-19 telah meragut lebih 28 ribu nyawa dengan 2.42 juta jangkitan. Menteri Kesihatan baru-baru ini telah memberi amaran tentang peningkatan kadar kependhuan hospital di negeri Selangor dan Sarawak. Hospital-hospital tidak boleh bergantung kepada khemah-khemah, hospital medan, dan katil ICU sementara untuk jangka masa panjang, satu penyelesaian yang lebih

hakiki amat diperlukan. Jangan lupa, disebabkan bebanan pesakit COVID-19, maka rawatan untuk pesakit-pesakit lain terpaksa ditanggung ataupun dipindahkan.

Semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Tuanku, saya telah menyarankan agar satu Pelan Strategik Penjagaan Kesihatan Kebangsaan disediakan bagi memacu dasar serta sistem penjagaan kesihatan kita ke tahap yang mampu berdepan dengan cabaran krisis kesihatan masa kini. Hospital-hospital dan klinik-klinik daerah amat memerlukan dana untuk menaik taraf kemudahan mereka. Contohnya di Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap, dan Hospital Balik Pulau memerlukan perhatian segera Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kemudahan-kemudahan perubatan di peringkat daerah ini merupakan saluran penjagaan kesihatan yang paling dekat kepada rakyat. Di sanalah pelbagai masalah kesihatan dikenal pasti melalui diagnosis, diberi rawatan awal, dan sebagainya. Contohnya, Hospital Sungai Bakap yang sungguhpun bukan hospital COVID-19, disebabkan kekurangan kemudahan dan kepakaran, tetap merupakan pusat menerima pesakit COVID-19 di kawasan tersebut untuk penilaian, dan jika perlu, rawatan asas sementara menunggu pemindahan ke hospital COVID-19 yang lain.

Satu lagi penambahbaikan penting yang patut dipertimbangkan oleh kerajaan terutamanya KKM iaitu menaik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital-hospital seluruh negara. Jabatan tersebut merupakan stesen pertama bagi segala-semua masalah kesihatan yang datang ke hospital daripada kemalangan jalan raya sehingga COVID-19. Saya menyeru agar peruntukan disalurkan untuk menaik taraf semua Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

Beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili.

**12.53 tgh.**

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama ikut serta dalam perbahasan untuk rang undang-undang yang kita katakan satu akta untuk meminda Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)).

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sebagai satu langkah sementara bagi pembiayaan kerajaan di bawah rang undang-undang ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi oleh kerajaan untuk membantu meringankan bebanan dan penderitaan rakyat disebabkan oleh pandemik

COVID-19. Ramai rakyat yang terjejas, ada yang hilang pekerjaan, ada yang dikurangkan gaji, ramai yang hilang perniagaan, tidak kurang juga ramai yang menerima tekanan mental. Rakyat juga terpaksa mengeluarkan wang simpanan mereka dan ramai juga yang wang simpanan mereka untuk hari persaraan dan simpanan untuk kes kecemasan telah terjejas.

Saya merujuk khusus kepada simpanan ataupun caruman rakyat yang dicarumkan oleh ahli-ahli KWSP. Pertamanya sekali ialah pencaruman KWSP di bawah i-Suri. Saya meminta agar kementerian ini menyatakan jumlah pencarum yang berdaftar dengan e-Kasih yang didaftarkan di bawah i-Suri. Saya meminta kementerian menyatakan jumlah mereka yang berada di bawah e-Kasih dan layak mendaftar di bawah i-Suri tetapi tidak dapat memberi sumbangan kepada KWSP.

Oleh itu, apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka supaya mereka boleh mencarum di bawah i-Suri? Adakah kementerian ada memohon kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk sama-sama mengatasi masalah ini bagi membantu ahli-ahli KWSP di bawah e-Kasih supaya mereka layak mencarum di bawah i-Suri?

Hal ini kerana, mungkin mereka terjejas daripada segi pendapatan, daripada segi perniagaan dan sebagainya, kerana kita berada dalam pandemik COVID-19. Kalau ada negeri yang membantu, bolehkah kementerian ini menyatakan negeri mana yang ada membantu mencarum bagi pihak pencarum-pencarum e-Kasih? Berapakah jumlah caruman-caruman yang mereka peruntukkan bagi membantu pencaruman e-Kasih dalam skim i-Suri ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa tidak semua juga ahli-ahli KWSP yang ada mengeluarkan wang pencaruman mereka. Ada juga yang masih bertahan dan tidak mengeluarkan caruman mereka di bawah pakej-pakej seperti i-Lestari, i-Sinar, i-Citra, dan sebagainya. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan, khususnya kepada KWSP, berilah dividen istimewa kepada pencarum-pencarum KWSP yang tidak ada mengeluarkan wang simpanan mereka semasa pencarum-pencarum lain yang mengeluarkan wang simpanan mereka dalam KWSP semasa pandemik COVID-19 ini sehingga hari ini.

Ini ialah sebagai insentif kepada mereka, kerana mereka sanggup membantu KWSP untuk sama-sama bertahan daripada segi kewangan mereka. Kita tahu bahawa dengan mereka tidak mengeluarkan simpanan mereka tetapi yang lain mengeluarkan simpanan mereka, ini boleh menjejaskan pemberian dividen kerana ada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh KWSP ataupun wang simpanan yang lain secara keseluruhan yang mungkin terjejas, dan ini boleh mengurangkan pemberian dividen oleh kerajaan nanti.



Juga, saya mencadangkan kepada KWSP Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai usaha kita untuk memperkukuhkan kewangan kita setelah kita berada dalam satu keadaan kewangan yang agak terjejas. Mungkin kita boleh juga merangka perkara-perkara yang boleh kita kembalikan untuk memperkukuhkan seperti yang dikatakan *resilience* dalam kedudukan kewangan ahli-ahli di dalam KWSP ini.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya KWSP mewujudkan apa yang saya katakan sebagai akaun tiga, akaun memperkasakan persaraan pencarum-pencarum. Bagi pencarum yang mahu menambah caruman secara sukarela, setelah mencarum secara statutori ataupun mandatori, maka mereka harus dibenarkan mencarum secara pilihan sendiri, caruman ini atas ketetapan yang dibuat oleh masing-masing dan tidak melibatkan caruman oleh majikan. Akan tetapi, dividen tahunan seperti juga dalam akaun satu dan dua, haruslah diberi juga kepada mereka.

Saya harap KWSP menimbang cadangan ini. Ini adalah sebagai satu usaha untuk memperkasakan caruman ahli-ahli yang mungkin tidak begitu jejas oleh pandemik ini, tetapi mereka boleh berusaha untuk meningkatkan caruman, dan seterusnya boleh membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan KWSP.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan, sejauh manakah KWSP melaksanakan program kesedaran di kalangan generasi pelajar di institusi pengajian tinggi ataupun kolej tentang kesedaran mencarum wang dalam KWSP untuk masa hadapan mereka? Jadi, daripada sekarang, kita harus membentuk keadaan kewangan generasi kita supaya generasi kita membetulkan ataupun memperkukuhkan keadaan kewangan mereka, kerana kita takut bahawa pandemik ini tidak ada akhirnya. Nampaknya, kita tidak tahu bila ia akan berakhir. Adakah kita boleh bertahan di bawah keadaan seperti ini?

Jadi, untuk memperkukuhkan kategori ini juga Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mereka yang berdaftar atau bekerja dengan sektor swasta yang ada mencarum kepada KWSP, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kakitangan perkhidmatan awam selain daripada mereka yang diletakkan di bawah skim berpencen, mereka juga menerima faedah pencen untuk memperkukuhkan simpanan ahli-ahli perkhidmatan awam dalam kategori-kategori tertentu.

Saya mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menubuhkan apa yang disebut sebagai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam. Kalau dulu, di bawah perkhidmatan awam di negeri Sarawak, ada diwujudkan satu tabungan yang dinamakan *Government Employees Provident Fund*.

Saya harap cadangan ini dipertimbangkan oleh kerajaan, supaya ahli-ahli perkhidmatan awam bersara, kumpulan ini bukan sahaja bersara dengan ada

pencen bulanan, mungkin tidak sebegitu tinggi, ada juga bayaran gratuiti, ada juga wang simpanan dalam kumpulan wang simpanan pekerja kerajaan.

Jadi, saya harap langkah-langkah yang diambil ini Tuan Yang di-Pertua, akan memperkukuhkan keadaan kewangan ahli-ahli kita, kerana kita tahu, ahli-ahli KWSP mahupun rakyat kita memang terjejas dengan pandemik COVID-19 ini.

Saya memang setuju sebetulnya dengan apa yang terkandung dalam rang undang-undang ini dan saya tidak keberatan menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya, bahkan saya juga mengesyorkan supaya cadangan-cadangan yang saya buatkan tadi juga diberi pertimbangan oleh kerajaan, supaya kita berusaha untuk membina balik kedudukan kewangan pencarum-pencarum KWSP dan juga mereka yang terjejas dalam pandemik ini. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili.

Jam sudah melangkaui 1 tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang]***

■1430

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung semula perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021.

Saya dengan sukacita mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

**2.33 ptg.**

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha pihak kerajaan dalam membentangkan rang undang-undang ini melibatkan dua perkara penting iaitu:

- (i) meningkatkan had siling perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion; dan
- (ii) menaikkan had statutori hutang semasa daripada 60 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) kepada 65 peratus.

Saya ambil maklum betapa pentingnya pindaan rang undang-undang ini dan keperluan untuk menaikkan had hutang statutori tersebut bagi menjayakan program pihak kerajaan. Oleh yang demikian, secara dasarnya, saya tiada halangan supaya rang undang-undang ini diluluskan. Ini kerana akibat COVID-19, ekonomi dunia termasuk juga ekonomi Malaysia kini berada dalam situasi yang terdesak dan perlu diselamatkan. Oleh itu, dengan izin, *desperate time calls for desperate measures*.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, saya juga ingin meminta penjelasan tentang rang undang-undang yang dibentangkan ini. Pada September 2020, rang undang-undang yang pertama bernilai RM40 bilion telah diluluskan. Kemudian, pada Disember 2020, had siling tersebut telah dipinda sekali lagi daripada RM40 bilion kepada RM65 bilion. Kali ini pada Oktober 2021, had siling tersebut akan dipinda sekali lagi daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion. Pertama, adakah RM40 bilion yang diminta ini mencukupi atau terdapat kemungkinan bahawa had siling ini akan dipinda sekali lagi pada tahun hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pihak Kementerian Kewangan berkongsi apakah rancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang pihak Kementerian Kewangan untuk mengurangkan kadar statutori hutang negara supaya kembali kepada 55 peratus atau lebih rendah lagi pada masa yang akan datang. Saya sedar pengurangan hutang kerajaan tidak boleh dilakukan dalam tempoh yang singkat atau sekelip mata. Namun, apakah rancangan Kementerian Kewangan dalam menguruskan hal ini?

Jika Kementerian Kewangan sudah mempunyai rancangan, Ahli-ahli Dewan Negara wajar diberi peluang menilai rancangan ini untuk memberi input dan pendapat kami untuk membantu Kementerian Kewangan. Namun demikian, jika Kementerian Kewangan tidak mempunyai apa-apa rancangan lagi, saya memohon kepada Kementerian Kewangan melibatkan Ahli-ahli Dewan Negara dalam menyediakan rancangan ini. Ini penting kerana kami juga berjumpa dengan rakyat dan sudah semestinya rakyat ingin tahu apa rancangan kerajaan untuk mengurangkan hutang negara.

Akhir sekali, saya berharap pihak Kementerian Kewangan terus konsisten dan memastikan segala perbelanjaan fiskal negara dilakukan dengan cermat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya memohon menyokong rang undang-undang ini oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari. *Alhamdulillah*, dalam masa yang singkat dan bernas. Sukacita dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pohon maaf. Nombor 11 terlangkau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dilangkau.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sengaja dilangkau dahulu sebab saya hendak memberi kepada Yang Berhormat Datuk Paul Igai terlebih dahulu, mengiktiraf ihsan dan khidmat beliau pada pagi tadi... *[Tepuk]*

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

### 2.38 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021. Pindaan ini sangat penting sekali buat masa yang mencabar hari ini dengan situasi sebegini yang melanda semua negara sedunia, tidak ada dikecualikan.

COVID-19 sangat teruk sekali. Setakat semalam, hampir 245 juta kena penyakit COVID-19. Jumlah meninggal hampir lima juta orang sedunia. Perniagaan terpaksa ditutup kerana PKP, PKPD dan *lockdown*, dengan izinnya Tuan Yang di-Pertua. Pekerja menerima separuh gaji atau langsung ditamatkan pekerjaan mereka kerana majikan tidak dapat lagi menampung gaji mereka. Keluarga terkesan mengalami kemerosotan pendapatan melibatkan pelbagai masalah keluarga dan peribadi.

Hampir dua tahun kerajaan bersungguh-sungguh menyalurkan pelbagai bentuk bantuan yang tidak dianggarkan atau disangka sekali sebelum ini. Masih ramai lagi pekerja menganggur. Perniagaan masih ada belum bermula sepenuhnya. Wang dibelanjakan oleh kerajaan sudah banyak dikena, dekat hampir 60 peratus GDP atau keluaran dalam negara kasar.

Oleh sebab itulah, perlu buat sementara, kerajaan naikkan siling hutang daripada 60 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) kepada 65 peratus melibatkan penambahan RM45 bilion kepada RM110 bilion dan akan berkuat kuasa hanya hingga 31 Disember 2022.

**■1440**

Kita harap selepas itu kadar hutang pada 65 peratus itu akan menurun. Tuan Yang di-Pertua wajarlah terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan yang telah hampir berjaya sepenuhnya dengan pengurusan pandemik COVID-19 yang sangat luar biasa- *unprecedented*, dgn izin.

Seramai 97.5 peratus penduduk dewasa sudah menerima suntikan vaksin setakat semalam. 97.4 peratus telah menerima sekurangnya satu- dos dan suntikan dos ketiga- penggalak, telah berjaya berjalan dengan lancar lagi. 48.7 peratus populasi remaja di antara 12 tahun ke-17 tahun sudah menerima suntikan vaksin dan 80.4 peratus sudah di vaksin sekurang-kurangnya satu- dos.

Setakat hari Sabtu lalu, 48 juta lebih jumlah suntikan vaksin dilakukan di seluruh negara. Lintas negeri telah dibenarkan, perniagaan dapat beroperasi, tempat berkelah sudah dibuka dan sebagainya. Tanda-tanda perkembangan ekonomi adalah baik meningkat hasil eksport naik harga minyak mentah dan gas pun stabil. Harga minyak mentah dijangka naik kepada USD70 iaitu RM270 setong menunjukkan kenaikan daripada USD42 ataupun RM174 se tong.

Menurut penyelidikan ekonomi daripada MIDF pelaburan asing setakat Ogos pada 31 Oktober ada penambahan RM3.7 bilion. Saya bersetuju dengan peruntukan untuk subsidi upah untuk mencekapkan lagi pemulihan perniagaan kecil dan sederhana SME seperti sektor pelancongan, perniagaan mikro, pengangkutan dan sektor penting lain. Tambahan peruntukan ini memang besar tetapi sangat perlu untuk mengatasi kesan pandemik COVID-19 kepada golongan pekerja dan perniagaan yang amat luar biasa dan tidak dijangkakan.

Akhir kata kita harap kerajaan mengkaji semula dengan rapi rancangan, strategi dan modul pengurusan ekonomi negara dengan mengambil kira semua aspek makro dan mikro ekonomi dengan kesediaan untuk menghadapi apa-apa akan berlaku masa depan lagi. Tuan Yang di-Pertua saya akan menutup ucapan saya dengan sekerat pantun. Tujuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mematuhi aturan persidangan Dewan ini semasa saya mempengerusikan sementara waktu lalu.

*Anak bertawe main temborin;  
Wajahnya bulat begitu bersih;  
Kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat hadirin;  
Saya ucapkan ribuan terima kasih.*

Sekian saya menyokong... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Dewan, kepada Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

*Daun selasih dari Kuantan;  
Melukut di tepi gantang;  
Terima kasih saya ucapkan;  
Kerana menjalankan tanggungjawab yang terbentang... [ Tepuk]*

Supaya tidak melupai Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz dipersilakan. Saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya masa kita lapan minit sebab kekangan yang makin lama makin mendesak. Oleh itu senarai-senarai yang telah diberikan kepada kami di sini akan kita ikuti sebaik mungkin kalau ada apa-apa sebab tidak dapat dimasukkan perkiraan dalam senarai utama kita masukkan dalam senarai kedua. Dipersilakan.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan iaitu RUU Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan Penyakit Koronavirus2019 (COVID-19) Pindaan 2021.

Tuan Yang di-Pertua pembabitan penjumlahan RM45 bilion bertujuan bagi langkah sementara kerajaan mengurangkan kesan akibat pandemik COVID-19. Langkah itu adalah menghadkan jumlah wang yang boleh diperolehi mengikut Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dengan jumlah wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] bagi menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa RUU berkenaan adalah bertujuan untuk menampung keperluan perbelanjaan di bawah Pelan Pemulihan Negara melalui pakej bantuan PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan Pemulihan. Ia telah merangkumi semua bidang dari sekecil-kecil usahawan hinggalah usahawan IKS sederhana dan usahawan berskala besar. Daripada anak kecil, ibu-ibu, wanita, warga emas, belia, beliawanis, buruh, petani, nelayan, penternak dan lain-lain sektor, kakitangan kerajaan, badan kakitangan badan-badan swasta semuanya dikaji.

Dari sudut pembangunan kita lihat telah merangkumi keseluruhan mengikut keperluan. Menyedari keperluan dan kesulitan yang dialami negara dan rakyat pada sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan sejak tahun 2020 sehingga sekarang RUU adalah untuk menambahkan lagi peruntukan bagi melaksanakan pakej-pakej pemulihan dan rangsangan ekonomi di samping membantu rakyat bangkit semula selepas krisis COVID-19 adalah dialu-alukan.

Walau bagaimanapun, impak positif yang meluas dan bermakna meliputi setiap lapisan rakyat dan sektor ekonomi negara melalui penambahan peruntukan di bawah RUU ini hanya akan dapat dirasai jika ia diagihkan dan disalurkan kepada setiap kumpulan sasaran bukan sahaja berdasarkan *on need basis* malah juga

berdasarkan kepada keperluan strategi negara untuk menjadi Malaysia sebuah negara yang lebih dinamik dan berdaya saing pasca COVID-19.

Oleh itu saya mencadangkan agar pihak kerajaan selain daripada menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar sedia ada melalui pakej bantuan dan pemulihan yang disediakan untuk memberi tumpuan kepada satu lagi sasaran perniagaan yang turut terjejas di sebabkan pandemik COVID-19 ini.

Saya ingin merujuk kepada perniagaan berunsur artisan iaitu kesenian yang kaya dengan elemen dan cita rasa tempatan yang berpotensi untuk diperkenalkan dipasarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa melalui *brand* atau jenama tempatan. Saya juga mendapat tahu kewujudan tukang kulit di Malaysia yang mempunyai bengkel kecil-kecilan di rumah di mana mereka mencipta dan mengeluarkan produk kulit yang unik seperti kasut, dompet dan beg tangan yang berkualiti dan boleh di ketengahkan di peringkat global ataupun antarabangsa.

Saya percaya bahawa peruntukan tambahan melalui RUU ini boleh juga digunakan sebagai satu- pakej strategi, untuk mencipta jenama-jenama Malaysia yang setanding dengan jenama-jenama antarabangsa yang lain. Dengan adanya peruntukan secara bersasar dan berobjektif untuk membantu usahawan-usahawan produk artisan di Malaysia naik ke tahap yang lebih tinggi menjelang Revolusi Industri 4.0, pasca COVID-19 ini.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu kumpulan ini, saya mencadangkan agar bantuan kecil geran kepada B40 yang telah terkesan oleh COVID-19. Perniagaan berkonsep trak makanan, dengan izin, *mini food truck* bergerak hendaklah diperluaskan dan menawarkan geran pinjaman pulangan balik yang rendah.

Program ini boleh ditawarkan bukan sahaja pada golongan belia malah pada golongan wanita juga mereka boleh ditawarkan. Daripada segi kesihatan, walau ketika ini kita masih lagi bergelut dengan wabak COVID-19 dan sedang menghadapi kesannya tetapi kita harus ingat bahawa penyakit pembunuh nombor satu- wanita merupakan kanser.

Jadi oleh sebab itu, saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengkhususkan peruntukan khusus rawatan pemeriksaan percuma kepada wanita terutamanya pemeriksaan mengesan kanser secara berkala diberi dan diperluaskan kepada wanita di bandar dan di luar bandar. Apa yang dilihat Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan telah dibuat dengan teliti dan teratur berdasarkan keperluan rakyat. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang telah

menyediakan dokumentasi yang begitu teliti untuk kita bahaskan pada sidang Dewan yang mulia ini.

Keperluan rakyat masa kini adalah diharapkan usaha rangsangan ekonomi perlu dilakukan secara menyeluruh, bukan hanya gambaran cantik tetapi ia gagal dan menyukarkan kumpulan sasar untuk mendapat bantuan dan rangsangan yang diberi. Harapan saya segala kemudahan yang diberi kepada kumpulan sasar ini dapat disalurkan dengan sebaik-baiknya tanpa ada birokrasi yang menyebabkan kumpulan sasar tidak dapat menikmati apa yang kerajaan sediakan segala kemudahan untuk mereka. Dengan ini saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz. Kita berpindah kepada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

### **2.53 ptg.**

**Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya turut terlibat dalam membahaskan rang undang-undang berkaitan pindaan Akta 830 iaitu Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan tahunan 2020 oleh Bank Negara Malaysia, pandemik COVID-19 telah menyebabkan penguncupan ketara kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia terutama pada suku tahun yang kedua. Secara dasarnya saya menyambut baik pelbagai langkah intervensi melalui dasar fiskal dan drastik dan bersifat inklusif melalui kerjasama pihak kerajaan, Bank Negara Malaysia dan sektor kewangan untuk mengatasi kejutan pandemik kepada sistem kewangan dan ekonomi negara.

Rentetan itu saya mohon agar segala kos perbelanjaan dan pembiayaan yang terlibat dalam melaksanakan apa juga langkah rangsangan dan pemulihan ekonomi serta inisiatif dasar fiskal haruslah diperjelaskan secara terperinci dan telus daripada segi impak dan sasaran kadar keberhasilannya demi mengelakkan ketirisan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan sumber dan kerugian kepada pihak kerajaan, pemegang taruh dan pihak berkepentingan. Saya juga menyokong sepenuhnya Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara yang dijangka akan diumumkan pada bulan November tahun ini adalah berjajaran dengan hasrat negara untuk menjadikan negara pengeluar vaksin dalam tempoh sepuluh tahun lagi.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, saya berpendapat bebanan kewangan kerajaan sebanyak RM5 bilion sepatutnya boleh dikurangkan sekiranya



Malaysia menghasilkan sendiri vaksin COVID-19 nya. Inisiatif ini akan menjadi jalan penjimatan terbaik yang sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada negara kuasa besar bagi mendapatkan bekalan vaksin pada masa hadapan. Langkah segera ke arah ini perlu dilakukan susulan wujudnya pelbagai isu termasuk masalah kekurangan stok dan selain negara penerima vaksin terpaksa membayar kos yang tinggi bagi mendapatkan keperluan bekalan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 dan fasal 3 di dalam ruang undang-undang berkaitan pindaan Akta 830 iaitu Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 ada menyatakan mengenai pemindaan subseksyen dan pemindaan jadual kepada Akta 830 untuk menaikkan had amaun disebabkan keperluan pendanaan untuk membiayai tambahan kepada jumlah Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion bagi program-program yang disenaraikan dalam jadual kepada Akta 830 termasuklah semua program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Negara.

Lanjutan itu saya memohon kepada pihak kerajaan untuk terus menjustifikasikan dan memperincikan secara mikro dan telus setiap program yang disenaraikan di dalam jadual kepada Akta 830 termasuklah semua program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Negara seperti yang dinyatakan dalam fasal 2 dan fasal 3 dalam Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021.

Berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang besar ini, saya juga memohon kepada pihak kerajaan untuk menyediakan peruntukan khusus kepada wilayah Sabah dan wilayah Sarawak dalam hal kos pembiayaan pengurusan pandemik iaitu membeli vaksin secara terus daripada negara-negara pengedar vaksin tanpa menunggu pengagihan vaksin yang memakan masa lama dari Semenanjung Malaysia ataupun Kuala Lumpur.

Kedua-dua wilayah ini mampu menerima vaksin daripada mana-mana negara pengeluar vaksin. Salah satu faktor utama ialah kedua-dua wilayah ini mempunyai lapangan terbang antarabangsa untuk menerima penghantaran vaksin dari negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, secara tuntas saya amat mengharapkan agar pindaan rang undang-undang ini akan memastikan sokongan berterusan disampaikan kepada semua pihak khususnya supaya golongan B40 dan Keluarga Malaysia yang terkesan mendapat bantuan bagi meringankan beban mereka.

Saya juga mengharapkan pindaan rang undang-undang akan terus mengukuhkan sistem kesihatan awam terutamanya bagi membendung penularan

wabak COVID-19 serta merawat pesakit COVID-19 dan menyokong kelangsungan perniagaan terutamanya bagi pengurusan mikro kecil dan sederhana atau PMKS. Selain daripada mengukuhkan keadaan ekonomi negara yang kian pulih susulan kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1500

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia selepas Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee membuat ucapan terhadap RUU ini. Silakan.

**3.00 ptg.**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan rang undang-undang di Dewan persidangan yang mulia ini. Buat masa ini, negara kita masih dalam keadaan ancaman pandemik COVID-19.

Kerajaan dengan kerjasama beberapa kementerian telah berusaha kuat untuk menyelesaikan ancaman pandemik COVID-19. Di sini saya ingin mengambil kesempatan memuji usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Atas usaha mereka, lebih daripada 85 peratus individu daripada populasi dewasa di negara kita telah lengkap menerima suntikan vaksin COVID-19.

Tahniah, negara kita adalah antara salah sebuah negara dengan kadar vaksinasi terpantas di dunia. Namun begitu, saya menyeru rakyat jelata ingin mematuhi SOP yang ditetapkan. Jangan anggap dua- dos suntikan vaksin adalah selamat. Di sini, saya ingin menyokong usaha kerajaan untuk memberi dos ketiga vaksin kepada golongan yang berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mewajibkan semua penjawat awam mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 sebelum 1 November ini. Kini, daripada 1.62 juta orang penjawat awam di seluruh negara terdapat 16,900 orang atau 1.6 peratus yang masih belum mendaftar untuk di vaksin.

Saya percaya keputusan ini dibuat akan dapat memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Tambahan pula, ini juga selari dengan usaha mengembalikan perkhidmatan kerajaan pada tahap operasi penuh berdasarkan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara.

Sekiranya pegawai awam belum mengambil vaksin selepas tempoh yang ditetapkan tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, maka saya harap pegawai tersebut patut dikenakan tindakan disiplin atau dipecat jawatan. Adalah terbukti bahawa suntikan vaksinasi dapat mengurangkan kadar kematian seseorang di samping menghentikan rantai jangkitan COVID-19. Daripada usaha kerajaan adalah untuk menjamin keselamatan setiap rakyat Malaysia. Marilah kita menyahut seruan kerajaan iaitu jaga diri, jaga semua.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terbukti bahawa terdapat sebahagian penjawat awam terlibat dengan gerakan atau kumpulan antivaksin. Ini merupakan satu kelakuan yang tidak dapat dimanfaatkan dan membahayakan keselamatan negara. Kerajaan bersusah payah merancang Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dapat membantu membasmi wabak ini, seterusnya membolehkan kita kembali kepada norma kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera.

Dukacita golongan penjawat awam ini didapati menjalankan kegiatan antivaksin termasuk membuat, menerbitkan atau mengeluarkan kenyataan khabar angin atau berita berhubung antivaksin untuk menyukarkan orang awam. Saya dengan besar harapan agar mereka yang dipecat jawatan akibat enggan menerima vaksin menarik balik pendakwaan mereka terhadap kerajaan.

Terimalah suntikan vaksin bagi melindungi diri dan ahli keluarga demi membantu negara memulihkan ekonomi. Di sini, saya bercadang tindakan serius mesti diambil ke atas golongan ini. Jangan memberi peluang kepada mereka untuk merosakkan usaha kerajaan. Maka dengan ini saya menyokong usul tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### **3.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 15 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) pada hari ini.

Dalam isu-isu yang berkaitan Kementerian Kewangan, saya akan perkenalkan satu per satu. Sebarang pandangan, cadangan dan teguran yang telah diberikan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian amatlah pihak Kementerian Kewangan hargai.

Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris berkaitan isu kalis ekonomi, kerajaan sebenarnya Yang Berhormat Senator telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, lapan Pakej Rangsangan Ekonomi dan bantuan komprehensif yang telah kita lakukan sepanjang tahun 2020 dan tahun 2021 berjumlah RM530 bilion. Ini di mana pada tahun 2020, sebanyak RM305 bilion dan tahun 2021 yang telah dan sedang dilaksanakan merupakan RM225 bilion.

Manakala, tahun ini juga kita sedang melaksanakan Belanjawan 2021. Inisiatif-inisiatif berjumlah RM322.5 bilion telah dan sedang kita laksanakan, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita sedang melaksanakan Pelan Pemulihan Negara dan *alhamdulillah* tidak ada lagi negeri-negeri di dalam Malaysia ini berada dalam fasa pertama dan kedua. Semuanya sudah berada dalam Fasa Ketiga dan Keempat.

Inilah yang kita sebutkan sebagai penebat-penebat yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Saya amat meneliti ucapan beliau seketika sesi perbahasan tadi. Apakah kesan kepada apa yang kita buat? Ini yang penting. Seperti yang dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, adakah apa yang kita lakukan ini ada kesan kepada ekonomi negara?

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, trend pemulihan ekonomi negara kepada separuh tahun 2021, berkembang kepada 7.1 peratus berbanding separuh tahun pertama tahun 2020, dia menguncup 8.4 peratus dalam tempoh tahun 2020.

Keduanya, Bajet 2022 yang akan kita umumkan pada hari Jumaat ini *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua dalam pukul 3 atau pukul 4 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama iaitu:

- (i) memulihkan atau *recovery*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua;
- (ii) membina ketahanan, daya tahan, *resilience*; dan
- (iii) memangkinkan pembaharuan- *reform*.

#### ■1510

Dalam Bajet 2022, ini sebenarnya, sudah pasti kita akan beri tumpuan, seperti mana Yang Berhormat Senator berbahas tadi, kepada tiga kelompok utama; iaitu rakyat, yang keduanya perniagaan, dan sudah pastinya pada ekonomi.

Itu sebabnya, fokus Bajet 2022, *Insya-Allah* yang akan diumumkan pada Jumaat ini, pertamanya kita akan pastikan kita menyokong kelangsungan pekerja dan usahawan.

Kedua, kita akan memperbanyakkan peluang kerjaya.

Ketiga, program peningkatan kemahiran dan latihan semula. Ini juga melibatkan apa Yang Berhormat yang telah bangkitkan tadi berkaitan pendigitalan kepada IKS-IKS bukan sahaja di bandar, tetapi yang paling pentingnya ialah capaian di luar bandar.

Keempat, kita akan sentiasa meningkatkan inisiatif untuk menggalakkan aktiviti domestik bukan sahaja di bandar-bandar besar, tetapi memperkasakan ekonomi luar bandar akan menjadi agenda utama dalam Belanjawan 2022.

Kelima, kita akan terus memberi sokongan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) agar ia pulih dan terus berkembang. Keenam, kita akan menambah baik skim pembiayaan dan memperkenalkan pembiayaan alternatif supaya perniagaan dan usahawan dapat menjalankan perniagaan. Inilah Yang Berhormat Senator Datuk Razali, apa yang kita lakukan, kita akan memastikan *survival* sektor pekerjaan dan industri-industri yang teruk terjejas sepanjang pandemik ini.

Kalau kita lihat petunjuk-petunjuk yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, seperti mana Yang Berhormat Senator bangkitkan tadi adalah bagaimana sekiranya berjaya di Langkawi, kenapakah kita tidak buat di lain? Ini semua indikator yang sedang kita perhatikan, kita teliti, dan kita buat kajian supaya inisiatif yang akan kita umumkan Belanjawan 2022 ini akan pasti memberi kesinambungan, bukan sahaja kepada Belanjawan 2021, tetapi ia melibatkan lapan buah pakej yang telah kita umumkan tempoh hari.

Ada juga Yang Berhormat Senator bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan kadar pengangguran. Suka saya hendak maklumkan pada Mei 2020, kita hadapi kadar pengangguran yang agak luar biasa, tidak pernah berlaku dalam sejarah iaitu sebanyak 5.3 peratus. Akan tetapi, setelah kita laksanakan pelbagai usaha, *alhamdulillah* nampak penurunan kepada 4.8 peratus pada Julai 2021 dan pada Ogos 2021 ia lebih rendah kepada 4.6 peratus.

Kalau kita lihat Indeks Perdagangan Borong dan Runcit, ia juga telah menunjukkan pertumbuhan bulanan yang positif berbanding bulan Ogos dan Julai sebanyak 7.9 peratus. Ini juga kita boleh lihat bagaimana kalis ekonomi ini berasaskan pada kadar inflasi, di mana bulan Ogos sebanyak dua peratus dan ia menunjukkan trend yang semakin sederhana pada bulan April pada 4.7 peratus.

Saya juga ingin bangkitkan- ada Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan isu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *inclusion and exclusion error* di mana sepatutnya bantuan itu dapat pada orang yang sepatutnya tetapi tidak dapat. Akan tetapi, ada mereka yang tidak patut dapat, tetapi dapat. Ini perkara yang- walaupun ia merupakan kumpulan yang melibatkan kumpulan yang kecil, tetapi Kementerian Kewangan mengambil berat tentang pandangan Yang Berhormat.

Oleh sebab itu, isu keciciran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini sebenarnya, sebagai contoh, bantuan Prihatin Rakyat, kita bagi secara menyeluruh kepada semua yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Jikalau ada isu-isu yang dikatakan layanan berbeza, ia tidak timbul kerana semasa isi borang permohonan tersebut Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kita letakkan maklumat kaum di situ.

Kita juga telah lakukan semakan data dengan pihak-pihak berkepentingan iaitu sebanyak 25 buah agensi seperti KWSP, PERKESO, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Akauntan Negara, Bendahari-bendahari Negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, untuk kita pastikan bahawa bantuan tunai yang kita berikan itu sampai kepada golongan sasaran yang telah ditetapkan.

Manakala, ada juga isu menyatakan mereka tidak mampu untuk memohon kerana tidak ada capaian maklumat sampai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada 14 lagi Ahli Yang Berhormat-adakah hendak disebut nama ataupun hendak secara am sahaja?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Saya- Tuan Yang di-Pertua, sebab ada 40 pages Tuan Yang di-Pertua. Kalau ia mengambil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita- masa kena kekang sedikit, sebab ada lagi satu rang undang-undang. Lebih baik Yang Berhormat menumpu kepada soalan-soalan yang muncul dari Yang Berhormat seramai 14 orang lagi, mudah bagi kita mengkategorikannya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Sebab Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ada 40 isu Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya pergi satu-persatu dan laporkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu terserah kepada Yang Berhormat, sampai masa saya akan berhenti.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkaitan tentang-bagaimana mereka ini tidak memohon tetapi mereka layak?

Untuk makluman Yang Berhormat, kita- golongan sasaran yang tidak berdaftar dapat dikurangkan apabila kita lakukan permohonan pada tahun 2021 ialah secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat membangkitkan tentang, adakah kita kena menggunakan PGK yang baru? Paras Garis Kemiskinan yang telah diumumkan oleh EPU, kenapakah Kementerian Kewangan tidak menggunakannya?

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedang meneliti data-data yang melibatkan PGK yang baru, kita sedang buat libat urus dengan agensi-agensinya supaya

tidak lagi berlaku *exclusion* dan *inclusion error* seperti mana yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada isu i-Suri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaidi bin Haji Suhaili. Jumlah pencarum setakat Disember 2021 Tuan Yang di-Pertua, seramai 293,487 orang pencarum yang telah mendaftar menyertai program i-Suri, dan sebanyak 82.5 peratus daripada 355,735 bilangan isi rumah berdaftar dengan e-Kasih mengikut rekod 30 November 2020. Cuma, isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator adalah, berapa ramaikah jumlah yang mencarum?

Sehingga Ogos 2018 sehingga September 2021, seramai 199,944 orang telah mencarum dengan jumlah sebanyak RM26.6 juta. Apakah diusahakan oleh Kementerian Kewangan melalui KWSP untuk memastikan lebih ramai yang mencarum?

Pertamanya Yang Berhormat Senator, kita membuat program libat urus dan menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengenal pasti dan mendekati penduduk yang layak untuk mendaftar i-Suri. Kita juga ada satu pasukan *mobile team* Yang Berhormat Senator, yang membuat sesi khidmat rundingan dan pendaftar i-Suri ke lokasi-lokasi yang terpilih. Kita juga membuat hebahan di media massa dan media sosial dari semasa ke semasa.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tiga buah kerajaan negeri yang telah memberi peruntukan untuk caruman kepada e-Kasih kepada setiap negeri mereka, kerana kita faham mereka tidak mempunyai keupayaan untuk membayar sebanyak RM5 sebulan dan setahun sebanyak RM60 supaya mereka mendapat geran 1:8. Mereka mencarum sebanyak RM60, kerajaan akan memberi sebanyak RM480. Saya ucapkan terima kasih Negeri Sembilan, negeri Sarawak, negeri Yang Berhormat Senator, dan negeri Melaka kerana mereka telah menyokong untuk membantu pihak kementerian.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan dan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya membangkitkan tentang Geran Khas Prihatin.

Setakat hari ini, sebanyak 700 ribu PKS Mikro telah menerima GKP bagi bayaran pada Mei 2020. Hampir satu juta PKS Mikro menerima pembayaran pada GKP 4.0 September dan November 2001. Ini menunjukkan bahawa daripada 700 ribu naik kepada satu juta, ada penambahan yang kita lakukan kerana kita lakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Bantuan berterusan sama ada PKS mikro macam mana, selepas ini kita akan tunggu Bajet 2022 yang akan diumumkan pada Jumaat ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff membangkitkan isu tentang bantuan B40 dan M40 perlu diteruskan. Bantuan tunai langsung kepada golongan B40 dan M40 seramai 10 juta isi rumah dan individu warga emas dan bujang telah menerima peruntukan sebanyak RM4.6 bilion. Fasa pertama telah kita buat pada 6 September 2021, dan fasa kedua dan ketiga akan bermula pada November dan Disember.

Untuk makluman Yang Berhormat, miskin tegar bagi isi rumah akan menerima sebanyak RM1,300, miskin tegar B40 sebanyak RM800, miskin tegar M40 sebanyak RM250. Ia juga melibatkan warga emas sebatang-kara, dan seperti mana yang saya sebutkan tadi, untuk bujang.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga membangkitkan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan GKP supaya turut diberikan kepada PKS di bawah RM100 ribu. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini sebanyak satu juta PKS mikro telah terima sebanyak RM6.1 bilion bermula dari GKP 1.0 sehinggalah GKP terkini, GKP 4.0.

#### ■1520

Berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator mengenai pengusaha PKS yang mempunyai jualan di bawah RM100 ribu adakah layak untuk menerima GKP, untuk makluman Yang Berhormat Senator, syarat-syarat kelayakan selain mereka merupakan warganegara Malaysia, mereka juga kena berdaftar dengan PBT, SSM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan mereka mesti masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan.

Cumanya, saya hendak maklum kepada Yang Berhormat, yang kita telah tetapkan pada hari ini, jumlah jualan atau perolehan kurang daripada RM300 ribu. Maknanya, Yang Berhormat, apa Yang Berhormat membangkitkan itu telah kita ambil kira. Bukan RM100 ribu. Maknanya kurang daripada RM300 ribu jualan, kita akan bagi untuk Geran Khas Prihatin. Jumlah pekerja sepenuh tidak melebihi empat orang termasuk pemilik.

Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad membangkitkan berapa banyak PKS di negeri Perlis yang telah menerima GKP dan berapakah jumlah rayuan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 12,640 PKS mikro di negeri Perlis telah menerima GKP 1.0 sehingga GKP 4.0 dan nilai peruntukan sebanyak RM74.7 juta.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan juga membangkitkan tentang bantuan COVID-19 dan bantuan mengurus jenazah. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang ada bantuan tersebut dan kita telah membuat hebahan dengan NADMA melalui media elektronik, media cetak dan media sosial. Cumanya, bantuan ini hanya diberikan kepada waris-waris mangsa yang



memohon dan memenuhi syarat-syarat bantuan tersebut akibat kematian disebabkan COVID-19 dan si mati ialah warganegara Malaysia. Selain itu, nombor akaun waris diperlukan untuk bantuan ini disalurkan terus kepada akaun waris.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris membangkitkan projek-projek kecil dan bertanya adakah kerajaan mempermudah proses-proses dan prosedur. Yang Berhormat, setakat hari ini sehingga Disember 2021, had perolehan yang telah Kementerian Kewangan melakukan bagi membantu kontraktor-kontraktor kecil iaitu bagi lantikan terus telah dinaikkan daripada RM20 ribu ke RM50 ribu, had perolehan undian dari RM50 ribu ke RM100 ribu, had sebut harga dinaikkan daripada RM500 ribu ke RM800 ribu.

Manakala perolehan pembekalan dan perkhidmatan kerja dibenarkan dipakejkan kepada pakej yang lebih kecil. Dulu mungkin dalam amaun yang besar tetapi dah kita minta kepada agensi-agensi pelaksana supaya kecilkan tender tersebut supaya ia boleh dibuat secara sebut harga ataupun undian bagi membolehkan lebih ramai kontraktor di bawah sana memperolehnya.

Ketiganya, kita juga, Yang Berhormat, bantu untuk menambah baik aliran tunai kontraktor. Kementerian Kewangan turut membenarkan potongan bayaran balik hanya dibuat selepas kemajuan mencapai 50 peratus berbanding 25 peratus sebelum ini dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa kemajuan projek mencapai 85 peratus berbanding 75 peratus sebelum ini.

Yang Berhormat Senator, Kementerian Kewangan juga menawarkan kemudahan pembiayaan kewangan alternatif melalui *SME Gold Scheme* melalui SME Bank kepada kontraktor G2 hingga G4 dalam melaksanakan projek di antara RM200 ribu ke RM800 ribu. *Insyallah*, Yang Berhormat, ada cadangan-cadangan Yang Berhormat yang kita akan perhalusi untuk masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga bangkitkan tentang moratorium. Ini penting untuk rakyat. Itu sebabnya pada 14 Oktober 2021, institusi perbankan telah mengumumkan Skim Pengurusan dan Ketahanan Kewangan yang dipanggil URUS bagi golongan B50 yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19. Skim ini menyeluruh bukan sahaja membantu peminjam membayar bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga akan mendapat nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang.

Di bawah program ini, peminjam golongan B50 yang memenuhi syarat akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan dan juga pilihan untuk mengurangkan ansuran pinjaman sehingga 24 bulan keseluruhannya.

Bagi peminjam lain yang terkesan dan memerlukan bantuan balik pinjaman selepas pakej diperoleh itu tamat, bank-bank akan terus menyediakan pakej bantuan

termasuk pengurangan ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam. Peminjam juga boleh memohon pelbagai pakej yang ditawarkan melalui AKPK seperti Program Pengurusan Hutang, Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan. Program-program ini dilakukan atas kerjasama dan sokongan institusi perbankan. Ia mempunyai ciri-ciri seperti mana ansuran bulanan yang berkurangan, pelanjutan tempoh bayaran balik dan program sokongan daya ketahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying membangkitkan berkaitan bantuan kepada sektor terjejas. Bukan sahaja Yang Berhormat Senator, ada beberapa juga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai apakah bantuan kepada sektor yang terjejas khususnya seperti sektor pelancongan.

Banyak Yang Berhormat Senator yang telah kita lakukan di bawah PEMERKASA dan PEMERKASA+, antaranya ialah:

- (i) pengecualian cukai;
- (ii) pengecualian cukai duti hiburan;
- (iii) individu yang terlibat membeli pakej pelancongan akan dapat pelepasan cukai pendapatan;
- (iv) syarikat pelancongan yang terpilih seperti panggung wayang dan spa dibenarkan menangguhkan pembayaran cukai pendapatan bulanan;
- (v) pengecualian levi pembangunan sumber manusia;
- (vi) RM700 juta tambahan telah diperuntukkan melalui Program Subsidi Upah;
- (vii) Geran Bantuan Khas secara *One-Off* RM3,000 untuk 5,000 buah agensi pelancongan;
- (viii) bantuan secara *One-Off* RM500 kepada pemandu pelancong, teksi, pemandu *e-hailing* dengan peruntukan keseluruhan kepada mereka ini sebanyak RM68 juta;
- (ix) moratorium 12 bulan ke atas pembayaran pinjaman balik untuk operator bas dan teksi;
- (x) bayaran balik pinjaman bersasar akibat terjejas PKP 3.0;
- (xi) diskaun bil elektrik sebanyak 10 peratus; dan
- (xii) Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan RM12 bilion untuk kemudahan bantuan dan pemulihan bersasar bagi membantu PKS yang terjejas.

Ada juga Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya membangkitkan

tentang Program Subsidi Upah dan bagaimana melakukan penambahbaikan kepada gaji yang RM4,000 ke atas yang tidak menerima bayaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak kita laksanakan dan memperkenalkan Program Subsidi Upah, lebih RM19 bilion telah kita belanjakan bagi membantu majikan membayar gaji lebih kurang kepada 2.7 juta orang pekerja. Memandangkan respons positif dalam program ini, kerajaan meneruskan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion yang dijangka akan memanfaatkan 2.5 juta orang pekerja.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Sekejap ya. Saya habiskan sedikit. Kerajaan akan menampung sehingga 500 orang pekerja bagi setiap majikan dan kadar upah sebanyak RM600 dalam tempoh empat bulan iaitu dua bulan dalam Fasa Kedua PPN dan dua bulan berikutnya dalam sektor yang diletakkan dalam Fasa Ketiga.

Jika sebelum ini Program Subsidi Upah disyaratkan di bawah RM4,000 tetapi di bawah Program Subsidi Upah 4.0, tiada lagi syarat had gaji ditetapkan. Ini bermakna majikan boleh memohon PSU 4.0 bagi pekerja yang bergaji lebih daripada RM4,000. Setakat hari ini, Yang Berhormat, RM2.3 bilion telah disalurkan pada Ogos dan September 2021. Manakala RM1 bilion akan disalurkan pada bulan ini. Manakala program ini akan memberi manfaat kepada 188 ribu dan 1.9 juta orang pekerja.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangun sebagai mewakili rakan-rakan peniaga mengucapkan terima kasih atas usaha kerajaan yang membantu kumpulan peniaga. Cuma, yang belum dapat lagi ramai lagilah, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan. Agak-agak bila tempoh yang diberikan kepada PERKESO untuk menyelesaikan PEMULIH 2.0, PEMULIH 3.0 dan PEMULIH 4.0 itu? Agak-agak bila? Bagilah *target date* sebab mereka sedang menanti-nanti. *Wallahualam*.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, saya kira ini *case-by-case*. Saya buka kepada Yang Berhormat sekiranya ada spesifik syarikat mana yang lebih *detail*, salurkan kepada saya, saya akan buat semakan lebih tepat agar ia tidak diuruskan secara *one blanket* atau keseluruhannya sebab ia telah memberi manfaat kepada hampir 2.9 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah Yang Berhormat hendak uruskan *one blanket*?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** [*Ketawa*] Itulah, saya pun tidak tahu Bahasa Melayunya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau “*blanket*” ini selimut.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Ia secara keseluruhan, total. Secara keseluruhan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sekali harung.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya juga bangkitkan berkaitan berapakah hasil sumber judi, arak yang diterima oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil kutipan duti atau cukai minuman keras bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM3.8 bilion.

#### ■1530

Manakala sehingga September 2021 RM1.4 bilion. Manakala untuk perjudian, pada tahun 2020 hasilnya RM1.9 bilion manakala pada tahun 2021 adalah sebanyak RM682.4 juta. Berkaitan apa yang Yang Berhormat membangkitkan tentang cabutan sama ada kita akan 22 cabutan khas pada tahun akan datang *insya-Allah*, Kementerian Kewangan akan memberi jawapan dalam masa yang terdekat setelah kita membuat sesi libat urus dengan pemain-pemain industri. Kita mengambil pandangan Yang Berhormat kerana parti Yang Berhormat juga sebahagian daripada kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad juga membangkitkan fasal Akta Tanggungjawab Fiskal. Ini memang kita akan laksanakan dan kita akan beri pengukuhan kepada peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan.

Ramai Yang Berhormat bangkitkan tadi adakah duit yang telah kita belanjakan tahun 2020 ini akan dibentangkan atau tidak ke Dewan yang mulia. Sudah pasti semasa pengumuman Bajet 2022, nanti dalam Akta Penyata Tahunan 2020 akan juga dibentangkan berkaitan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19. Jangan risau Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa telus dan sentiasa jelas dalam apa perbelanjaan yang kita lakukan dan juga kita akan nyatakan apakah impak daripada apa yang kita laksanakan.

Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad bangkitkan satu isu yang saya rasa sangat signifikan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan di mana sumber kerajaan untuk dapatkan RM45 bilion ini. Strategi perbelanjaan kerajaan Yang Berhormat Senator mengutamakan pinjaman daripada pasaran domestik. Kadar faedah keuntungan yang kompetitif serta tempoh matang yang bersesuaian dengan profil hutang Kerajaan Persekutuan. Pinjaman luar pesisir pula dilaksanakan bagi tujuan strategik sahaja sekiranya terbitan tersebut memberi kelebihan kepada kerajaan khususnya dalam membangunkan pasaran sukuk.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk membiayai semula hutang Kerajaan Persekutuan dalam mata wang asing sebagai dipanggil lindung nilai semula jadi, dengan izin, *natural hedge* dan membiayai defisit fiskal. Dalam melaksanakan pinjaman luar pesisir Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terdedah kepada risiko tukaran mata wang asing. Semakin tinggi jumlah hutang dalam mata wang asing, semakin besar pendedahan kepada risiko yang berdekatan.

Ini sebabnya Ahli Yang Berhormat Senator kerajaan kekal komited untuk mencapai objektif pengurusan hutang iaitu meminimumkan kos pembiayaan di samping mengekalkan profil kematangan hutang yang seimbang.

Oleh itu, pinjaman kerajaan akan menggunakan daripada sumber dalam negeri yang turut mengambil kira tahap kecairan pasaran domestik dan permintaan daripada pelbagai kumpulan pelabur domestik. Kerajaan akan memanfaatkan permintaan pasaran bon domestik pada tahun 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita bila kita hendak tubuhkan, hendak terbitkan bon atau sukuk, kita akan melihat BTC, dengan izin, *bid-to-cover* di mana *bid-to-cover ratio* ini *very important*, sangat penting, dengan izin, kerana ia memberi keyakinan terhadap kertas-kertas yang telah kita terbitkan.

*Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, BTC *ratio* untuk kertas-kertas terbitan Kerajaan Malaysia secara puratanya bagi tahun 2020 berjumlah 2.1 BTC *ratio*. Maknanya katakanlah kita ada satu bilion yang kita ingin pasarkan di pasaran domestik, permintaan orang yang hendak masuk keseluruhannya melebihi RM2 bilion. Inilah yang kita katakan sebagai pasaran bon sekunder yang kekal cair dengan jumlah purata dagangan harian berjumlah RM4.1 bilion dengan jumlah kecairan sistem perbankan yang stabil RM153.1 bilion pada Ogos 2021.

Ada juga yang membangkitkan selepas habis tempoh Disember 2022, apa akan jadi dengan rang undang-undang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya memandangkan Akta 830 akan tamat pada 31 Disember 2020, maka tempoh kuat kuasa had statutori hutang pada 65 peratus KDNK, ini akan tamat pada tarikh yang sama. Oleh itu, had statutori hutang akan kembali dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 241/2009 berdasarkan Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983.

Dalam hal ini, kerajaan akan sentiasa memantau kedudukan hutang dari semasa ke semasa dan keperluan pembiayaan kerajaan khususnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas. Oleh itu, dengan mengambil kira keperluan ini had statutori ini akan dikekalkan pada 65 peratus KDNK bagi memberi ruang untuk kita memulihkan ekonomi kembali ke potensi pertumbuhan dan melaksanakan agenda pembangunan negara dalam jangka masa sederhana.

Peningkatan had statutori hutang baharu ini akan dibuat melalui satu perintah yang baharu selepas tamat tempoh Akta 830. Ini selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 yang membenarkan perubahan had statutori melalui pewartaan kertas perintah setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan diletakkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia.

Namun, apa yang saya sebutkan ini kerajaan kekal komited terhadap pendirian konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana yang telah digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan defisit disasarkan sekurang-kurangnya 3.5 peratus berbanding KDNK menjelang tahun 2025.

Oleh itu, pelaksanaan pelbagai langkah fiskal juga penting mencapai keseimbangan antara keperluan kerajaan dan kemampuan fiskal. Langkah ini Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti kita mesti menambah baik kutipan hasil. Kedua, meningkatkan kecakapan perbelanjaan dan mengurus hutang dengan lebih berhemat. Justeru, konsolidasi fiskal jangka sederhana ini perlu lebih teguh berbanding perancangan sebelum ini dalam mencapai kestabilan makro ekonomi dan fiskal jangka panjang selaras dengan jangkaan pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff berkaitan alat sendiri supaya harga alat ujian COVID-19 sendiri yang sepatutnya lebih perlu harga lebih berpatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga siling ujian sendiri ini Kementerian Kesihatan sedang dalam perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menurunkan lagi had siling bagi kos ujian sendiri daripada harga yang telah diumumkan sebanyak RM19.90 bagi harga runcit manakala RM16 pada harga borong. Walau bagaimanapun, harga tersebut akan dimuktamadkan dalam tempoh yang terdekat.

Walaupun bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui inisiatif Keluarga Malaysia pada 19 September 2021 telah mengumumkan pakej bantuan pemberian COVID-19 PPC. Pakej ini merangkumi pelitup muka guna semula, kit ujian sendiri COVID-19 *oximeter*, termometer dan risalah panduan penggunaan. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan perbelanjaan isi rumah B40, melatih diri dalam membudayakan norma baharu sekali gus membantu melindungi keluarga daripada jangkitan COVID-19. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu isu.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pencerahan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, terima kasih. Berkenaan dengan kit sendiri. Baru-baru ini saya buat soalan tambahan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. So, dia kata tidak ada. Cuma saya hendak lagi sekali saya hendak tanya Menteri Kewangan ini apakah kerajaan tidak bercadang untuk bagi sebahagian subsidi, peratus subsidi daripada harga kit sendiri yang mana mungkin RM17 sekarang ini dengar cerita akan turun kepada RM7.

Jadi, kepada golongan B40 walaupun RM7 ia menjadi satu perkara yang agak besar. Saya hendak tahu apakah kerajaan bersedia untuk bagi sebahagian harga itu subsidi daripada pihak kerajaan kepada khusus golongan B40. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator berkaitan perkara yang amat relevan dengan kehendak rakyat. Kementerian Kewangan amat prihatin dan kita dalam sesi libat urus kita ke seluruh negara, ini juga perkara yang dibangkitkan oleh rakyat. *Insyah-Allah* Tuan Yang di-Pertua kita akan umumkan dalam masa yang terdekat.

Dalam Belanjawan 2022- nanti, mungkin ia akan melibatkan juga langkah-langkah yang akan meringankan beban rakyat apabila kita mengamalkan budaya baharu iaitu ujian alat sendiri untuk memastikan kluster, dan kelompok ini tidak menular dalam masyarakat.

#### ■1540

Saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas segala pandang, idea dan ketekunan Yang Berhormat Senator semua mendengar penjelasan daripada Kementerian Kewangan. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya perelaskan di sini, *insyah-Allah* kita akan perelaskan daripada semasa ke semasa melalui Sesi Libat Urus yang Kementerian Kewangan buat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ulasan dan jawapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan II (Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (PINDAAN) 2021**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) ditubuhkan pada tahun 1988 melalui Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 atau Akta 339. Penubuhan KWAN bertujuan untuk memastikan penggunaan optimum hasil sumber asli negara yang menyusut. Ini adalah supaya sumber pendapatan yang berterusan dan stabil dapat diberikan demi manfaat negara dan generasi akan datang.

Seksyen 5, Akta 339 telah memperuntukkan wang yang dikehendaki dibayar ke dalam KWAN seperti berikut:

- (i) wang yang dari semasa ke semasa diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kepada dan bagi maksud Kumpulan Wang;
- (ii) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh Petroliam Nasional Berhad kepada Kumpulan Wang;
- (iii) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh mana-mana negeri di Malaysia yang mendapat apa-apa bentuk royalti daripada pengeksploitasian petroleum atau sumber menyusut lain;
- (iv) segala wang daripada apa-apa pelaburan Kumpulan Wang;
- (v) segala pemberian, derma- *donations*, derma kekal- *endowments*, alang- *gifts*, sumbangan dan *bequest*



sebagaimana yang dibuat kepada atau untuk faedah Kumpulan Wang; dan

- (vi) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa yang perniagaannya termasuklah penyelidikan atau pembangunan sesuatu sumber menyusut.

Akta KWAN 1988 juga memperuntukkan pentadbiran oleh panel pemegang amanah yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, manakala tanggungjawab pentadbiran dan pengurusan harian dana dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia.

Semenjak penubuhan KWAN sehinggalah hujung tahun 2020, PETRONAS telah membuat sumbangan berjumlah RM10.4 bilion. Jumlah aset terkumpul KWAN pada masa yang sama RM20.9 bilion, yang merangkumi pulangan daripada pelaburan dalam bon, ekuiti, deposit, emas dan Amanah Pelaburan Hartanah atau dengan izin, REITs.

Tuan Yang di-Pertua, selari dengan semangat Keluarga Malaysia, kerjasama dan sokongan semua pihak adalah sangat penting bagi menyokong usaha negara dalam menghadapi cabaran krisis kesihatan dan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Dengan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang terhad, suatu langkah alternatif yang dapat menampung perbelanjaan tambahan untuk keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 perlulah diambil. Oleh itu, penggunaan dana KWAN sebagai salah sebuah sumber kewangan adalah wajar memandangkan dana tersebut mempunyai kecairan tunai serta dapat memenuhi keperluan vaksin yang mendesak. Malah, penggunaan dana KWAN tidak meningkatkan had statutori hutang kerajaan yang hampir mencecah had yang dibenarkan.

Tambahan lagi, memandangkan dana KWAN adalah bersumber daripada Kumpulan Wang Amanah Disatukan dan bukan daripada Kumpulan Wang Hasil Disatukan, penggunaan dana ini tidak akan memberi implikasi langsung ke atas kedudukan kewangan negara. Oleh yang demikian, penggunaan dana KWAN dalam menampung perolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan pemberian vaksin dapat membantu kedudukan belanjawan negara supaya peruntukan sedia ada dapat diagihkan semula kepada perkara lain bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini seksyen 6 Akta 339 hanya membenarkan dana KWAN dibelanjakan untuk maksud Kumpulan Wang Pembangunan serta memberi pinjaman ataupun pendahuluan mengikut terma konsesi kepada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, mengambil kira situasi gelombang ketiga penularan pandemik COVID-19 yang bermula sejak akhir tahun 2020, kerajaan pada 19 Mac 2021 telah meluluskan cadangan Kementerian Kewangan melalui Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 atau Ordinan Darurat (KWAN) untuk meminda seksyen 6, Akta 339.

Pindaan seksyen 6, Akta 339 adalah berhubung penggunaan dana KWAN dengan memasukkan perenggan seperti berikut: *“(c) pemerolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung vaksin bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].”*

Namun, penggunaan Ordinan Darurat (KWAN) ini adalah terhad kerana ia akan terhenti berkuat kuasa apabila habis tempoh enam bulan selepas Proklamasi Darurat ditamatkan, sekiranya ia tidak diungkit terlebih dahulu. Ini adalah selaras dengan Fasal (7), Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, kerajaan melalui Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021 berhasrat untuk mengekalkan penggunaan dana KWAN bagi maksud, *“Pemerolehan vaksin, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan vaksin bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].”*

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dana KWAN tidak terangkum dalam kumpulan wang disatukan, penggunaan dana ini akan membantu kerajaan dalam mengawal kedudukan fiskal negara, sekali gus memberi impak positif kepada kedudukan kewangan negara secara keseluruhan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, selain daripada KWAN, negara seperti Norway, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan Kanada juga telah menubuhkan satu- dana kekayaan negara, hampir serupa dengan dana KWAN, di mana objektifnya merupakan keuntungan daripada sumber-sumber asli negara generasi terdahulu dapat disalurkan ke dana tersebut dan seterusnya disimpan untuk dinikmati untuk generasi akan datang.

Malah, bukan negara kita sahaja yang menggunakan dana kekayaan negara dalam menghadapi pandemik COVID-19. Banyak negara membangun yang terjejas teruk disebabkan kemerosotan harga pasaran komoditi dan pandemik COVID-19 juga telah menggunakan dana kekayaan negara mereka untuk membiayai rangsangan fiskal. Antaranya termasuklah Azerbaijan, Colombia, Chile, Kazakhstan, Mexico dan Peru.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi, objektif KWAN apabila ditubuhkan lebih daripada 30 tahun dahulu adalah untuk melindungi generasi masa hadapan melalui simpanan yang telah dibina. Izinkan saya menyoal siapakah lagi generasi masa hadapan itu jika bukan kita? Pada saat mengharungi cabaran COVID-19 yang merupakan antara krisis yang paling getir dalam sejarah negara kita, program vaksinasi yang berkesan perlu diutamakan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara. Malah saya juga ingin menyatakan bahawa jika tidak digunakan sekarang, bilakah masa yang lebih sesuai untuk menggunakan dana KWAN?

Jika dana KWAN boleh digunakan untuk pembangunan projek Payah Indah Wetlands bukanlah keperluan untuk menggunakannya bagi program vaksinasi yang dapat menjamin masa hadapan generasi akan datang lebih mendesak pada waktu ini. Daripada segi kemampuan dana untuk jangka masa panjang, kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan semula dana KWAN apabila ekonomi telah kembali stabil.

Ini termasuklah meningkatkan bilangan penyumbang dengan menggalakkan sumbangan dari syarikat atau pihak berkuasa yang lain, termasuklah syarikat yang terlibat dengan pengeksploitasian petroleum atau sumber menyusut lain seperti yang termaktub dalam seksyen 5, Akta 339. Usaha penambahan semula dana KWAN perlu dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan. Komitmen daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk turut mengambil bahagian dalam inisiatif bagi meningkatkan dana KWAN amatlah penting.

Di samping memperkukuhkan tadbir urus untuk memastikan dana KWAN dapat melaksanakan peranannya. Oleh itu, saya memohon pertimbangan Dewan yang mulia ini supaya kita sama-sama menimbang tara dan berhemat dalam menggunakan dana ini agar kita juga dapat mewarisi dan melipatgandakan hasil simpanan yang sama sebagai bekalan generasi anak-anak kita. Sama-samalah kita memegang amanah bahawa sumber bumi negara adalah juga untuk generasi yang akan datang.

Kesimpulannya, penggunaan dana KWAN melalui peruntukkan Rang Undang-undang KWAN (Pindaan) 2021 dilihat adalah penting kerana langkah ini dapat mempergiatkan usaha kerajaan dalam melindungi kesejahteraan rakyat dan mempercepatkan proses pemulihan ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Semoga kesiapsiagaan kerajaan dalam mempercepatkan proses perolehan vaksin ini dapat membantu negara membuka semula ekonomi Malaysia dengan lebih selamat agar rakyat Malaysia akan dapat menjalani kehidupan norma baharu pada era pasca pandemik COVID-19 dengan lebih bersedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapakah menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan I [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada yang hendak bersukarela untuk berucap pertama?

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**3.58 ptg**

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk melibatkan diri dalam perbincangan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara 2021, (KWAN).

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kenyataan media Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan hujung Julai lalu, beliau menyatakan bahawa komitmen peruntukkan bagi pelaksanaan vaksinasi kebangsaan telah dinaikkan kepada RM5.8 bilion.

Berdasarkan perincian kos-kos pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dinyatakan pada 27 April lalu oleh Menteri penyelarasan PICK sebelum ini, jumlah kos bagi perolehan dan logistik vaksin merupakan RM3.5 bilion iaitu bersamaan dengan 70 peratus daripada kos keseluruhan yang dibelanjakan bagi pelan pelaksanaan awal Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Seperti yang telah disahkan oleh Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan pada April lalu juga, kos perbelanjaan bagi pelaksanaan vaksinasi kebangsaan dibiayai dengan dana Kumpulan Wang Amanah Negara dan peruntukan RM5.8 bilion tersebut merupakan penambahan daripada RM31 bilion yang asalnya diperuntukkan dalam Belanjawan 2021.

Saya ada empat persoalan yang ingin dibangkitkan untuk respons Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan.

Pertama, daripada peruntukkan hakiki yang dikhaskan bagi perolehan dan logistik vaksin, nyatakan pecahan kos perbelanjaan bagi tambang penghantaran atau *shipping* dari negara pengeluar dan pembekal bagi setiap satu vaksin mengikut syarikat pengangkutan. Pengendalian penyimpanan atau *storage* setiap sejenis vaksin bagi setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak dan tambang penghantaran

atau *mobility fee* bagi setiap jenis vaksin dari pusat penyimpanan vaksin ke negeri-negeri.

Kedua, apa proses atau prosedur yang terlibat dalam memutuskan *final spending*, dengan izin, berkaitan perolehan dan logistik vaksinasi? Adakah proses atau prosedur tersebut melibatkan penilaian tertentu daripada pihak Kementerian Kewangan?

Ketiga, dengan kadar siling atau *ceiling rate* yang ditetapkan oleh MOF untuk perbelanjaan bagi perolehan vaksin, nyatakan perincian bagi tambahan kos yang terlibat bagi tujuan perolehan vaksin satu- dos seperti *CanSino* serta jenis vaksin lain yang diperolehi, vaksin bagi golongan remaja dan vaksin dos penggalak atau *booster dose*. Apakah bentuk pembuktian atau dapatan daripada mana-mana pengauditan yang boleh dikemukakan oleh kerajaan bagi membuktikan bahawa setiap perbelanjaan tambahan yang terlibat dalam perolehan vaksin tidak melebihi kadar siling yang ditetapkan oleh Kementerian kepada KKM dan MOSTI?

Keempat, berkenaan dengan perolehan vaksin *Sinovac* oleh Pharmaniaga Life Science Sdn. Bhd. Adakah kos perbelanjaan yang terlibat dalam perolehan tersebut melibatkan dana dari Kumpulan Wang Amanah Negara. Sekiranya tidak, adakah kos perolehan dan logistik vaksin yang dibelanjakan oleh kerajaan menerusi KWAN dijadikan sebagai *benchmark value*, dengan izin, kepada kos perolehan yang dibuat oleh Pharmaniaga Life Science Sdn. Bhd.?

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan khas- Pelan Pemulihan Negara oleh bekas YAB Perdana Menteri pada 26 Julai yang lalu, beliau ada menyatakan berkenaan dengan jumlah kos dos vaksin yang telah diterima dan ditempah oleh kerajaan. Daripada ucapan tersebut, saya ingin memperincikan dua perkara iaitu pertama, sehingga Julai kerajaan telah menempah sebanyak 79.9 juta dos vaksin dan daripada jumlah tersebut, hanya 25.2 juta vaksin yang telah diterima.

#### ■1600

Kedua, jangkakan sebanyak 37.3 juta- dos diterima pada bulan Ogos dan 21.9 juta- dos diterima pada suku ke-4, tahun ini. Berkenaan dengan dua perkara tersebut, saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bentuk atau kaedah pengauditan audit mekanisme yang telah dilakukan oleh MOF terhadap penerimaan dos vaksin yang tiba di Malaysia bagi memastikan jumlah dos yang diterima selari dengan jumlah kos yang telah dibayar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Fungsi MOF dalam mengawal selia serta menilai keputusan tertentu yang dibuat berkenaan dengan penambahan bagi pelaksanaan Program Imunisasi

COVID-19 Kebangsaan agar ia tidak mengandungi unsur-unsur ketirisan dan *overspending*, memandangkan kelonggaran telah diberikan kepada KKM dan MOSTI dalam soal pengurusan perbelanjaan vaksinasi.

Penglibatan *private auditor* atau juruaudit swasta yang mengendalikan pengauditan terhadap perbelanjaan bagi setiap jenis vaksin yang diperoleh, memandangkan terdapat beberapa buah negeri telah berhadapan dengan kelembapan vaksinasi khususnya di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan juga turut dijayakan dengan pelbagai inisiatif seperti Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) yang masing-masing digerakkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perpaduan Nasional bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berkenaan dengan PIKAS dan MOVAK, saya ada tiga soalan. Pertama, adakah pelaksanaan PIKAS dan MOVAK melibatkan dana yang diperuntukkan sepenuhnya oleh Kumpulan Wang Amanah Negara menerusi PICK, memandangkan pemberian vaksin kepada penerima adalah percuma? Jumlah anggaran peruntukan yang telah dibelanjakan bagi setiap sebuah Pusat Pemberian Vaksin PIKAS, dan fasiliti MOVAK yang terlibat termasuk di Sabah dan Sarawak? Nyatakan lapisan-lapisan prosedur yang terlibat dalam pemindahan wang KWAN yang diuruskan oleh KKM, MOSTI bagi pelaksanaan kedua-dua inisiatif vaksinasi tersebut.

Kedua, apa bentuk disiplin pengendalian peruntukan yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan pengaliran dana KWAN bagi kedua-dua inisiatif tersebut mengikut ketetapan- *compliance* tertentu, memandangkan ia melibatkan pelbagai kementerian dan syarikat swasta?

Ketiga, apa bidang kuasa kementerian dalam memastikan penggunaan wang KWAN bagi tujuan pemberian *allowance* kepada para sukarelawan atau petugas barisan hadapan kesihatan dan bukan kesihatan di setiap PPV PIKAS dan fasiliti MOVAK benar-benar sampai ke tangan mereka mengikut amaun yang telah dipersetujui antara KKM, MOSTI, dan MOF?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik kerjasama daripada Kementerian Kewangan yang telah menghadiri prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada Julai lalu bagi menjelaskan segala aspek yang melibatkan tatacara perolehan dan peruntukan vaksin. Peranan Parlimen menerusi pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas wajar diberi pengiktirafan terutama dalam membincangkan soal rakyat yang melibatkan perbelanjaan wang negara seperti KWAN.

Justeru, selaku Ahli Dewan Negara yang prihatin terhadap pengurusan kewangan negara, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Kewangan dapat mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bersifat *bipartisan*, yang menumpukan perbincangan yang melibatkan perihal perbelanjaan dan peruntukan kerajaan yang boleh disertai oleh Ahli-ahli Dewan Negara dan golongan profesional muda dalam bidang kewangan dan perbankan.

Secara peribadi, saya mengharapkan agar pemeteraian Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik antara kerajaan dan Pakatan Harapan dapat diperkuatkan lagi menerusi jalinan kerjasama antara Yang Berhormat Menteri Kewangan dan para Senator Dewan Negara dalam membincangkan segala aspek yang berkaitan dengan perbelanjaan wang negara yang memberi kesan kepada ekonomi rakyat. Lagi satu minit.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, seramai lima orang anggota Lembaga Pemegang Amanah yang terlibat dalam mengawal selia KWAN yang mana mereka juga terlibat dalam membuat keputusan dasar sebelum dikemukakan kepada kerajaan. Mereka terdiri daripada wakil-wakil kerajaan dan profesional swasta. Di samping itu, KWAN juga diaudit setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan kelulusan dalam setiap aliran wang KWAN. Oleh itu, moleklah sekiranya peranan semak dan imbang bagi urusan aliran kewangan negara termasuk dana KWAN dapat disertai oleh kami, Ahli-ahli Dewan Negara yang juga mewakili suara rakyat di pentas demokrasi berparlimen negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan PETRONAS kepada KWAN amatlah besar nilainya, dan sebagai penyumbang tunggal, sudah tentu PETRONAS akan sentiasa berdepan dengan tekanan kewangan bagi memenuhi peruntukan perundangan yang memerlukan syarikat minyak dan gas tersebut menyumbang sebahagian daripada keuntungan kepada akaun KWAN.

Seperti yang dihasratkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Mohd Farid Ariffin ketika Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara dibacakan kali pertama di Parlimen pada tahun 1985, dana KWAN ini bertujuan untuk mempersiapkan negara bagi menghadapi *rainy days* pada masa hadapan. Secara peribadi, saya merasakan kebergantungan KWAN terhadap sumbangan PETRONAS sedikit sebanyak boleh menjejaskan prestasi kewangan PETRONAS bagi jangka masa panjang dengan mengambil kira kebarangkalian tidak baik yang boleh berlaku terhadap operasi perniagaan cari gali serta cabang-cabang perniagaan PETRONAS yang lain.

Sehubungan dengan itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan: pertama, selain instrumen-instrumen pelaburan yang sedia ada, apa alternatif-alternatif terbaik yang sedang dirangka oleh kementerian sebagai persiapan bagi

menghadapi sebarang kemungkinan terhadap kedudukan kewangan perniagaan PETRONAS pada masa hadapan, memandangkan PETRONAS merupakan *sole contributor* kepada KWAN?

Kedua, adakah Kementerian sedang merancang untuk mengenal pasti serta membangunkan syarikat-syarikat berkeuntungan tinggi tempatan yang berpotensi untuk menjadi penyumbang bersama kepada akaun KWAN pada masa hadapan? Ketiga, daripada jumlah keseluruhan sumbangan PETRONAS kepada KWAN setakat 31 Disember 2020 iaitu RM10.4 bilion, pada tahun bilakah jumlah sumbangan PETRONAS direkodkan paling tinggi? Apakah antara faktor yang menjadi punca kepada naik turun jumlah sumbangan PETRONAS kepada KWAN setiap tahun?

Sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara 2021. Saya memohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi saya masa panjang sedikit. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Dipersilakan.

#### **4.09 ptg.**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua serta rakan-rakan sekalian. Pindaan terhadap Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 melalui Ordinan Darurat iaitu Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021, yang telah diwartakan oleh pejabat Peguam Negara telah mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak.

#### **■1610**

Ordinan itu yang dipinda dengan memasukkan sub seksyen baharu ke dalam seksyen 6, menurut fasal (2B). Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Subseksyen baharu ini menyatakan perolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan vaksin bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu Akta 342.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi memaklumkan tujuan pindaan dibuat ialah untuk membolehkan kerajaan menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tujuan untuk membeli vaksin dan membayar bil utiliti serta membuka dewan bagi melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Beliau juga menjelaskan sebanyak RM3 bilion digunakan untuk membeli vaksin dan



RM2 bilion lagi menanggung kos operasi dewan dan membayar bil utiliti seperti air dan elektrik. Tambah beliau lagi, dana ini juga digunakan untuk membayar elaun serta makanan kepada petugas yang terbabit dalam PICK.

Jika diteliti daripada seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Amanah Negara, terdapat dua situasi bagaimana wang ini akan digunakan sebelum berlakunya pindaan yang diwartakan iaitu untuk kegunaan tabung pembangunan dan memberi pinjaman pendahuluan kepada kerajaan.

Objektif asal tabung dana ini diwujudkan adalah untuk membolehkan generasi akan datang meraih manfaat apabila hasil bumi negara terutamanya, waktu itu, petroleum dan juga timah. Kita tahu petroleum merupakan salah satu- sumber pendapatan negara. Namun, sumber asli ini akan menyusut dari semasa ke semasa. Itu sebabnya tabung ini diwujudkan. Sehingga tahun 2020, jumlah kutipan dana ini telah mencecah kepada RM20.9 bilion.

Pindaan akta yang membenarkan penggunaan dana ini untuk tujuan mengawal penularan COVID-19 kelihatan agak bertentangan dengan matlamat asal penubuhan tabung dana ini. Terdapat beberapa persoalan yang boleh dibangkitkan oleh sebilangan pihak terhadap pindaan kepada akta ini.

Kita maklum bahawa kerajaan telah pun membuat peruntukan yang besar dalam Belanjawan 2021 bagi membeli vaksin dan membiayai perbelanjaan menentang COVID-19. Laporan Ekonomi 2021 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM17 bilion untuk Tabung COVID-19 bagi tujuan merangsang ekonomi negara sehingga penghujung tahun 2022.

Selain itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menjelaskan di Dewan Rakyat bahawa kerajaan telah memperuntukkan RM3 bilion bagi tujuan pembelian vaksin dalam Belanjawan 2021. Bahkan pada bulan Mac 2021, akhbar melaporkan peruntukan pelaksanaan vaksin telah dipertingkatkan kepada lebih RM5 bilion.

Oleh yang demikian, ada sedikit persoalan dan keraguan tentang kewajaran kerajaan untuk menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tujuan tersebut. Persoalan asas lain seperti berapakah kos sebenar pembelian vaksin juga masih tidak didedahkan sehingga kini.

Kuasa luas yang diberikan kepada kerajaan melalui pengisytiharan darurat telah menimbulkan syak wasangka terhadap dasar dan tingkah laku kerajaan waktu itu termasuklah mereka yang kini berada dalam kerajaan. Dengan pilihan raya yang semangkin hampir, kita semangkin gusar dengan kebarangkalian dana-dana awam ini digunakan untuk tujuan yang lain.

Saya secara peribadi tiada masalah sedikit sekiranya wang daripada Kumpulan Wang Amanah ini hendak digunakan untuk pembelian vaksin serta melakukan perkara-perkara yang berkait rapat dengannya sama ada sekarang ataupun akan datang, tetapi biarlah perbelanjaan yang hendak dilakukan ini perlulah dibahas dan diluluskan di Parlimen, bukan melalui keputusan Menteri Kewangan sebagaimana dalam rang undang-undang ini. Dengan itu, saya memilih tidak menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

#### 4.15 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah dimaklumkan tadi Kumpulan Wang Amanah Negara telah ditubuhkan pada tahun 1988 dengan dana permulaan RM100 juta daripada PETRONAS. Sekarang kita ada jumlah dana daripada PETRONAS lebih RM10 bilion dan pendapatan hasil daripada pelaburan KWAN adalah terkumpul lebih RM9 bilion. Jumlah wang yang terkumpul adalah lebih RM20 bilion.

Dimaklumkan RM5 bilion yang dipohon itu adalah daripada kumpulan wang KWAN tadi. Daripada RM5 bilion yang dipohon, RM3.5 bilion untuk pembelian vaksin dan bakinya untuk mempercepatkan pencapaian perancangan imunisasi negara.

Soalannya, adakah RM3.5 bilion ini mencukupi untuk membeli *booster vaccine* atau vaksin penggalak dan vaksin untuk remaja 12 ke-17 tahun dan vaksin untuk kanak-kanak di bawah 12 ke-5 tahun? Daripada pengambilan RM5 bilion tadi, KWAN masih ada baki lebih kurang sebanyak RM15 bilion. Adakah kerajaan akan bayar balik pinjaman tersebut dan bagaimana?

Kita dimaklumkan juga *Malaysia Wetlands Sanctuary* di Hulu Langat beberapa tahun lalu menggunakan dana dari KWAN dan pinjaman itu sudah dibayar dengan RM40 juta. KWAN itu diuruskan hanya untuk generasi masa depan apabila sumber daripada hasil asli seperti minyak, kayu-kayan, mineral akan habis nanti. Oleh sebab wang daripada KWAN adalah khas untuk pembiayaan pembangunan sahaja dan pembelian vaksin tidak termasuk dalam kategori pembangunan, itulah perlunya rang undang-undang ini dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya adakah lembaga pengurusan KWAN akan mencari sumber dana selain daripada peruntukan daripada PETRONAS dan akan mengambil contoh pengurusan daripada Kumpulan Amanah Nasional Norway atau Timor-Leste yang dapat mempercepatkan penambahan dana mereka? Kemungkinan lembaga pengurusan KWAN dapat mengambil perhatian demi melonjakkan hasil

pendapatan dan mekanisme kutipan selain daripada PETRONAS dan hasil minyak sahaja. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas perbahasan yang diberikan.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

#### **4.18 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang dalam membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021 di Dewan Negara yang mulia pada petang ini.

Di bawah fasal rang undang-undang ini, pindaan itu bertujuan bagi membolehkan kerajaan mengekalkan penggunaan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit.

#### **■1620**

Saya mengalu-alukan dalam keadaan sekarang yang mana negara masih belum lagi pulih daripada pandemik COVID-19. Saya hendak bertanya. Apakah hanya COVID-19 ini yang diberi fokus utama? Apakah penyakit berjangkit lain yang turut diberikan fokus dalam pindaan rang undang-undang ini? Pohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya di bawah pindaan rang undang-undang ini, adakah ia turut digunakan untuk menaikkan taraf kemudahan kesihatan, perubatan, kelengkapan peralatan hospital yang menangani COVID-19 semata-mata. Saya juga hendak tahu, adakah ia juga digunakan untuk menambah baik hospital, klinik kesihatan awam, klinik desa atau tujuan penyakit berjangkit yang lain.

Saya juga hendak mencadangkan kepada kerajaan, wang yang ada dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini hendaklah diperuntukkan kepada perbelanjaan dan pengurusan kepada pesakit bekas COVID-19 yang mengalami *long COVID* dengan izin, kesan jangka panjang. Mereka ini memerlukan rawatan yang berterusan dengan jangka panjang yang tidak menentu bergantung kepada sistem antibodi mereka.

Ada di antara mereka yang terkena *long COVID* dengan izin, adalah antara yang terjejas dengan pekerjaan termasuk tiada pekerjaan dan mempunyai masalah pekerjaan. Apakah dengan peruntukan di bawah rang undang-undang ini dapat membantu mereka? Adakah menerusi peruntukan ini akan adanya penambahan pembelian vaksin baharu sebagai persediaan vaksin- *booster*, dengan izin, terutama

dalam soal bersiap siagaan kerana kita tidak tahu mungkin berlaku gelombang besar selepas ini.

Moga hendaknya tidak berlaku. Akan tetapi tanda-tanda kenaikan itu sudah mula nampak selepas negara telah membenarkan rentas negeri ini. Malahan di negara *United Kingdom* sebagai contoh, telah melepasi lebih 50 ribu kes kadar harian sejak beberapa hari lalu kerana kelonggaran yang dilaksanakan di negara berkenaan sejak Jun lalu.

Kita perlu belajar dan menganalisis keadaan kesihatan awam di negara lain, serta tidak terlalu selesa atau leka, kononnya kita akan terus bersama virus COVID-19 ini tetapi akhirnya SOP itu terabai. Maka akhirnya, negara akan berdepan semula dengan PKP dan kembali semula dengan keadaan yang lalu. Ini kita tidak mahu berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya. Apakah menerusi peruntukan di bawah pindaan rang undang-undang ini turut memberi subsidi kepada rakyat kita yang menjalani ujian *swab test* PCR dan RTK-Antigen di klinik atau hospital swasta yang mengenakan caj antara RM80 hingga RM240? Saya juga hendak tanya. Apakah kerajaan dapat perolehan wang semula atas penjualan vaksin-vaksin kepada pihak swasta atas tujuan vaksinasi dan wang perolehan itu dapat dimasukkan dalam Kumpulan Wang Amanah Negara semula?

Akhir sekali saya juga hendak tahu. Setakat mana kerajaan telah berbelanja di bawah Kumpulan Wang Amanah Negara sebelum pindaan baharu ini? Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan perolehan vaksin terbabit kepada negara, apatah lagi masih wujud kumpulan antivaksin ini.

Saya juga hendak memberi contoh vaksin *CoronaVac (Sinovac)* dikenakan telah tidak mencapai keberkesanan optimum dan perkara ini sangat merunsingkan rakyat yang dikenakan vaksin berkenaan. Kita menyedari kerajaan memutuskan untuk melanjutkan pemberian dos penggalak kepada individu yang telah mendapat dos lengkap vaksin *Sinovac* sekurang-kurangnya tiga bulan lalu dan akan diberi dos penggalak vaksin keluaran Pfizer-BioNTech.

Bagaimanakah pula dengan rakyat yang menerima vaksin lain-lain selain *CoronaVac (Sinovac)*? Mereka juga mempunyai hak untuk mendapatkan dos penggalak ini. Ramai juga yang bertanya-tanya apakah vaksin dos penggalak ini percuma dan boleh dilakukan secara *walk-in*, dengan izin, dan di mana pula lokasi yang mereka mahukan dos penggalak ini.

Saya juga hendak bertanya. Setakat mana pelaksanaan pemberian vaksin di seluruh negara? Bolehkah kerajaan menyatakan spesifik kawasan-kawasan yang belum menerima vaksin sepenuhnya. Saya juga dapat maklum, ada juga dalam

kalangan Ahli Parlimen dan ADUN yang masih belum menerima vaksin. Malah ada juga yang belum lengkap dua dos vaksin kecuali vaksin yang satu- dos.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita hendak tahu, sejauh mana kebenaran itu kerana ia boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan kesihatan awam di Parlimen dan rakyat di mana Ahli Parlimen atau ADUN itu bertemu. Pohon penjelasan kerana ia sangat penting. Dengan itu saya pohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Apandi Haji Mohamad. Silakan.

#### **4.26 ptg.**

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. Adapun di depan kita ini ialah kita dimohon untuk meluluskan satu pindaan akta yang melibatkan penggunaan Wang Kumpulan Amanah Negara (KWAN) bagi tujuan pembelian vaksin.

Jadi saya ingin, sebelum itu saya ingin kita merujuk kepada firman Allah SWT... [*Membaca dua potong ayat Al-Quran*] "Kepada Engkau aku sembah dan kepada Engkau aku minta pertolongan, dan tunjukilah aku jalan yang lurus".

Dari situ Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong dan semua kita menyokong. Dalam kita menggunakan Kumpulan Wang Amanah Negara seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Kumpulan Wang Amanah kita kecil jumlahnya, sekitar RM20.9 bilion, yang menguruskan aset bernilai RM20.96 bilion. Ini termasuk sumbangan daripada PETRONAS, RM10 bilion.

Saya teringat, saya bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah beberapa kali semasa beliau dilantik sebagai Pengerusi PETRONAS di mana negara-negara yang saya sebutkan tadi, bagaimana mereka menggunakan hasil mahsul petroleum untuk jadikan dengan izin *sovereign fund* negara masing-masing.

Yang Berhormat Tengku Razaleigh mengatakan dia sudah melawat beberapa buah negara, Amerika Syarikat, Norway dan sebagainya dan dia merasakan tidak menjadi satu halangan sekiranya Kumpulan Wang Amanah Negara ini akan berjumlah RM1 trilion. Tidak menjadi masalah, bahkan dia kata, kita mampu menjadi, dengan izin, *sovereign fund* yang lebih besar dari Norway di mana Norway merupakan negara yang mempunyai *sovereign fund* yang terbesar di bawah nama *Norway Pension National*, dia guna perkataan "*Pension Fund Global*" yang berjumlah

lebih kurang USD1.4 trilion, yakni lebih kurang RM5.5, lebih kurang RM6 bilion. Makna Yang Berhormat Tengku Razaleigh pada ketika itu sudah yakin bahawa kita boleh mengatasi angka tersebut sekiranya kita menguruskan tabungan kita dengan baik, segala hasil mahsul PETRONAS. Sedangkan penduduk Norway hanya 10 juta. Kita berjumlah lebih kurang 32 juta.

Oleh sebab itu saya fikir angka ini terlalu kecil, Kumpulan Wang Amanah Negara terlalu kecil sekitar RM20.9 bilion sedangkan bayaran pencen negara tiap-tiap tahun sekitar lebih kurang dalam hampir RM30 bilion. Sepatutnya saiz Kumpulan Wang Amanah Negara ini dia tidak boleh kurang daripada dua tahun bayaran pencen negara kita, yakni sekitar RM60 bilion paling minimum.

### ■1630

Walau bagaimanapun, kerajaan memohon kepada kita dan ia telah diluluskan di dalam Dewan Rakyat dan minta diluluskan di Dewan Negara ini kerana wang itu telah pun digunakan. Wang itu telah digunakan dan akan digunakan kerana keadaannya apa realiti yang berlaku di lapangan sekarang ini ialah seolah-olah melihatkan dua- dos itu belum mencukupi di mana sekarang ini, dengan izin, *frontliners* telah pun diberikan dos ketiga kerana sistem pertahanan tubuh kita dengan menggunakan dua- dos itu belum cukup kuat untuk berlawan dengan COVID-19.

Maka, dianjurkan, digalakkan, dinasihatkan supaya menggunakan dos yang ketiga. Jadi, sudah tentu kerajaan pada hari ini mesti memberitahu kepada kita jumlah yang telah dibelanjakan dan berapa anggaran yang akan dibelanjakan berdasarkan kepada keperluan untuk dos yang ketiga yang telah pun diberikan kepada *frontliners*, dengan izin, dan kepada kita sepatutnya selepas ini sama ada Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara kerana kita juga merupakan *frontliners* yang berdepan dengan masyarakat dalam banyak ketika dan banyak hal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerajaan juga memastikan supaya lebih ramai orang yang belum mendapatkan, yang cuba lari dan yang menentang, kerajaan mesti cari satu mekanisme untuk memastikan jumlah mereka yang tidak mendapat vaksin ini kepada angka yang terlalu kecil kerana dia boleh mengancam kepada keselamatan negara kita. Kita sekarang ini rasa berbangga, *alhamdulillah* saya mengucapkan terima kasih, bersyukur kepada kerajaan apabila telah melepasi PKP yang terdahulu, sekarang ini PKP 4.0 dan nampaknya aktiviti-aktiviti ekonomi mula berjalan dengan baik.

Saya tengok aktiviti-aktiviti perjalanan perniagaan sudah mulai rancak dan *insya-Allah* sasaran kerajaan tentang pemulihan ekonomi itu *insya-Allah* berjaya. Jadi, sekiranya ia tidak diawasi dengan betul, tidak, dengan izin, di *govern* atau ditadbir dengan betul, kita bimbang nanti akan berlaku satu lonjakan baharu

menyebabkan kita mesti mengenakan PKP-PKP baharu dan sudah tentu rakyat sudah tidak mampu lagi menghadapi gelombang ketiga.

Oleh sebab itu, sekarang ini kerajaan mesti selalu- mesti dalam Dewan ini menyatakan kepada kita berapa telah berbelanja dan berapa lagi akan berbelanja dengan mengambil kira isu-isu dan kes-kes terbaharu yang mana kita amat-amat digalakkan untuk mengenakan dos yang ketiga.

Selain daripada itu, saya dari Kelantan sangat-sangat mengharapkan supaya kerajaan memberi perhatian kepada negeri Kelantan kerana saya dimaklumkan oleh kerajaan bahawa nampaknya Kelantan ini agak tertinggal dari segi pemberian dos berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Oleh sebab itu nampaknya ada lonjakan kes akhir-akhir ini di negeri Kelantan.

Justeru itu, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan amat-amat mengharapkan kerana kerajaan sekarang menggunakan wang kita semua, wang yang sebahagian besarnya ditabung, diperuntukkan oleh PETRONAS untuk tujuan menyelamatkan rakyat kita. Jadi, justeru itu sudah tentulah negeri-negeri yang masih tertinggal dipercepatkan supaya tidak tertinggal kerana semua rakyat kita belaka tanpa mengira dari negeri-negeri mana. Sama ada negeri itu diperintah oleh parti kerajaan ataupun parti bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tengok saya memanglah mengharapkan mulai sekarang kerajaan peka tentang Kumpulan Wang Amanah ini kerana saya yakin lain kali pun kerajaan akan bentang balik dalam Dewan dan akan menggunakan wang ini untuk tujuan-tujuan yang lain selepas daripada ini.

Oleh sebab itu kita tengok misal kata di Norway, dengan izin, *Norway Sovereign Fund* tadi saya katakan USD1.4 trilion, penduduk dia 10 juta dan kemudian kedua terbesar dalam dunia *China Investment Corporation* dengan izin, nilai dia lebih kurang USD1.2 trilion. Kemudian yang ketiga yang terbesar ialah *Kuwait Investment Fund*, dengan izin, yakini sekitar USD0.7 trilion dan hanya melibatkan penduduk dia lebih kurang 3 juta.

Kemudian yang keempat terbesar merupakan *Abu Dhabi Investment Authority* yang saiz *sovereign fund* nya berjumlah USD0.65 trilion. Walhal penduduk untuk Abu Dhabi, jangan kira *United Arab Emirates*, Abu Dhabi itu sekitar hanya 2 juta. Jadi, sebab itu mereka ini yakin dengan *Sovereign fund* bahkan kerajaan Norway mengatakan bahawa rakyat dia semua sudah menjadi *millionaire* kalau berdasar pada nilai *sovereign fund* itu.

Walhal kita sendiri pun kalau kita mengurus *sovereign fund* kita dengan baik, dengan menggunakan hasil petroleum yang mulai dijumpai semenjak 1974 di negara-negara Semenanjung, di Sabah dan Sarawak sebelum daripada itu lagi.

Walaupun ia dahulu Sarawak Shell dan Shell yang mengepalai, yang mengambil manfaat, selepas dari tahun 1974, ia nya diletakkan di bawah Akta Petroleum 1974.

Maka, kita rasa yakin bahawa kerana mutu bahan api kita ini sama ada petroleum, sama ada gas, adalah yang berkualiti tinggi kerana kita ini *consume*, dengan izin, kita menggunakan bahan api yang gred lebih rendah tetapi bahan api yang premium ini kita eksport ke negara-negara luar. Jadi sebab itulah, saya fikir kalau kita dengan cermat, dengan berhemah, dengan hebat, kita memanfaatkan kekuatan ataupun hasil-hasil petroleum kerana beberapa kali ramalan sudah silap.

Dari tahun 1974 diramalkan 25 tahun, dengan izin, *depleting reserve* makna rizab minyak tidak ada tetapi Allah SWT menganugerahkan negara kita dengan kekayaan baharu yakni sumber gas dan gas kita bermutu tinggi. Cuma, ia terpaksa di lautan yang dalam. Laut yang dalam lebih bersih.

Jadi, sebab itu saya sekali lagi mengharapkan supaya kerajaan peka dengan isu ini supaya menjaga dan semasa membuat pembelian itu lebih telus, lebih berhemat, lebih bijak kerana saiz Kumpulan Wang Amanah Negara kita kecil iaitu RM20.9 bilion dan saya tengok di pasaran di luar sana Tuan Yang di-Pertua, orang-orang pencen ini dia berbincang, takut hendak guna duit dia, nanti mereka tidak dapat dibayar pencen.

Ini kerana kita tahu wang ini umumnya seluruh dunia ini dia menggunakan wang-wang *sovereign fund* ini untuk hendak bayar pencen kepada mereka yang layak menerima pencen. Oleh sebab itu *insya-Allah*, kita mintalah supaya kerajaan betul-betul menghayati saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang *target* nya merupakan rasuah sifar.

Walaupun susah, kita berikhtiar dan berusaha. *Wallahualam. Wabillahitaufiq walhidayah, waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh* .

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

#### **4.38 ptg.**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mengambil pendirian yang signifikan untuk berantisipasi dalam membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021 ini atas keprihatinan dan tanggungjawab mengingatkan kerajaan walaupun tidak ada di



hadapan kita ini Tuan Yang di-Pertua, tentang tanggungjawab berperlembagaan dalam urusan mengurus dana negara.

Sebelum pindaan rang undang-undang ini dirangkul dalam konteks sama ada terdapat keperluan yang mendesak untuk ia benar-benar dipinda dengan justifikasi bagi tujuan pembelian vaksin untuk rakyat. Dalam unjuran utama persoalan perlu kita tanyakan apakah mandat Kumpulan Wang Amanah Negara ini kepada negara?

Saya ingin memulakan dengan *mauduk* mandat ini kerana inilah mandat kepada kita untuk melihat sama ada justifikasi rang undang-undang ini ataupun akta ini digubal pada tahun 1988. Ketika ia diwujudkan, tujuan dana ini adalah untuk memastikan penggunaan optimum hasil sumber-sumber asli negara yang menyusut agar dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada generasi akan datang.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam ucapan awal beliau menyebut siapakah generasi akan datang? Beliau menyebut kita juga generasi akan datang selepas 30 tahun Akta KWAN ini diwujudkan.

#### ■1640

Sangat penting untuk kita garis bawahi Tuan Yang di-Pertua, siapa pun yang kita namakan sebagai generasi akan datang, kita mesti memastikan ia mencapai maksud ia disimpan untuk generasi akan datang.

Dana ini diangkat dengan sentimen ia sebagai langkah untuk menyimpan, simpanan, jaminan dan langkah cermat untuk kepentingan bersama kita dan anak-anak kita. Jadi, naratif luhur KWAN ini adalah untuk memberikan sumbangan kepada generasi akan datang dan negara apabila sumber-sumber asli negara menyusut pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan dana ini adalah hampir sama dengan Tabung Minyak Norway. Sekali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut contoh Norway yang mana hasil-hasil minyak di negara yang dilaburkan bagi memberikan pulangan berterusan kepada rakyat Norway, contoh bagaimana pengurusan kekayaan khazanah petroleum yang bijak, berhemah dan futuristik. Akhirnya yang mendapat manfaat kembali kepada rakyat dan kemakmuran itu diuruskan dengan cekap dan rakyat menikmati hasilnya dengan asas pengurusan yang cekap, ketat dan efisien.

Saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang menyebut PETRONAS antara pihak yang dinyatakan secara spesifik agar membuat sumbangan ke dalam tabung ini selain mana-mana pihak yang memperoleh royalti daripada hasil petroleum atau hasil-hasil menyusut yang lain. Oleh yang demikian, secara prinsipnya Tuan Yang di-Pertua, dana KWAN ini tidak wajar disentuh kerana ia akan memberikan kesan terhadap kedudukan dan keupayaan hutang negara, malah bertentangan dengan

matlamat asal penubuhan dana ini meskipun krisis pandemik sudah menjadi endemik.

Menurut seksyen 6, seperti yang telah pun disebut berulang kali di bawah akta ini, terdapat dua situasi di mana wang ini wajar digunakan sebelum berlaku pindaan yang diwartakan iaitu untuk kegunaan tabung pembangunan dan memberi pinjaman ataupun pendahuluan kepada kerajaan. Seperti yang diuar-uarkan pindaan yang dicadangkan membolehkan kerajaan menggunakan dana KWAN ini bagi tujuan pembelian vaksin COVID-19 ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan bagi mencegah penularan penyakit berjangkit ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian secara prinsipnya, penggunaan dana KWAN untuk mengawal penularan COVID-19 seperti pembelian vaksin ini, tidak bertepatan dengan matlamat asal undang-undang ini digubal. Apatah lagi kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang dalam Belanjawan 2021 bagi tujuan pembelian vaksin dan mengekang penularan COVID-19. Persoalannya, mengapakah perlu menggunakan KWAN untuk Tabung COVID-19 sedangkan sudah ada sejumlah wang yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2021?

Andai sekalipun rang undang-undang ini diluluskan, perlu ada pemantauan yang ketat tentang perbelanjaan dan penggunaan dan KWAN ini, maka kerajaan perlu membentangkan garis masa pemulangan semula dana ini yang dipinjam ini kepada Parlimen. Ini harus menjadi repositori penting dalam Parlimen. Kita mahu disiplin yang ketat, ketelusan yang tiada kompromi dan pemulangan dana mengikut garis masa yang dipantau oleh Parlimen.

Barangkali oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Norway mengehadkan pinjaman kerajaan hanya sekitar empat peratus sahaja dan tidak boleh lebih daripada itu. Ini bukan dana biasa, ini bukan pinjaman biasa, ia bukan amaun biasa, ia merupakan penggunaan mengikut undang-undang yang mesti dipantau dengan penuh integriti dengan sebab pindaan yang spesifik khusus untuk perolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan vaksin.

Kita tidak kompromi soal nyawa rakyat apatah lagi ketika kita benar-benar diuji dengan pandemik. Ya, kita bukan sahaja setakat kehilangan nyawa, tetapi impak kejutan pandemik ini yang termasuk kesenjangan ekonomi, kemiskinan, kelaparan, keganasan berasaskan gender dan juga isu-isu kesihatan mental. Oleh sebab itu persoalan penting, tambahan dana untuk pembelian vaksin ataupun perbelanjaan ini juga mesti meliputi segmen kanak-kanak yang masih belum divaksin khususnya di bawah 12 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertegaskan semula bahawa dana KWAN ini adalah untuk masa depan generasi negara dan sewajarnya dana ini benar-benar diteliti penggunaannya dalam Parlimen supaya proses semak dan imbang berlaku

dan mengelakkan ketirisan serta meningkatkan kebertanggungjawaban kerajaan dalam penggunaan dana negara.

Terima kasih atas perhatian semua, saya ingin mengingatkan bahawa menyokong rang undang-undang ini bermakna menyokong suatu pertanggungjawaban dan mandat yang besar. Maka sokongan kepada rang undang-undang ini harus diambil serius oleh kerajaan kerana kita perlu menjawab kepada anak cucu kita dan generasi akan datang dalam konteks ketelusan penggunaan dana ini yang sepatutnya menjadi simpanan masa hadapan. Sokong jangan sampai membawa rebah, sokong atas nama mempertahankan mandat dan kepentingan rakyat.

Atas tanggungjawab Perlembagaan, mandat asal akta ini, justifikasi undang-undang saya berpendirian tidak menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, dipersilakan.

#### **4.45 ptg.**

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang dan laluan kepada saya untuk sama-sama ikut serta dalam perbincangan rang undang-undang, satu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan rang undang-undang ini pada hari ini, satu yang terlintas dalam fikiran saya ialah bahawa betapa pentingnya wang seperti ini perlu kita jaga dengan sebaik-baiknya. Apabila kita- Parlimen meluluskan rang undang-undang ini iaitu pada tahun 1988, iaitu kira-kira berpuluh-puluh tahun dahulu, bila dikatakan adalah untuk kepentingan generasi akan datang. Tahun 1988, kalau macam saya, baru berusia 33 tahun. Hari ini 33 tahun lagi, maka rang undang-undang ini digunakan untuk bersama-sama kita menyelamatkan negara kita.

Kata kita hidup ataupun kita berhadapan dengan keadaan yang boleh membawa maut. Ada yang menyatakan bahawa pandemik ini serupa dengan *Spanish Flu* yang berlaku pada tahun 1918. Ada yang menganggap bahawa pandemik seperti ini berlaku 100 tahun kemudian, adakah 100 tahun lagi akan berlaku pandemik yang seperti ini ataupun lebih awal? Ini merupakan satu pengajaran yang terlalu berguna untuk kita. Tahun 1918 dikatakan berlakunya

*Spanish Flu*, dan 100 tahun hari ini, tahun 2021 berlakunya perkara yang serupa, berulang lagi.

Jadi, kita tidak boleh mengecilkan kewujudan akta ini dengan kumpulan wang amanah yang seperti ini. Akan tetapi, apa yang perlu dijelaskan Tuan Yang di-Pertua ialah apakah tujuan asal kita menubuhkan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 ini. Memang ada dijelaskan tetapi ia boleh disalah ertikan oleh generasi yang ada pada masa kini. Kadang-kadang kita mempunyai satu pemikiran yang tidak begitu- saya katakan bahawa kita suka hendak memutarbelitkan pandangan kita hingga kita sendiri rasa keliru tujuan kita menubuhkan akta ini.

Oleh itu, kerajaan perlu menjelaskan dengan sejelas-sejelasnya apakah maksud sebenarnya kita menubuhkan akta ini. Hari ini sahaja terbukti bahawa akta ini telah digunakan untuk kita menyelamatkan nyawa di dalam negara kita. Kita berbelanja berbilion-bilion semata-mata untuk menyelamatkan nyawa penduduk kita, rakyat kita. Betul, kita perlu menunggu beberapa bulan sahaja lagi untuk kita mendapat wang, mungkin di bawah undang-undang yang lain. Akan tetapi, percayalah pandemik ini tidak boleh ditunggu, kita perlu segera. Kalau kita tidak ada wang yang sedia ada, kita tidak boleh membeli vaksin dalam pasaran vaksin. Itu merupakan kenyataan yang ada dalam keadaan kita sekarang ini.

Kita di Malaysia bernasib baik kerana kita ada kemampuan daripada segi kewangan untuk membeli vaksin ini dalam pasaran.

#### ■1650

Akan tetapi, ada negara-negara lain yang kurang bernasib baik, penduduknya sehingga ke hari ini tidak dapat lagi mendapat vaksin kerana negaranya tidak berkemampuan daripada segi kewangan untuk membeli vaksin. Kita di Malaysia, *alhamdulillah*, kita berkemampuan. Apa sahaja ada sumber kewangan, kita gunakan semata-mata untuk menyelamatkan nyawa rakyat. Inilah pentingnya kita menggunakan wang ini pada hari ini, bukan untuk tujuan apa-apa, semata-mata untuk menyelamatkan rakyat dengan usaha secepat mana sekalipun. Ada wang, kita terus beli vaksin yang ada dalam pasaran.

Pada saya, langkah yang diambil oleh kerajaan ialah satu langkah yang paling tepat dengan kita menggunakan wang ini untuk membeli vaksin. Harapan saya ialah, kalau kerajaan menggunakan wang ini, janganlah digunakan begitu sahaja, tetapi hendaklah cari jalan yang terbaik untuk kita mengisi balik tabung ini supaya mana-mana yang telah kita gunakan, kita harus bayar baliklah, supaya kita hari ini menggunakannya dan kita tidak tahu generasi yang akan datang pula yang akan menggunakan Kumpulan Wang Amanah Negara ini untuk keperluan-keperluan yang lebih penting seterusnya.

Jadi, saya juga berterima kasih kepada PETRONAS kerana telah menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Pada saya, kita amat bersyukur kerana bila PETRONAS ada kemampuan untuk memberi, inilah sebahagian besar daripada rezeki PETRONAS adalah daripada sumber minyak dan petroleum. Kita tahu bahawa sumber petroleum ini merupakan rezeki daripada Allah SWT.

Oleh itu, kita harus bersyukur bila kita ada sumber minyak dan sumbangan daripada PETRONAS. Harapan saya ialah bahawa kita menggunakan *fund* ini dengan sebaik-baiknya kerana *fund* ini, Kumpulan Wang Amanah Negara ini bukan hanya untuk kita hari ini, tetapi adalah untuk kegunaan generasi yang akan datang. Mungkin 20 tahun, 30 tahun yang akan datang. Inilah tujuan kita mengadakan Kumpulan Wang Amanah Negara seperti ini.

Jadi dengan harapan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili atas perbahasan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pembahas yang terakhir ialah, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, dipersilakan.

#### **4.53 ptg.**

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang dinyatakan sebagai Akta Kumpulan Wang Amanah Negara.

Perkara pokok yang ingin dinyatakan dalam perbahasan kali ini iaitu memasukkan bahagian baharu iaitu seksyen 6C yang bertujuan membenarkan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) digunakan untuk perolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan berhubung vaksin bagi suatu wabak, apa-apa penyakit berjangkit seperti dinyatakan di dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

30 tahun yang lalu, telah ditubuhkan KWAN ini, tujuannya untuk melindungi generasi masa depan melalui simpanan yang telah dibina. Setakat 31 Disember 2020, tabung KWAN mempunyai jumlah aset bernilai kira-kira RM19.5 bilion yang merangkumi pulangan daripada pelaburan dalam bon, ekuiti, deposit, emas, dan amanah pelaburan hartanah.

Menerusi Laporan Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan Kerajaan 2019, setakat 31 Disember tahun tersebut, KWAN mempunyai simpanan

tunai sebanyak RM1.57 bilion. Sehingga penghujung tahun 2020, PETRONAS merupakan antara penyumbang utama bagi tabung ini yang melibatkan dana hampir RM10.4 bilion sejak ia ditubuhkan.

Penggunaan dana menerusi KWAN secara relatifnya tidak memberi kesan langsung kepada kedudukan kewangan negara. Dana ini sendiri secara asasnya telah diwujudkan bagi tujuan kecemasan pada masa hadapan. Sekarang ialah waktunya, yang mana negara benar-benar memerlukan dana tambahan yang kita boleh anggap sebagai suatu waktu dengan keperluan yang mendesak.

Justeru, adalah tidak salah untuk kerajaan menggunakan dana ini berbanding membuat pinjaman yang hanya akan meningkatkan lagi hutang negara dan sekali gus menyebabkan implikasi langsung kepada ekonomi negara. Dana ini diyakini mampu membantu dengan lebih baik dalam mempergiatkan lagi usaha kerajaan untuk melindungi kesejahteraan rakyat dan mempercepatkan pemulihan ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, menurut data sebelum ini, sejumlah RM5 bilion telah dibelanjakan iaitu sebanyak RM3 bilion telah digunakan untuk membeli vaksin dan RM2 bilion pula digunakan bagi menanggung kos operasi dewan, membayar bil utiliti seperti air, elektrik, serta pembayaran elaun dan makanan kepada petugas yang terlibat dalam PICK. Tidak dinafikan, ada yang mempersoalkan tindakan kerajaan menggunakan dana ini.

Walau bagaimanapun, negara telah berhadapan dengan pandemik COVID-19 selama hampir dua tahun dan tempoh ini merupakan satu tempoh yang kritikal. Satu situasi di mana krisis kesihatan berada pada tahap yang membimbangkan dan memerlukan solusi yang mampu memberi jaminan pemulihan ke tahap yang lebih baik. Jika dibiarkan dan ia berterusan, impak negatif yang lebih teruk terpaksa dihadapi, bukan sahaja melibatkan ekonomi negara, malah kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, beberapa persoalan juga wajar diajukan bagi memastikan dana ini disalurkan secara telus, menyeluruh, dan terperinci. Yang Berhormat Timbalan Menteri, persoalannya, apakah bentuk proses semak dan imbang yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan ketelusan penggunaan dana ini?

Kedua, kementerian mana yang bertanggungjawab dalam pengurusan dana ini memandangkan urus tadbir berkaitan vaksin melibatkan dua kementerian utama iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi?

Ketiga, vaksin yang dibeli kerajaan turut dijual kepada hospital swasta sebagai salah satu usaha mengoptimumkan pemberian vaksin. Adakah hospital swasta membeli pada harga subsidi atau pada harga yang jauh lebih tinggi? Ke manakah hasil jualan vaksin kepada pihak swasta ini?

Keempat, apakah usaha kerajaan dalam memastikan dana yang digunakan ini dapat diganti semula? Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan kebergantungan dana ini kepada PETRONAS dapat dikurangkan?

Inilah perkara-perkara yang membimbangkan kita dan memastikan wang KWAN ini dapat diteruskan pada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang tersebut. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar perbahasan sebanyak lapan orang Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, dipersilakan.

#### ■1700

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang baru sahaja mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara. Saya ingin juga merakamkan penghargaan ke atas semua cadangan dan pandangan dan syor, rujukan serta idea dan teguran yang telah diberi.

Daripada apa yang saya dengar tadi, banyak juga Yang Berhormat terutama Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin, Yang Berhormat Dato' Zaidi pun tadi telah menjawab sebahagian daripada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator yang lain.

Sudah tentu perkara yang saya rasa pokok di sini daripada segi semak dan imbang yang dikatakan Yang Berhormat Dato' Haji Jeridin tadi yang mengatakan bagaimana kita memastikan dana KWAN ini digunakan sebaik mungkin tanpa ada apa-apa pembaziran dan, dengan izin, *leakages* dan sebagainya.

Sudah tentu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, akaun tahunan Kumpulan Wang Amanah Negara ini sebenarnya diberi ke Parlimen setiap tahun. Ia dibuat secara sangat *transparent* dan dalam membelanjakan Kumpulan Wang Amanah Negara ini, bagaimana kita boleh membuat semak dan imbang. Makanya, cara yang paling efektif ialah memastikan apa jua perbelanjaan yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Amanah Negara ini kita bawa ke Dewan Parlimen dan juga ke Dewan Negara. *That is the biggest check and balance*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa yang paling penting di sini.

Saya tahu ada yang mahu- apa yang saya katakan di sini semua perbelanjaan, itu betul. Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator, ia dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan dan MOSTI. Akan tetapi, wang itu tidak

datang daripada Kementerian Kewangan. Wang itu masih lagi berada dalam akaun Kumpulan Wang Amanah Negara. Jadi, prosesnya, MOH akan buat invoice. Daripada invoice itu, KWAN akan membayar *according to invoice*.

Sudah tentu mereka akan mengatakan adakah orang tengah- tetapi tiada orang tengah. *Public Account Committees* (PAC) telah pun memanggil Kementerian Kewangan tentang apakah cara untuk kita membuat *procurement* atau perolehan untuk vaksin. Caranya kontrak itu terus daripada syarikat vaksin kepada Kerajaan Malaysia secara terus. Tidak melalui mana-mana pihak ketiga. Tidak melalui syarikat dan sebagainya.

Jadi, dengan itu, saya juga ingin menyentuh soalan-soalan yang diberikan oleh, yang pertama tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator mungkin menanya agak banyak soalan dalam perbahasan tadi. Saya akan cuba menjawab apa yang kita ada dengan maklumat yang kita ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kelulusan bagi perolehan vaksin diberikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara rundingan terus dengan pengeluar atau pembekal tempatan agar harga dirundingkan ke paras yang terendah dan menguntungkan kerajaan berdasarkan nilai faedah yang terbaik. Skop perolehan meliputi pembekalan dan perkhidmatan logistik secara menyeluruh daripada pihak pengeluar sehinggalah ke fasiliti perubatan yang ditetapkan oleh KKM melalui kaedah *cost, insurance and freight* (CIF), dengan izin. Oleh itu, perolehan vaksin ini merangkumi kos vaksin dan kos-kos logistik yang ditetapkan oleh pengeluar itu sendiri.

Penentuan vaksin adalah berdasarkan penilaian oleh NPRA, KKM ke atas vaksin itu dan diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Pelaporan pembekalan dan penerimaan vaksin dibentangkan oleh KKM di dalam JKJAV di mana MOF juga merupakan ahli tetap JKJAV. Melalui JKJAV tersebut, mekanisme semak dan imbang telah dilaksanakan oleh MOF bersama-sama semua ahli JKJAV.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perolehan bekalan vaksin termasuk juga daripada syarikat Pharmaniaga yang menggunakan sumber KWAN. Semua peruntukan berkaitan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menggunakan dana KWAN bermula daripada 21 April 2021 dan pemberian vaksin adalah secara percuma.

Terdapat dua kaedah dalam pengurusan dana KWAN iaitu, pertama, perolehan bekalan vaksin. Pembayaran yang dilaksanakan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Dan kedua, perbelanjaan berkaitan vaksin dan PICK. Pembayaran



dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan MOSTI melalui Jabatan Akauntan Negara. Semua kaedah ini adalah menurut seksyen 3(3) dan 4(3) Akta Kumpulan Wang Amanah Negara [Akta 339].

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, PIKAS secara dasarnya tidak ditanggung di bawah KWAN, PICK dan MOSTI. Semuanya termasuk personel, lokasi, sewaan dan lain-lain ditanggung oleh pihak industri. Kerajaan hanya memberi bekalan vaksin kepada pihak industri bagi pelaksanaan vaksinasi di premis industri.

Kerajaan akan mengkaji dan meneliti cadangan untuk mewujudkan *bipartisan* jawatankuasa perihal perbelanjaan vaksin dan lain-lain perbelanjaan dengan menggunakan dana KWAN. Sebenarnya ada juga *Parliamentary Select Committee* yang khusus untuk kesihatan. Mungkin mereka juga boleh memanggil atau menyoal mana-mana jabatan atau kementerian untuk memastikan ia dijalankan dengan telus.

Kerajaan juga sentiasa akan memastikan pengurusan kewangan lebih mampan untuk memastikan PETRONAS sedia mempelbagaikan sumber penyumbang kepada dana KWAN. KWAN ini waktu ia dimulakan pada ketika itu, ia untuk hasil yang boleh dieksploitasi yang menyusut. Ia khusus untuk minyak dan gas.

Walau bagaimanapun, kita akan melihat juga mana-mana lagi mineral yang boleh dikategorikan secara sama dan mungkin kita kena cari juga mekanisme di mana kita minta juga syarikat-syarikat gergasi lain untuk memberi sumbangan kerana memang selama ini daripada 1988 hingga sekarang, ia ditanggung penuh oleh PETRONAS. Kadar yang diberi oleh PETRONAS itu mengikut prestasi syarikat PETRONAS itu sendiri. Ia tidak konsisten. Jikalau ia mempunyai keuntungan yang luar biasa misalnya, pada ketika tahun itu, sumbangan itu akan naik mengikut prestasi PETRONAS yang sudah tentu berhubung kait dengan harga minyak di pasaran.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, selaras dengan perolehan di negara lain, perincian kontrak perolehan vaksin adalah tertakluk kepada, dengan izin, *non-disclosure agreement* (NDA) dan dengan itu, perincian berkenaan dengan kos itu tidak dapat diumumkan. Serupa juga dengan kaedah perolehan. Ia tidak dapat dilaksanakan secara tender dan ini selaras juga dengan pendekatan negara lain.

#### ■1710

Namun, kerajaan telah berunding secara terus dengan pembekal seperti *Pfizer*. Kalau kita ingat ketika itu, ketika jangkitan berada dalam prestasi yang sangat membimbangkan. Dalam keadaan darurat itu, kita terpaksa memastikan bekalan vaksin yang cukup untuk memastikan keselamatan orang ramai di Malaysia. Jadi, perkara ini juga dibuat di negara-negara lain kerana ia masa-masa kecemasan.

Selain itu, saya juga ingin menekankan sekali lagi bahawa pembelian vaksin oleh kerajaan tidak menggunakan konsep orang tengah bagi memastikan tiada manipulasi harga dan *value for money*, dengan izin. Di mana pembelian tersebut turut mengambil kira harga semasa vaksin berdasarkan kadar tukaran wang asing.

Vaksin ini, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, harganya ini ada *tier system*. Ia ada *first tier*, *second tier*, *third tier*. Negara-negara maju yang mempunyai kemampuan, mereka selalunya dicaj dengan harga yang lebih mahal. Manakala negara-negara yang membangun dicaj dengan harga yang lebih rendah daripada *Tier 1 dan Tier 2*. Ada juga *Tier 3* untuk negara-negara yang tidak mempunyai kemampuan. Syarikat-syarikat ini akan memberikan harga yang berpatutan kepada mereka, selaras dengan kemampuan mereka untuk membeli vaksin tersebut.

Daripada segi tadbir urus penggunaan dana KWAN, menurut seksyen 6, Akta KWAN 1988, maksud penggunaan dana KWAN adalah terhad dan memerlukan kelulusan Menteri Kewangan. Penggunaan adalah terutamanya untuk maksud pembangunan sahaja. Sebagai polisi, sebarang cadangan penggunaan akan dibentangkan di kabinet dan hanya melibatkan pendapatan yang terkumpul.

Kementerian Kewangan berharap agar penggunaan dana KWAN adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan vaksin pada ketika ini. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu menilai semula situasi COVID-19 dari semasa ke semasa sekiranya terdapat keperluan vaksin yang mendesak pada masa hadapan. Di samping itu, mempergiatkan usaha untuk menambah semula dana KWAN ini yang telah digunakan semasa krisis kesihatan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, selepas penggunaan dana KWAN sebanyak RM5 bilion untuk perolehan vaksin, dana KWAN masih lagi berbaki sebanyak RM15 bilion. Setelah ekonomi negara kita stabil, usaha penambahan semula dana KWAN perlu dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan. Komitmen kita daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri ialah untuk turut mengambil bahagian dalam inisiatif membaik pulih dana KWAN pasca pemulihan ekonomi, yang mana ia adalah amat penting di samping memperkukuhkan tadbir urus penggunaan dana KWAN untuk memastikan dana KWAN dapat menjalankan peranannya seperti yang termaktub dalam Seksyen 5 Akta 339.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga, kaedah pengeluaran dana KWAN berhubung vaksin direkodkan sebagai perbelanjaan operasi- *operating expenditure* dan bukan sebagai penerimaan dividen. Kerajaan pada bulan Ogos tahun 2021 telah pun menandatangani kontrak yang melibatkan hampir 80 juta dos vaksin. Namun begitu, sebahagian daripada dos vaksin ini tidak

dapat dibekalkan mengikut masa dan antaranya hanya akan dihantar pada hujung tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Senario pada bulan Ogos menampakkan bilangan kes yang sangat tinggi terutamanya di Lembah Klang serta keperluan untuk meningkatkan kadar vaksinasi bagi membolehkan pembukaan ekonomi ini dapat dilaksanakan secara beransur-ansur. Dengan itu, kerajaan telah memutuskan untuk memperoleh lagi 6 juta dos tambahan supaya dapat dibekalkan dengan segera kerana pembelian tersebut membolehkan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk mencapai peratus vaksinasi lengkap untuk penduduk dewasa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, dalam Dewan yang mulia ini yakinlah bahawa kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk memastikan rakyat, perniagaan, kesihatan dan ekonomi dilindungi sebaik mungkin. Segala dasar dan langkah yang dilakukan sentiasa menyokong matlamat untuk segala lapisan rakyat maju ke hadapan bersama dan sekata, sejajar dengan Keluarga Malaysia.

Jadi, di akhir kalam saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator kerana berbahas sekian lama, berhujah dan mengemukakan pandangan yang bernas lagi bijaksana demi kebaikan rakyat. Maka dengan itu, saya mengakhiri ucapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan II atas jawapan yang diberikan. Ada tidak Ahli-ahli Yang Berhormat hendak buat pertanyaan lagi?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, mohon bertanya satu atau dua soalan sebab- untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam akta ini, kita tidak ada macam had pengeluaran untuk penggunaan tabung ini walaupun kita tahu ia merupakan sebuah kecemasan dan keperluan pada ketika ini, terutama apabila menghadapi COVID-19.

Kalau macam di Norway, ia ada Tabung Minyak Norway dan diberikan had dalam akta mereka untuk dikeluaran penggunaannya untuk kecemasan itu tidak melebihi tiga peratus daripada tabung tersebut. Sedangkan kalau macam kita hari ini di Malaysia, kita ada tabung lebih kurang sebanyak RM20 bilion, dan kita mengeluarkan hari ini sebanyak RM5 bilion. Kalau hendak ikut pada peratusnya sudah 25 peratus.

Jadi, adakah kerajaan perlu, saya kira pada hemat saya, meletakkan sasaran atau had pengeluaran sebab kita tidak mahu ia digunakan sewenang-wenangnya. Sedangkan macam Yang Berhormat katakan tadi, contoh macam *procurement* atau pembelian vaksin dan sebagainya atas adanya persefahaman antara pembeli kerajaan dan pembekal itu tidak boleh dinyatakan dan sebagainya.

Jadi, kita sebagai rakyat di negara ini perlu juga tahu perbelanjaan itu dapat dijelaskan untuk pemahaman semua oranglah, terutama macam kita Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Soalan kedua saya, bagaimana dalam tempoh yang akan datang ini- tadi Yang Berhormat ada sebut, untuk kita hendak *replenish*, dengan izin, untuk menambah, tingkatkan balik menjadi RM20 bilion itu, berapa lamakah usaha tersebut? Bagaimanakah caranya? Hanya kerana kita hendak harapkan kepada PETRONAS semata-mata. Sedangkan dalam akta ini menyebut bahawa sumbangan penyumbangannya adalah daripada PETRONAS sebagai agensi tunggal yang mengendalikan petroleum negara.

Begitu juga negeri-negeri yang mendapat royalti daripada minyak. Adakah sebelum ini, ada juga negeri-negeri yang telah pun macam Sarawak, Sabah, Kelantan atau Terengganu menyumbang kepada tabung ini? Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan tadi. Silakan.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul, di Norway ia mempunyai *cap* atau had cuma tiga peratus daripadanya boleh digunakan. Namun di Malaysia, dana KWAN ini- untuk tujuan perolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan, ia telah merangkumi 63 peratus daripada jumlah perolehan terkumpul setakat 31 Disember 2020.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan berharap agar penggunaan dana KWAN sebanyak RM6 bilion akan mencukupilah untuk menampung perbelanjaan vaksin pada ketika ini. Pada masa yang sama, kerajaan juga akan menilai semula situasi COVID-19 dari semasa ke semasa sekiranya terdapat keperluan vaksin yang mendesak pada masa hadapan, di samping mempergiatkan usaha untuk menambahkan semula dana vaksin yang telah digunakan semasa krisis kesihatan ini.

Rasanya dana KWAN ini memerlukan, kalau di Malaysia kelulusan daripada Kabinet dan kuasa Menteri Kewangan dengan persetujuan panel dan seperti saya katakan awal tadi, melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Saya rasa Dewan Parlimen dan Dewan Negara ini puncak semak dan imbang untuk dana KWAN ini.

#### ■1720

Untuk soalan yang kedua untuk Yang Berhormat Senator Dato' Wira, setelah ekonomi negara kembali stabil, usaha penambahan semula dana KWAN akan kita laksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan dan komitmen daripada Kerajaan Persekutuan untuk turut mengambil bahagian dalam inisiatif baik pulih dana KWAN pasca pemulihan ekonomi akan kita laksanakan.

Akan tetapi memang betul dalam Akta KWAN itu apa Yang Berhormat Senator Dato' Wira cakap ia juga melibatkan negeri-negeri yang mendapat hasil daripada minyak seperti Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan sebagainya. Mereka belum lagi memberi apa-apa sumbangan untuk dana KWAN tetapi saya tidak yakin pada masa akan datang kalau kita minta mereka buat sumbangan mereka juga mungkin akan meminta royalti yang lebih tinggi mungkin daripada PETRONAS sebelum buat apa-apa keputusan, mungkin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan lain? Dipersilakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini kita belum lagi nampak komitmen yang konkrit daripada kerajaan untuk memastikan dana ini akan dibayar balik atau ditambah balik. Ini kerana saya khuatir bila bertukar kerajaan, komitmen itu akan hilang begitu sahaja. Kerajaan yang akan datang akan menuduh kerajaan yang sebelumnya, dia yang mengeluarkan, jadi kami tidak komited untuk menambah balik dana tersebut.

So, saya cadangkan sekiranya ada satu bentuk yang bertulis, komitmen kerajaan, Kerajaan Pusat, tidak kiralah siapa yang memerintah untuk membayar balik ke dalam tabung ini dengan jadual yang tertentu untuk memastikan bahawa kita ada tabung ini berkekalan untuk anak cucu kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya pun ketika KWAN ditubuhkan dari tahun 1988 hingga sekarang, memang ada jadual pun yang dibuat oleh PETRONAS dalam memberi sumbangan kepada dana KWAN.

Soal kita sekarang ini, jikalau ekonomi pulih kita tidak boleh juga mengatakan kita akan menaikkan atau menambah- minta PETRONAS menambah peruntukan itu dengan sewenang-wenangnya kerana ia berhubung kait dengan harga minyak mentah di pasaran. Jikalau harga minyak mentah di pasaran itu baik seperti hari ini, mungkin mereka akan menambah dan saya percaya PETRONAS punyai formula yang tertentu di mana jikalau prestasi kewangan syarikat *perform...*

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Apa yang saya faham tadi, bukan kita perlukan PETRONAS membuat sumbangan berjadual tetapi pihak kerajaan perlu membuat komitmen. Maksudnya kerajaan membuat komitmen untuk membuat bayaran secara berjadual. Mohon penjelasan.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Ya. Seperti yang saya katakan tadi kita memberi komitmen jikalau ekonomi kembali pulih dan jikalau keadaan mengizinkan untuk kita memastikan sumbangan ke atas KWAN ini dapat kita tambah. Kita juga mencari jalan untuk melihat mineral-mineral lain atau syarikat-syarikat gergasi lain yang mungkin juga boleh memberi sumbangan kepada KWAN. Sudah tentu perkara ini kita akan memperincikan dari semasa ke semasa Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Boleh saya celah sikit Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Persoalannya sekarang, kalau kita tengok dalam RUU ini tidak dinyatakan, kerajaan boleh guna pakai untuk beli vaksin dan aktiviti yang sewaktu dengannya. Akan tetapi tidak dinyatakan yang kerajaan akan bayar balik kepada KWAN. Betul begitu, kan?

Jadi, adakah komitmen kerajaan untuk bayar balik kepada KWAN? Oleh sebab tidak dinyatakan pun dalam RUU yang mengatakan sudah pakai sekian banyak dan akan dibayar balik dalam jangka masa tertentu. Tidak adapun dalam RUU. Saya mohon penjelasan.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Betul Yang Berhormat Senator. Akan tetapi ini bukan satu pinjaman. Seperti yang saya katakan tadi *this is under operation expenditure* (OE) atau operasi pengurusan. Jadi, ia disimpan untuk masa-masa kecemasan dan saya rasa pandemik COVID-19 ini boleh kita kategorikan sebagai masa-masa kecemasan. Kalau tidak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili dan Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, kalau tidak kita terpaksa buat pinjaman dan ini akan lebih membebankan keadaan kewangan kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan lain?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di bawah seksyen 6, Akta 339 ini menyatakan dengan izin cakap orang putih sikit, "*Allowed KWAN to be used after 10 years for the development expenditure and to finance soft loan to Federal Government and states government.*" Dia kata tabung ini boleh dibenarkan untuk selepas 10 tahun boleh digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan juga pinjaman mudah, pinjaman yang tanpa faedah yang tinggi untuk Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri.

Namun, dalam konteks kita hari ini kita cakap ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan menggunakan tabung KWAN ini untuk kecemasan seperti COVID-19 ini. Maka apa yang cuba disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Akanan a/l Ehtook dan rakan-rakan ini sebentar tadi seperti yang saya faham, jadi bila tabung ini digunakan macam gratis, macam percuma, diambil begitu sahaja tanpa diganti

balik. Jadi, adakah kerajaan perlu untuk ganti balik dalam konteks mungkin 10, 15 atau 20 tahun untuk menampung balik?

Kedua, dalam konteks KWAN ini juga, tabung Kumpulan Wang Amanah ini kita hanya bercakap soal petroleum semata-mata dan gas. Akan tetapi kita tidak bercakap soal mineral yang lain. Sebelum ini, mungkin negara kita mengeluarkan timah sebagai satu hasil mahsul negara.

Akan tetapi tidak termasuk dalam tajuk ini seperti mana kalau kita bercakap konteks tanaman sawit dan getah ini kita ada ses untuk tabung tanam semula. Jadi, sepatutnya dimasukkan juga dalam tabung KWAN ini sebagai penyumbang lain daripada petroleum gas ini merupakan mineral-mineral yang ada dalam negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Untuk dana KWAN ini, penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan dari pelbagai segi termasuk kawal selia pelaburan dan peningkatan dana. Usaha untuk mengkaji Akta KWAN 1988 ini merupakan usaha yang berterusan bagi tujuan menguatkan kawal selia, mengemas kini skop pelaburan dan meningkatkan sumbangan dana secara dalaman. Kawal selia dikuatkan oleh panel KWAN dengan garis panduan penggunaan dana manakala pelaburan dikembangkan lagi dari dalam kelas aset dan pasaran baharu termasuk pengurusan dana luar.

Usaha meningkatkan dana sentiasa dibincangkan dan langkah-langkah sesuai seperti memohon sumbangan itu telah kita laksanakan. Akan tetapi ia tidak memerlukan komitmen kerajaan untuk bayar balik secara perundangan dan KWAN adalah untuk kegunaan generasi pada masa hadapan dan vaksin bagi kita adalah penting untuk memastikan generasi masa hadapan itu dapat kita pelihara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan yang diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang**]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 26 Oktober 2021. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.18 petang]***